



Bangkit untuk Berkhidmat

Institut Ruhi



Buku 2

Bangkit untuk Berkhidmat

Institut Ruhi

Buku-buku dalam Siri ini:

Berikut adalah tajuk-tajuk terkini dalam siri yang dibentuk oleh Institut Ruhi. Buku-buku ini dicadangkan untuk digunakan sebagai urutan utama kursus-kursus dalam satu usaha sistematik bagi meningkatkan keupayaan belia-belia dan orang dewasa untuk berkhidmat kepada komuniti mereka. Institut Ruhi juga sedang memperkembangkan satu set kursus-kursus yang bercabang dari buku ketiga dalam siri latihan guru-guru kelas kanak-kanak Bahá'í, dan satu lagi set daripada Buku 5 bagi melatih animator kepada kumpulan belia muda. Ini juga telah dinyatakan dalam senarai di bawah. Harus dimaklumkan bahawa senarai ini akan melalui perubahan apabila pengalaman-pengalaman dari lapangan semakin maju, dan tajuk-tajuk baharu akan ditambahkan apabila bilangan elemen kurikulum yang sedang dalam perkembangan menjadi semakin meningkat sehingga mencapai tahap yang mana iaanya dapat digunakan dengan meluas.

<i>Buku 1</i>	<i>Renungan tentang Kehidupan Roh</i>
<i>Buku 2</i>	<i>Bangkit untuk Berkhidmat</i>
<i>Buku 3</i>	<i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 1</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 2 (cabang kursus)</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 3 (cabang kursus)</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 4 (cabang kursus)</i>
<i>Buku 4</i>	<i>Manifestasi Berkembar</i>
<i>Buku 5</i>	<i>Membebaskan Daya Belia Muda</i> <i>Dorongan Awal: Kursus cabang pertama daripada Buku 5</i> <i>Lingkungan Membesar: Kursus cabang kedua daripada Buku 5</i>
<i>Buku 6</i>	<i>Mengajar Akidah</i>
<i>Buku 7</i>	<i>Melangkah Bersama di Jalan Khidmat</i>
<i>Buku 8</i>	<i>Waadat Bahá'u'lláh (edisi prapenerbitan)</i>
<i>Buku 9</i>	<i>Memperoleh Perspektif Bersejarah</i>
<i>Buku 10</i>	<i>Membina Komuniti yang Bersemangat</i>
<i>Buku 11</i>	<i>Sarana Kebendaan</i>
<i>Buku 12</i>	<i>(akan datang)</i>
<i>Buku 13</i>	<i>Melibatkan Diri dalam Tindakan Sosial</i>
<i>Buku 14</i>	<i>(akan datang)</i>

Hak Cipta © 1999, 2020 oleh Ruhi Foundation, Colombia

Semua hak cipta terpelihara. Edisi 2.1.2.PE.PV (provisional translation) diterbitkan pada Mac 2021

Dicetak di Sabah, Malaysia

Penerbitan asal diterbitkan dalam Bahasa Sepanyol sebagai *Levantémonos a servir*

Copyright © 1987, 1996, 2020 by the Ruhi Foundation, Colombia

ISBN 978-958-52941-0-3

Kebenaran untuk pencetakan terhad buku ini ke dalam Bahasa Malaysia telah diberikan kepada Institute for Action and Development (IAD) Sabah oleh Institut Ruhi.

Institut Ruhi
Cali, Colombia
E-mel: instituto@ruhi.org
Laman Web: www.ruhi.org

Institute for Action and Development
P.O.Box 13978, 88846,
Kota Kinabalu, Sabah
Tel: +6088-716901
Emel: nsasabah@gmail.com

Kandungan

Beberapa Pertimbangan bagi Tutor	v
Keriangan Mengajar	1
Perbualan-perbualan yang Memberangsangkan	17
Tema-tema Pendalaman	41

Beberapa Buah Fikiran Bagi Tutor

Buku ini, yang kedua dalam urutan kursus utama yang ditawarkan oleh Institut Ruhi, adalah berkenaan kebolehupayaan yang membolehkan kita menyumbang kepada perbualan yang bermakna dan memberangsangkan. Tindakan khidmat khusus yang mana buku ini tumpukan telah dinyatakan dalam unit ketiga. Dalam satu dunia yang mana daya-daya berkuasa sedang memecahkan ikatan komunal, amalan melawat kenalan dan jiran tetangga di rumah mereka untuk menerokai tema-tema yang berpusat pada kehidupan masyarakat, jika ia menjadi ciri utama dalam budaya itu, dapat mengubati beberapa penyakit yang disebabkan oleh pengasingan diri yang semakin meningkat. Ikatan persahabatan yang dibentuk, seperti yang dinyatakan dalam unit ini, akan memperkuat proses pembangunan komuniti-komuniti yang bersemangat dan harmoni.

Satu program lawatan ke rumah yang mampu dalam kejiran dan perkampungan menyeru satu tahap organisasi, yang melibatkan satu nukleus rakan-rakan berdedikasi disokong oleh institusi pentadbiran dan agensi yang penting. Dalam membimbing sekumpulan melalui buku ini, tutor harus ingat bahawa peserta harus disediakan untuk menyertai usaha yang berterusan sebegini. Lawatan-lawatan yang diatur untuk mereka sebagai komponen dalam kajian mereka harus membawa kepada suatu komitmen untuk mengambil bahagian dalam usaha ini tahun demi tahun, iaitu satu aspek penting bagi suatu kehidupan khidmat.

Amalan melawat rumah bagi tujuan jelas menerokai tema-tema rohani dan kepentingan sosial dengan jelasnya meningkatkan budaya satu komuniti. Sama penting dalam hal ini adalah perbincangan tidak formal yang banyak berlaku di rumah dan di tempat kerja, di sekolah dan di pasar. Lalu untuk memperkenalkan prinsip-prinsip rohani dalam perbualan harian dari semasa ke semasa adalah satu kebolehan yang memerlukan perhatian. Perkembangan kebolehan ini adalah melalui tumpuan pada unit kedua, dalam cara ini, akan meletakkan asas bagi kajian yang akan dibuat di unit ketiga.

Jika ingin perbualan kita dengan kenalan dan jiran tetangga memberangsangkan, kita mesti mampu membawa keriangan dalam interaksi kita dengan mereka. Ini adalah subjek yang diutarakan dalam unit pertama, “Keriangan Mengajar”. Semua tindakan khidmat yang disyorkan oleh Institut Ruhi melibatkan, secara intinya, berkongsi dengan orang lain mutiara-mutiara kearifan ilahi yang kita temui dalam samudera Wahyu Bahá'u'lláh. Kajian unit pertama ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang keriangan yang terwujud dalam pencarian ini. Para peserta ditanya di sepanjang beberapa bahagian untuk memikirkan Kalimat Tuhan dan betapa diberkati untuk berkongsi kepada orang lain. Daripada tindakan ini, yang dicadangkan oleh unit ini, bangkitnya keriangan yang menguatkan langkah-langkah kita apabila kita melangkah di jalan khidmat. Namun,

walaupun diyakinkan sepenuhnya oleh kebenaran rohani yang mendalam ini, kita boleh kehilangan keriangan mengajar jika kita gagal memikirkan nilai-nilai dan sifat-sifat yang harus membezakan khidmat. Ini adalah tujuan perbincangan dalam kebanyakan buku-buku seterusnya dalam siri ini, dan hanya beberapa sahaja diteliti di sini, bermula dengan ketakterikatan dalam Bahagian 7. Satu himpunan petikan daripada Tulisan Bahá'í membentuk asas bagi renungan pada nilai ini, satu nilai yang amat diperlukan jika faktor-faktor luaran akan memadamkan keriangan berkhidmat. Apa yang penting adalah agar peserta tidak jauh terpesong daripada kajian mereka dengan pandangan salah bahawa ketakterikatan bermaksud menyendiri atau ketidakpedulian. Kita harus sentiasa berusaha untuk menggiatkan usaha kita dan untuk meningkatkan keberkesanan khidmat kita apabila kita berusaha untuk mencapai hasil yang semakin baik. Ini memerlukan satu pemahaman yang cukup akan sifat usaha itu, satu topik yang akan dipertimbangkan dalam Bahagian 8. Keyakinan dan penghargaan, dua sifat yang penting dalam jalan khidmat, juga dibincangkan secara ringkas dalam bahagian yang seterusnya dan yang terakhir.

Unit kedua buku ini, “Perbualan-perbualan yang Memberangsangkan”, menumpukan pada kebolehan untuk menaikkan tahap perbualan tidak formal dengan merujuk pada prinsip-prinsip rohani apabila keadaan mengizinkan. Ia mengandungi sebilangan pernyataan pendek tentang pelbagai subjek, yang mana, walaupun bukan petikan yang paling tepat, adalah berdasarkan ujaran ‘Abdu’l-Bahá dan merangkumi banyak kata-kata dan ayat-ayat yang Beliau telah gunakan. Mempertimbangkan keperluan sejagat, ia menceritakan aspirasi dan kebimbangan manusia dari pelbagai latar. Adalah diharapkan bahawa, dengan mengkaji pernyataan-pernyataan itu, peserta akan mendapat inspirasi daripada cara ‘Abdu’l-Bahá menerangkan prinsip-prinsip rohani dan akan memperoleh tabiat untuk memandang kepada-Nya apabila mereka berusaha untuk menemui mutiara-mutiara yang terbenam dalam samudera Wahyu Bahá'u'lláh, dengan memahami makna dan implikasi ajaran-ajaran Ayahanda-Nya, dan berkongsinya secara murah hati kepada orang lain.

Untuk mencapai tujuan unit ini, peserta harus diberikan peluang untuk mempelajari setiap pernyataan beberapa kali, mengenal pasti urutan pemikiran, dan berlatih untuk menggunakan sehingga mereka begitu mengingati idea-idea itu lalu mereka dapat meluahkannya secara semula jadi. Beberapa orang akan, pada mulanya, hanya menghafal pernyataan itu dan mengulanginya dalam cara yang hampir seperti yang dinyatakan dalam unit ini. Ini adalah mungkin. Apabila pengetahuan mereka tentang Akidah lebih mendalam dan pengalaman mereka berkembang, mereka akan mempunyai akses kepada kandungan yang lebih luas dan perbendaharaan kata yang lebih kaya, yang akan ditonjolkan dalam interaksi mereka dengan orang lain. Tutor harus mengenali bahawa, pada tahap ini, apa yang ingin dicapai adalah dua: suatu keselesaan yang mencukupi dalam menerangkan ajaran-ajaran dan penyelarasannya dengan pemikiran ‘Abdu’l-Bahá.

Selepas ahli kumpulan belajar menyampaikan kandungan setiap pernyataan, mereka akan beralih kepada satu lagi aktiviti yang mana mereka digalakkan untuk mengaitkan idea-idea yang mereka telah kaji dengan isu-isu berkaitan keluarga, kenalan, dan rakan sekerja mereka. Akhirnya, mereka diminta untuk memikirkan beberapa topik

dan persoalan yang dibangkitkan dalam perbualan dan membuat keputusan yang manakah akan memberikan mereka peluang untuk memperkenalkan idea-idea ini dalam perbualan. Bagi beberapa pernyataan, satu atau dua contoh telah dinyatakan untuk menunjukkan bagaimana prinsip-prinsip rohani yang dijelaskan oleh ‘Abdu’l-Bahá menerangkan hal-hal yang berkaitan dengan manusia di merata tempat. Latihan ini akan membawa hasil yang lebih baik jika, sewaktu mengkaji buku ini, tutor dapat membantu setiap ahli dalam memilih salah satu pernyataan dan sebilangan individu untuk berbual tentang idea-idea dalamnya. Dalam cara ini, masa boleh ditetapkan bagi peserta, apabila bertemu, untuk menggambarkan kepada satu sama lain dinamik perbualan yang mana mereka telah mulakan.

Bagi setiap pernyataan dalam unit, beberapa petikan daripada Tulisan Bahá’u’lláh telah dimasukkan bagi penghafalan. Penekanan yang Institut Ruhi letakkan pada penghafalan, yang sudah wujud dalam buku pertama siri ini, menjadi lebih ketara lagi dalam Buku 2. Adalah diharapkan bahawa, sehingga kini, peserta sedar akan makanan rohani yang mereka terima daripada amalan menghafal petikan Tulisan. Lalu dalam buku ini, mereka akan merenung lebih lanjut akan kesan Kalimat Tuhan kepada kalbu manusia, dan dalam unit ketiga, seperti yang kedua juga, mereka akan belajar menyampaikan prinsip-prinsip dan idea-idea yang ditemui daripada Tulisan dalam ucapan mereka dan, apabila sesuai, memetik daripada petikan secara langsung. Untuk menjelaskan ajaran-ajaran dengan tepat, menyampaikannya kepada orang lain dalam bentuk yang paling asal, adalah antara kebolehupayaan yang kita sedang cuba perkembangkan apabila kita melangkah di jalan khidmat. Dan cara terbaik untuk memulakan ialah dengan mengkaji penerangan ‘Abdu’l-Bahá dan berusaha menyampaikannya dalam cara yang Beliau gunakan adalah tujuan yang mendasari struktur unit kedua.

Seperti yang dinyatakan di atas, unit ketiga, bertajuk “Tema-tema Pendalaman”, melihat pada tindakan khidmat yang diutarakan dalam buku ini--iaitu, untuk melawat kenalan dan jiran tetangga bagi tujuan jelas mulakan perbincangan yang penting bagi kehidupan komuniti. Tiga jenis perbualan telah disampaikan dalam unit ini dan, bagi setiap satunya, kandungan khusus telah dicadangkan. Jenis pertama merangkumi satu siri tema yang harus diterokai dengan penduduk satu kampung atau kejiranan dalam satu program lawatan yang sistematik. Walaupun kandungan yang digariskan boleh dikongsikan dengan pendengar yang berminat dalam pelbagai cara, tujuan asal tema-tema itu--iaitu untuk memberikan ahli-ahli sebuah keluarga peluang untuk mendalami pengetahuan mereka tentang Akidah--adalah paling relevan. Dengan itu, sebahagian besar dalam unit itu menghuraikan jenis perbualan ini.

Namun, amalan melawat rumah telah mempunyai dimensi baru dalam tahun kebelakangan ini, terutamanya apabila unit geografi yang semakin kecil, sehingga ke tahap kampung dan kejiranan bandar, telah meningkat dalam bilangan individu yang dapat bertindak sebagai tutor, animator kumpulan belia muda, dan guru kelas kanak-kanak. Terutamanya, amalan itu telah terbukti penting bukan sahaja bagi tujuan menyebarkan pengetahuan tentang Akidah; ia juga penting bagi kejayaan dalam kemekaran program-program bagi pemerkasaan rohani belia muda dan bagi pendidikan rohani kanak-kanak.

Dalam hal ini, apa yang telah menjadi jelas adalah bahawa lawatan yang kerap harus dilaksanakan oleh animator dan guru kepada ibu bapa kepada mereka yang muda dalam kedua-dua program untuk membincangkan konsep-konsep dan pendekatan-pendekatan yang membentuknya. Perbincangan sebegitu merangkumi perbualan jenis kedua, yang diteliti dalam Bahagian 14 dan 15. Kandungan yang ada dalam kedua-dua bahagian ini tidaklah luas, kerana peserta akan lebih memahami kedua-dua program pendidikan ini dalam kursus-kursus selanjutnya. Tetapi untuk memberikan gambaran kepada mereka tentang kepentingan jenis perbualan ini dan untuk menemani guru kelas kanak-kanak dan animator belia muda dalam lawatan mereka kepada ibu bapa adalah terbukti berguna pada tahap awal ini.

Jenis perbualan ketiga yang dipersembahkan dalam unit ini mempunyai tujuan yang istimewa. Begitu ramai pemuda dan pemudi sedang mencari tempat melaluinya terserlah keinginan mendalam mereka untuk menyumbang kepada pemberian dunia. Mereka adalah takungan keupayaan yang amat besar untuk mengubah masyarakat, yang sedang menanti, malah amat teringin untuk digunakan. Satu perbualan dalam kalangan rakan sebaya yang mana mereka merenung pada peluang-peluang dan tanggungjawab-tanggungjawab unik zaman belia, dengan semua tenaga dan potensi luar biasa mereka, dapat, lebih-lebih lagi membawa kepada perbincangan tentang khidmat dan menghasilkan minat dalam kerja yang sedang berjalan di perkampungan dan kejiranannya di sekitar bumi. Akhirnya, ramai akan mengalu-alukan jemputan untuk menyertai kursus-kursus institut sebagai cara untuk memperoleh keupayaan untuk memberikan pendidikan rohani kepada generasi yang meningkat sebagai guru-guru kelas kanak-kanak dan para animator kumpulan belia muda. Bahagian 9 dan 10 menetapkan beberapa idea yang boleh diterokai dalam perbualan jenis ini.

Untuk memperkuat kebolehupayaan yang membolehkan individu-individu memulakan dan mengekalkan perbualan yang bermakna, unit ini harus, tentunya, menjangkaui hanya mencadangkan beberapa tema besar dan kandungan yang berkaitan. Selain kebolehan untuk menerangkan idea-idea dengan jelas, peserta perlu memperkembangkan sifat-sifat penting dan nilai-nilai rohani. Ini akan mendasari kebanyakannya cerita yang disampaikan dalam unit ini, tetapi kepentingan dalam kebolehupayaan dalam pertimbangan akan dijelaskan di Bahagian 4, di mana peserta memikirkan jenis perasaan dan pemikiran yang harus mengisi hati dan minda kita dalam menyediakan diri bagi satu lawatan, dan dalam Bahagian 5, di mana mereka merenung pada sifat kerendahan hati. Tutor akan memastikan bahawa bahagian-bahagian ini menerima perhatian yang mencukupi daripada peserta, kerana, tak kira betapa banyak pengetahuan yang kita peroleh, tak kira betapa bagus kita dapat menerangkan idea-idea, keberkesanan perbualan kita akan bergantung pada nilai-nilai dan sifat-sifat yang kita bawa dalam perbualan.

Harus ditekankan bahawa tindakan-tindakan khidmat yang digambarkan dalam siri buku-buku ini, walaupun berpusat pada pertumbuhan dan perkembangan sesebuah komuniti, melebihi semua perkara adalah satu proses yang berhasrat untuk meningkatkan keupayaan individu melalui kajian dan tindakan. Apa yang setiap tutor harus sedari ialah

bahawa tindakan-tindakan ini berkembang satu dengan yang lain, meningkat dari segi kerumitan dari buku ke buku. Belajar untuk menjalankan setiap tindakan khidmat secara berkesan adalah terbukti penting bagi keupayaan yang diperlukan untuk melaksanakan tindakan selanjutnya. Untuk mengekalkan perbualan yang berterusan di sepanjang beberapa lawatan ke sebuah rumah, seperti yang dicadangkan dalam buku ini, adalah lebih mencabar daripada aktiviti yang digalakkan dalam Buku 1, iaitu mengadakan perhimpunan doa yang kerap, sama ada dibuat sendiri atau berkolaborasi dengan beberapa orang yang lain. Dan ia tidak sukar untuk melihat bagaimana, untuk melaksanakan tindakan khidmat yang lebih rumit kemudian, adalah penting bagi peserta untuk maju dalam kebolehupayaan yang diutarakan di sini.

Seperti yang dinyatakan dalam nota pengenalan Buku 1, peserta dalam kursus-kursus institut di seluruh dunia berasal dari pelbagai latar belakang dan, pada mulanya, mempunyai pengetahuan yang berbeza tentang ajaran-ajaran Bahá'í. Apabila mereka memulakan buku kedua ini, mereka sudah tentunya, setiap satu, memulakan jalan khidmat yang telah dibuka oleh kursus-kursus. Namun beberapa perbezaan akan wujud. Dari sudut belia, contohnya, tidak sehingga mereka pernah melalui program pendidikan kanak-kanak dan belia muda, banyak pernyataan dan tema yang disampaikan dalam buku ini akan kelihatan baharu bagi mereka, dan kajiannya akan menjadi ruang untuk mereka mendalami pengetahuan mereka sendiri tentang Akidah. Tutor harus bersiap sedia dalam hal ini untuk menunjukkan sifat fleksibiliti dan kreativiti yang diperlukan bagi memupuk pemahaman dalam setiap ahli kumpulan, sementara memastikan bahawa objektif utama kursus, untuk membolehkan peserta melibatkan diri dalam perbualan yang bermakna dan memberangsangkan, dapat dicapai. Lebih-lebih lagi, dalam ribuan tempat di mana buku ini digunakan, proses pembangunan-komuniti yang ingin disumbangkan dalam ketiga-tiga unit ini bukanlah pada titik sama dalam perkembangan. Lalu, penjelmaan dalam tindakan apa yang telah dipelajari boleh berlaku dalam bentuk yang berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dan ini juga, memberikan satu tanda bagi perhatian dan ketelitian yang mana seseorang tutor harus gunakan dalam menjawab keperluan setiap ahli apabila membawa sebuah kumpulan mengkaji halaman-halaman ini.



Keriangan Mengajar

Tujuan

Untuk menghargai bahawa keriangan mengajar terletak pada tindakan berkongsi dengan orang lain
Kalimat Tuhan

BAHAGIAN 1

Bangkit untuk Berkhidmat adalah kursus kedua dalam urutan yang ditawarkan oleh Institut Ruhi yang bertujuan untuk menggabungkan kajian dan tindakan. Ia bertujuan untuk membantu anda terus maju di sepanjang jalan khidmat yang anda telah masuki apabila anda memenuhi tujuan berkembar: untuk mencapai pertumbuhan rohani dan intelek dan untuk menyumbang kepada transformasi masyarakat. Daripada penyertaan anda di kursus yang pertama, anda mesti sudah sedar bahawa jalan yang mana kita sedang rujukkan dicirikan oleh satu siri tindakan khidmat, iaitu tindakan-tindakan yang kita laksanakan dengan mata kita ditetapkan pada matlamat satu aturan dunia baharu yang digambarkan dalam Tulisan Bahá'u'lláh. Dengan itu, sebahagian besar daripada rujukan kami “melangkah di jalan khidmat” merangkumi usaha-usaha kita untuk mengamalkan ajaran-ajaran-Nya dalam kehidupan kita sendiri dan kehidupan komuniti. Baginda Sendiri berkata tentang Wahyu-Nya dalam kata-kata ini:

“Wahai hamba-hamba-Ku! Wahyu-Ku yang suci, yang diturunkan dari ilahi dapat diumpamakan dengan suatu samudera yang di dalamnya tersembunyi amat banyak mutiara yang tak terkira nilainya, yang amat cemerlang. Adalah tugas setiap pencari untuk membangkitkan dirinya dan berusaha untuk mencapai pantai samudera ini, agar dia dapat, selaras dengan kesungguhan pencariannya dan usaha-usaha yang telah dia kerahkan, menikmati manfaat yang sedemikian yang sudah ditetapkan dalam Loh-loh Tuhan yang tidak dapat dimansuhkan dan yang tersembunyi.”¹

Dalam unit pertama ini, fikiran kita berpaling kepada keriangan yang mengisi hati kita apabila kita menemui mutiara-mutiara kearifan yang terbenam dalam samudera Wahyu Bahá'u'lláh dan berkongsinya dengan orang lain. Anda sudah nampak dalam kajian Buku 1 betapa indahnya mutiara-mutiara bimbingan ilahi yang dijumpai dalam Tulisan-Nya. Marilah kita merenung pada beberapa lagi petikan:

“Ujaran Tuhan bagaikan lampu, yang cahayanya ada dalam kata-kata ini: Engkau adalah buah-buahan satu pohon, dan daun-daun satu dahan.”²

“Dalam pandangan-Ku perkara yang teramat Aku cintai adalah Keadilan; janganlah berpaling daripadanya jika engkau menginginkan Daku, dan janganlah mengabaikannya agar Aku dapat berhubung denganmu.”³

“Jadilah amat prihatin terhadap keperluan zaman yang engkau hidup ini, dan pusatkanlah perbincanganmu pada tuntutan-tuntutan dan keperluan-keperluannya.”⁴

“Semua manusia telah dicipta untuk memajukan satu tamadun yang sentiasa-berkembang.”⁵

“Dunia akan mati, dan apa yang abadi adalah cinta Tuhan.”⁶

“Engkau adalah pelita-Ku dan cahaya-Ku berada dalam dirimu. Peroleh darinya kecemerlanganmu dan jangan mencari sesiapa pun selain Daku. Kerana Aku telah menciptakanmu kaya dan telah mengurniakan kepada dirimu pertolongan-Ku yang melimpah-ruah.”⁷

Anda mungkin ingin menghafal petikan-petikan pendek ini nanti.

BAHAGIAN 2

Untuk memulakan perbincangan anda pada tema utama unit ini, baca semula petikan pertama yang dipetik dalam bahagian sebelum ini dan lengkapkan latihan-latihan yang berikut:

1. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut:
 - a. Adalah tugas kita untuk _____ diri kita dan _____ untuk _____ samudera Wahyu Bahá'u'lláh.
 - b. Kita harus berusaha mencapai pantai samudera Wahyu Bahá'u'lláh agar kita dapat, menikmati _____ yang sedemikian yang sudah ditetapkan dalam Loh-loh Tuhan yang tidak dapat dimansuhkan dan yang tersembunyi.
 - c. Manfaat yang kita nikmati daripada samudera Wahyu Bahá'u'lláh akan selaras dengan _____ .
2. Apakah maksud untuk “membangkitkan” diri seseorang? _____

3. Apakah maksud untuk “berusaha mencapai” sesuatu? _____

4. Apakah yang harus setiap pencari berusaha untuk capai? _____

5. Apakah maksud bagi sesuatu menjadi “selaras” dengan sesuatu yang lain? _____

6. Bahá'u'lláh memberitahu kita bahawa kita akan menerima manfaat daripada samudera Wahyu-Nya selaras dengan usaha-usaha yang kita kerahkan.

- a. Berikan beberapa contoh usaha yang kita kerahkan yang menjadikan kita penerima manfaat-manfaat ini: _____

- b. Berikan beberapa manfaat yang kita terima: _____

BAHAGIAN 3

Dengan mengetahui bahawa Wahyu Bahá'u'lláh ibarat satu samudera yang mana di kedalamannya terletak mutiara-mutiara yang tak terkira nilainya, kita setiap seorang harus berusaha sepenuh hati untuk mengambil bahagian daripada manfaat-manfaatnya dan membantu orang lain untuk mencapai pantainya. Namun, kita mungkin menanya diri sendiri, berapa jauhkah pantai samudera ini dari kita? Bahá'u'lláh menyatakan:

“Wahai hamba-hambaku! Tuhan Esa yang benar adalah saksi-Ku! Samudera yang paling besar, yang tidak dapat diduga dan yang bergelora ini adalah dekat, sedekat yang menakjubkan, kepadamu. Saksikanlah bahawa ia lebih dekat kepadamu daripada urat nadi hidupmu! Sepantas sekelip mata engkau boleh, hanya jika engkau inginkan, mencapai dan menikmati anugerah yang tak termusnah ini, kurnia yang diberi Tuhan ini, hadiah yang tak tercemar ini, rahmat yang paling berkuasa dan yang tak terkata keagungannya ini.”⁸

1. Kepada apakah frasa “samudera yang paling besar, yang tidak dapat diduga dan yang bergelora ini” merujuk? _____

2. Berapa jauhkah samudera ini dari kita? _____

3. Berapa pantaskah kita dapat mencapai samudera ini? _____

4. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut:

- a. Samudera Wahyu Bahá'u'lláh adalah dekat, _____, kepadamu.
- b. Samudera Wahyu Bahá'u'lláh adalah _____ kepada kita daripada urat nadi hidup kita!
- c. Sepantas _____ kita boleh, hanya jika kita inginkan, _____ dan _____ samudera Wahyu-Nya.
- d. Sepantas sekelip mata kita boleh, _____, mencapai dan menikmati samudera Wahyu-Nya.

BAHAGIAN 4

Setelah mencapai pantai samudera Wahyu Bahá'u'lláh, kita menarik daripada khazanah dan berkongsi kepada orang lain secara adil dan tak berbelah bahagi mutiara-mutiara bimbingan ilahi, yang mana kita akan terus menemui dalam kajian kita sendiri, doa dan meditasi kita dan dalam usaha kita untuk berkhidmat kepada Akidah-Nya dan umat manusia. Anda mungkin ingin mengambil masa untuk menghafal petikan yang berikut, satu peringatan yang berterusan tentang kesucian tugas ini:

“Wahai pengembara di jalan Tuhan! Ambillah engkau bahagianmu daripada samudera kurnia-Nya, dan janganlah menafikan dirimu daripada benda-benda yang terbenam di kedalamannya. Jadilah engkau antara mereka yang telah menikmati khazanahnya. Setitis embun daripada samudera ini akan, jika dititiskan pada semua yang ada di syurga dan di bumi, mencukupi untuk memperkaya mereka dengan rahmat Tuhan, Yang Maha Kuasa, Yang Maha Tahu, Yang Maha Arif. Dengan tangan-tangan penolakan diri ambillah daripada air penghidupnya, dan semburkanlahnya pada semua benda tercipta, agar mereka dapat disucikan daripada semua batasan buatan manusia dan akan mendekati singgahsana agung Tuhan, Titik yang disucikan dan gilang-gemilang ini.”⁹

BAHAGIAN 5

Apabila kita maju melalui urutan kursus institut, menjalankan kajian dan tindakan yang diperlukan, keupayaan kita untuk berkhidmat akan berkembang, dan kita akan dapat melaksanakan tindakan khidmat yang membawa keriangan yang mendalam kepada hati kita dan membantu kita dalam memenuhi tujuan berkembar kita--iaitu tindakan seperti mengajar kelas bagi pendidikan rohani kanak-kanak, melibatkan belia muda dalam program bagi pemerkasaan rohani mereka, dan membantu sekumpulan rakan untuk mengkaji buku-buku urutan utama. Di sepanjang perjalanan ini, Kalimat Tuhan, yang mana kita akan berkongsi dengan orang lain, muda dan tua, akan menjadi sumber

inspirasi kita yang berterusan. Dengan itu, hanyalah sesuai bahawa kita harus bermeditasi selalu pada kuasanya dan kesannya pada kalbu manusia. Dalam petikan yang berikut, Bahá'u'lláh menyatakan kuasa ini:

"Kalimat Tuhan boleh diumpamakan anak pokok, yang akar-akarnya telah ditanamkan dalam kalbu manusia. Wajiblah bagi engkau untuk memelihara pertumbuhannya dengan air kehidupan kearifan, kalimat-kalimat murni dan suci, agar akar-akarnya akan menjadi tetap kukuh dan cabang-cabangnya merebak luas setinggi syurga dan lebih jauh lagi."¹⁰

1. Kepada apakah Kalimat Tuhan boleh diumpamakan? _____

2. Di manakah akar pokok Kalimat Tuhan telah ditanamkan? _____

3. Bagaimanakah kita dapat memelihara pertumbuhan pokok ini? _____

4. Setinggi manakah pokok ini akan tumbuh? _____

5. Terangkan dalam beberapa ayat mengapa berkongsi Kalimat Tuhan dengan orang lain mempunyai kepentingan tertinggi.

BAHAGIAN 6

Marilah kita memikirkan berbagai aktiviti yang mengisi kehidupan harian kita. Kita memelihara badan kita. Kita belajar untuk memperoleh ilmu baharu dan memperluas keupayaan mental kita. Kita kerja memperkembangkan kemahiran yang membolehkan kita hidup sebagai ahli masyarakat yang berguna. Kita mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti rekreasi. Pelbagai aktiviti seperti ini, semua penting bagi kemajuan intelek serta kesejahteraan material kita, memenuhi sebahagian besar daripada masa kita. Tetapi dalam setiap hari terdapat saat-saat istimewa, yang dipenuhi kerohanian, apabila kita khusyk berdoa; apabila kita mendalami, secara sendiri atau dengan rakan-rakan, pengetahuan kita tentang ajaran-ajaran ilahi; atau apabila, dalam salah satu daripada pelbagai cara, kita membantu mereka di sekeliling kita untuk mencari mutiara-mutiara yang tersembunyi dalam samudera Wahyu Bahá'u'lláh. Bukankah saat-saat ini berharga tak terkira nilainya?

Adakah terdapat keriangan yang lebih besar daripada dapat menikmati berkat-berkat syurgawi ini?

Kita harus sentiasa mengingati bagaimana ‘Abdu’l-Bahá menggalakkan kita untuk mendedikasikan diri kita kepada penenteraman umat manusia:

“Kita semua bersatu dalam satu tujuan Ilahi, tiada niat kebendaan milik kita, dan hasrat terdalam kita adalah untuk menyebarkan Cinta Tuhan di sekitar dunia!”¹¹

Bayangkan peluang muncul bagi anda berkongsi kepada seorang rakan salah satu petikan daripada Bahagian 1 yang telah anda hafal. Dari manakah punca keriangan yang anda rasakan dalam hati anda? Secara semula jadi, anda berharap rakan anda akan diinspirasikan oleh kalimat Bahá’u’lláh. Tetapi bagaimanakah jika dia tidak menunjukkan semangat minat yang anda harapkan? Adakah keriangan dalam hati anda terus lesap? Kenapa tidak?

BAHAGIAN 7

Apabila kita menyedari bahawa, daripada semua perkara yang kita lakukan dalam hidup kita, saat-saat kita habiskan dalam berkongsi Kalimat Tuhan dengan orang lain mengandungi berkat yang istimewa, kita akan tiba di kesimpulan yang amat penting: bahawa keriangan yang kita peroleh daripada khidmat terletak pada tindakan itu sendiri. Tentunya kita berharap bahawa tindakan khidmat yang kita jalankan akan membawa hasil yang berbaloi, tetapi jika kita terlalu terikat kepada hasilnya, jika kita terlalu terpengaruh oleh pujian atau kritikan, kita akan kehilangan keriangan mengajar. Apa yang harus menginspirasikan kita untuk berkhidmat adalah cinta kepada Tuhan, bukan keinginan untuk mencapai kejayaan, menerima manfaat, atau memperoleh pengiktirafan. Ketakterikatan daripada semua ini adalah syarat bagi khidmat yang riang. Kajian petikan yang berikut akan membantu anda merenung pada tema ini:

“Wahai manusia yang ada dua penglihatan! Tutuplah satu mata dan bukalah yang lain. Tutuplah satu kepada dunia dan segala yang ada di dalamnya, dan bukalah yang lain kepada keindahan suci Sang Kekasih.”¹²

“Wahai Para Sahabat! Janganlah meninggalkan keindahan yang abadi demi suatu keindahan yang harus mati, dan janganlah menaruh cinta pada dunia debu yang fana ini.”¹³

“Wahai Putera Ucapan! Hadapkanlah wajahmu kepada wajah-Ku dan tinggalkanlah semua selain Daku, kerana kedaulatan-Ku kekal abadi dan kekuasaan-Ku tidak akan musnah. Jika engkau mencari yang lain melainkan Daku, ya, jika engkau mencari alam semesta untuk selama-lamanya, pencarianmu itu akan sia-sia belaka.”¹⁴

“Wahai Orang Asing Yang Dijadikan Kawan! Lilin hatimu telah dinyalakan oleh tangan kekuasaan-Ku, janganlah memadamkannya dengan angin-angin degil keakuan dan hawa nafsu. Penyembuh segala penyakitmu adalah mengingati-Ku, janganlah melupakannya. Jadikanlah cinta-Ku hartamu dan hargailahnya sepertimana engkau menghargai penglihatan dan kehidupanmu.”¹⁵

“Ketakterikatan adalah umpama suria; pada sebarang kalbu yang ia disinari, ia memadamkan api ketamakan dan keakuan. Dia yang pandangannya diterangi cahaya pengertian akan pastinya mengasingkan dirinya daripada dunia dan segala keangkuhannya... Janganlah membiarkan dunia dan kekejiannya menyedihkan dirimu. Berbahagialah dia yang kekayaan tidak mengisinya dengan kemegahan sia-sia, mahupun kemiskinan mengisinya dengan kesedihan.”¹⁶

1. Adakah bersikap tidak terikat daripada dunia ini bermaksud hidup seperti pertapa?

2. Adakah mungkin untuk menjadi tak terikat daripada dunia ini dan memiliki sesuatu pada masa yang sama? _____
3. Adakah seseorang yang mendedikasikan hampir setiap waktu dalam hidupnya kepada kerjanya adalah seorang yang tak terikat kepada perkara dunia ini? _____
4. Adakah seseorang yang bekerja hanya untuk memuaskan keperluan asasnya dan menghabiskan baki masanya tidak berbuat apa-apa adalah seorang yang tak terikat kepada dunia? _____
5. Adakah seorang yang tidak dapat menahan ketidakselesaan material dalam lapangan khidmat seorang yang tak terikat kepada dunia? _____
6. Terdapat banyak perkara yang kita boleh terikat selain harta benda material. Kepada apakah anda akan terikat jika anda seorang yang
 - ingin putus asa apabila dia melakukan tindakan khidmat dan tiada sesiapa mengiktirafkannya? _____

- berasa hilang motivasi apabila seseorang tidak menerima idea yang dia kongsikan? _____
 - menyembunyikan kepercayaannya kerana takut ditolak oleh orang lain? _____
7. Ketakterikatan tidak bermaksud menyendiri atau ketidakpedulian. Yang manakah antara berikut boleh menjadi tanda bahawa seseorang itu tidak terikat?
- _____ Memperoleh keriangan daripada melihat kemajuan orang lain
 - _____ Berhenti mengajar satu kelas apabila beberapa kanak-kanak tidak berkelakuan baik
 - _____ Membesar-besarkan pencapaiannya
 - _____ Belajar dengan tekun dan berasa puas dengan kemajuan yang tercapai
 - _____ Bekerja keras untuk memperkembangkan keupayaan untuk berkhidmat kepada kebaikan bersama
 - _____ Berusaha ke arah kecemerlangan dalam pekerjaannya
 - _____ Bersikap pembersih dan mengekalkan kebersihan dan kerapian rumah
 - _____ Menjaga barang peribadi sendiri
 - _____ Menjaga kesejahteraan orang lain
 - _____ Berasa sedih apabila tidak dipuji atas usahanya
8. Begitu penting ketakterikatan kepada setiap orang daripada kita sehingga adalah dicadangkan kepada anda untuk menghafal semua petikan dalam bahagian ini.

BAHAGIAN 8

Untuk menerima rahmat-rahamat sebuah kehidupan khidmat kepada umat manusia yang riang, kita harus sanggup mengerahkan usaha, dan usaha kita mungkin memerlukan satu tahap pengorbanan. Kita menggunakan selalu perkataan “pengorbanan” dalam kehidupan harian kita. Jika seseorang rakan balik dari perjalanan pada waktu fajar, kita mungkin bangun awal untuk menyambutnya. Kita mungkin berkata bahawa kita telah mengorbankan beberapa jam tidur. Seseorang yang rapat dengan kita jatuh sakit; kita melupakan beberapa jam dalam aktiviti kegemaran kita untuk menjaganya. Terdapat masa-masa dalam hidup apabila kita harus bekerja amat keras, dan kita mungkin menganggap bahawa kita sedang mengorbankan keselesaan agar dapat mencapai sesuatu matlamat.

Kita semua harus mempunyai keinginan yang kuat untuk berkhidmat kepada Akidah, memberikan masa dan tenaga kita secara murah hati, sehingga juga, sebahagian daripada sumber kebendaan kita. Apabila kita melakukan sedemikian, kita harus mengingati bahawa, di jalan khidmat, kita mungkin mengorbankan benda dunia ini, tetapi apa yang kita terima adalah keriangan sejati apabila kita berkembang secara

rohani. Kita akan mempunyai peluang untuk merenung lebih pada sifat pengorbanan dalam kursus masa hadapan. Apa yang penting adalah untuk mengenali dari awal lagi ialah bahawa ia termasuk menolak apa yang rendah untuk yang lebih tinggi, seperti benih mengorbankan dirinya agar satu pokok akan tumbuh. Pengorbanan adalah pembawa keriangan, dan keriangan ini bukan milik kita sehingga kita sanggup mengerahkan usaha yang berterusan.

Bahá'u'lláh menyatakan:

"Kerja keras diperlukan, jika kita ingin mencari-Nya; semangat diperlukan, jika kita hendak meminum madu pertemuan semula dengan-Nya; dan jika kita sudah menikmati dari cawan ini, kita akan mengetepikan dunia ini."¹⁷

Dan 'Abdu'l-Bahá menasihati kita:

"...janganlah engkau berehat, janganlah engkau mencari ketenangan, janganlah engkau terikat kepada kemewahan dunia yang fana ini, bebaskanlah dirimu daripada segala ikatan, dan berusahalah sepenuh hati dan jiwa untuk menjadi penghuni tetap di Kerajaan Tuhan. Capailah engkau khazanah syurgawi. Hari demi hari jadilah engkau lebih cemerlang. Hampirlah engkau semakin dekat kepada ambang kesatuan."¹⁸

Kita semua percaya bahawa, untuk mencapai matlamat kita, kita harus mengerahkan usaha. Tetapi kepercayaan yang mudah ini mempunyai beberapa implikasi dalam amalan yang kita tidak harus lupakan. Salah satu, ia adalah penting untuk mengingati bahawa terdapat satu hubungan antara jumlah tenaga yang diperlukan dan tahap kesukaran matlamat atau tugas di tangan. Kita sedang menipu diri kita jika kita memikirkan bahawa ia boleh dicapai dengan usaha yang sedikit. Tetapi kebesaran usaha yang dikerahkan bukanlah satu-satunya faktor untuk dipertimbangkan. Terdapat keperluan untuk ketetapan dan kegigihan. Tumpuan diperlukan. Tabiat menyiapkan tugas, tidak melompat dari satu kepada yang lain dan membiarkan kerja tidak disiapkan, adalah penting. Usaha yang separuh hati tidak akan membawa hasil. Bayangkan kelas mingguan bagi pendidikan rohani kanak-kanak. Guru harus mendedikasikan sebilangan jam untuk menyediakan setiap kelas, untuk kekal sepenuhnya tertumpu sepanjang kelas untuk membantu pelajar memahami kandungan pelajaran, membuat lawatan kerap kepada ibu bapa mereka, dan mengikuti kemajuan setiap individu, minggu demi minggu. Apakah nasib sebuah kelas jika gurunya hanya sekali-sekala menyediakan diri, mengakhiri kelas dengan awal dan tiba-tiba apabila berasa penat, dan gagal untuk memberikan masa yang diperlukan untuk memikir tentang setiap kanak-kanak dan berbincang tentang perkembangannya dengan ibu bapa? Dan bagaimana pula jika kelas dibatalkan setiap kali guru itu ingin menghadiri kewajipan lain, contohnya, untuk melayan sahabat yang sedang melawat dari pekan yang lain?

Beberapa pernyataan ini adalah untuk meyakinkan kita bahawa kita harus memberikan perhatian kepada bilangan dan kualiti dalam usaha yang diperlukan oleh

setiap kerja yang kita lakukan. Ini benar bukan sahaja dalam tindakan khidmat yang kita laksanakan; ia juga harus sama dalam perkembangan kita sendiri. Tabiat rohani yang kita pertimbangkan dalam unit pertama buku ini--untuk berdoa dengan kerap, untuk membaca Tulisan setiap hari, untuk merenung pada cara menyelaraskan hidup kita dengan ajaran-ajaran, untuk menyertai sepenuh hati dalam perhimpunan doa--juga bergantung kepada usaha yang berterusan. Berikut adalah sebilangan pernyataan yang berkaitan dengan usaha. Membuat keputusan yang manakah benar akan membantu anda merenung dengan lanjut berkenaan hal ini:

- _____ Jika anda bijak, anda tidak perlu bekerja keras.
- _____ Kenapa ambil jalan yang panjang; sentiasa cari jalan singkat.
- _____ Jika tiada kesakitan, maka tiada keuntungan.
- _____ Berimpian besar; maka impian anda akan menjadi kenyataan.
- _____ Semakin besar hadiahnya, semakin kuat usahanya.
- _____ Semakin besar usahanya, semakin manis hasilnya.
- _____ Jika pada awal anda tidak berjaya, cuba, dan cuba lagi.
- _____ Kenapa kerja jika anda boleh mendapatkan orang lain untuk melakukannya?
- _____ Jika ia memerlukan terlalu banyak usaha, ia tidaklah ditakdirkan.
- _____ Langkah-langkah kecil--kerap dan berterusan--boleh pergi jauh.
- _____ Tiada yang berbaloi dimiliki datang dengan mudahnya.
- _____ Kecemerlangan menuntut dedikasi sepenuh hati.
- _____ Perjalanan seribu batu bermula dengan satu langkah.
- _____ Hanya sekadar mampu hidup adalah tidak mencukupi.
- _____ Kita tidak harus menunggu perkara untuk berlaku; kita harus mencarinya.
- _____ Kejayaan hanyalah sekadar nasib baik.
- _____ Kita tidak akan mencapai tujuan berkembar kita melalui keajaiban.
- _____ Kita harus setiap hari mengambil perkiraan diri kita.

Kita melangkah di jalan khidmat, berusaha untuk mencapai pertumbuhan rohani dan intelek diri kita dan untuk menyumbang kepada transformasi masyarakat. Adalah jelas bahawa pencarian tujuan berkembar ini menuntut usaha yang amat banyak dari kita. Bahá'u'lláh memberitahu kita:

“Pencipta yang tak terbanding telah mencipta semua manusia daripada zat yang sama, dan telah menaikkan realiti mereka di atas semua makhluk-Nya. Kejayaan atau kegagalan, keuntungan atau kerugian, haruslah, dengan itu, bergantung pada usahanya sendiri. Semakin banyak dia berusaha, semakin besar kemajuannya.”¹⁹

Anda mungkin ingin menghafal petikan di atas jika anda belum pernah melakukannya.

BAHAGIAN 9

Untuk memperoleh keriangan daripada khidmat, kita harus memupuk beberapa sikap dalam diri kita. Contohnya, kita harus berterima kasih atas rahmat berkhidmat yang Tuhan telah kurniakan pada kita; adalah tidak dapat dibayangkan bahawa kita sedang memberikan pertolongan kepada Tuhan apabila kita berkhidmat kepada Akidah-Nya. Kita harus juga belajar untuk mengelakkan pesimisme dan mendekati kehidupan dengan pandangan yang optimistik tentang dunia. Halangan di jalan khidmat boleh dijadikan batu loncatan bagi kemajuan yang selanjutnya. Walaupun dalam kesukaran, kita melihat dengan mata keimanan ke arah masa depan. Kata-kata ‘Abdu’l-Bahá yang berikut menekankan pada harapan dan optimisme yang harus mencirikan usaha kita:

“Pada permulaan, betapa kecilnya benih, namun pada akhirnya satu pohon yang kuat. Janganlah engkau melihat pada benih, lihatlah pada pokok itu, dan bunga-bunganya, dan daun-daun serta buah-buahnya.”²⁰

“Lalu ketahuilah kepentingan benih kecil ini yang telah ditanam oleh Pekebum sejati, dengan tangan belas kasihan-Nya, di padang yang telah dibajak oleh Raja, dan disiram dengan hujan kurnia dan rahmat dan kini sedang dijaga dalam kehangatan dan cahaya Suria Kebenaran.”²¹

“Apabila engkau melihat sepohon pokok yang tumbuh dan berkembang, jadilah penuh harapan pada hasilnya. Ia akan berbunga dan memberikan buah tidak lama lagi. Jika engkau melihat kayu yang kering atau pokok yang tua, tidak ada harapan lagi dalam membuaahkan hasil.”²²

“Oleh itu haruslah yang dikasihi Tuhan, bekerja keras, dengan air usaha mereka, menjaga dan menyiram serta memupuk pohon harapan ini.”²³

“Jika hati berpaling daripada rahmat yang Tuhan telah berikan bagaimanakah ia dapat mengharapkan kegembiraan? Jika ia tidak meletakkan harapan dan kepercayaannya kepada Belas Kasihan Tuhan, di manakah ia dapat mencari istirahat?”²⁴

Untuk merenung pada petikan di atas, lengkapkan ayat-ayat yang berikut:

1. Pada permulaan, betapa kecilnya benih, namun pada akhirnya _____
_____.
2. Janganlah kita melihat pada benih kecil tetapi pada _____
_____.
3. Lalu ketahuilah kepentingan benih kecil ini yang telah ditanam oleh Tuhan, dengan tangan belas kasihan-Nya, _____
_____.

-
-
4. Apabila kita melihat sepoohon pokok yang tumbuh dan berkembang, kita harus jadi _____ .
5. Apabila kita melihat sepoohon pokok yang tumbuh dan berkembang, kita harus jadi penuh harapan bahawa ia akan _____ .
6. Dengan air usaha kita, kita harus _____ .
7. Jika hati berpaling daripada rahmat yang Tuhan telah berikan _____ ?
8. Jika hati tidak meletakkan harapan dan kepercayaannya kepada Belas Kasihan Tuhan, _____ ?

Sekarang, renungan sebentar: Adakah anda setuju bahawa semangat riang dan berharapan kita digabung dengan satu postur kesyukuran yang rendah hati adalah sumber keriangan kepada orang lain? Dan, biarlah kita sentiasa mengingati bahawa, dengan bangkit untuk berkhidmat kepada Akidah, kita membawa khabar gembira tentang Hari yang baharu, iaitu Hari pertemuan umat manusia. Semoga kata-kata Bahá'u'lláh bergema dalam hati kita:

"Berbahagialah mereka yang bertindak; berbahagialah mereka yang memahami; berbahagialah manusia yang telah berpegang erat pada kebenaran, tak terikat daripada semua yang ada di syurga dan semua yang ada di bumi."²⁵

RUJUKAN

1. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1983, 2017 printing), CLIII, par. 5, p. 369.
2. Ibid., CXXXII, par. 3, p. 326.
3. Bahá'u'lláh, *The Hidden Words* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2003, 2012 printing), Arabic no. 2, p. 3.
4. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CVI, par. 1, p. 241.
5. Ibid., CIX, par. 2, p. 243.
6. Bahá'u'lláh, in *Women: Extracts from the Writings of Bahá'u'lláh, 'Abdu'l-Bahá, Shoghi Effendi and the Universal House of Justice*, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1986, 1997 printing), no. 53, p. 26.
7. *The Hidden Words*, Arabic no. 11, p. 6.
8. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CLIII, par. 5, p. 370.
9. Ibid., CXXIX, par. 1, p. 316.
10. Ibid., XLIII, par. 9, p. 109.
11. From a talk given on 19 November 1911, published in *Paris Talks: Addresses Given by 'Abdu'l-Bahá in 1911* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2006, 2016 printing), no. 32.2, p. 121.
12. *The Hidden Words*, Persian no. 12, p. 26.
13. Ibid., Persian no. 14, p. 26.
14. Ibid., Arabic no. 15, p. 7.
15. Ibid., Persian no. 32, p. 33.
16. Bahá'u'lláh, in *The Bahá'í World: Volume One, 1925–1926* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1926, 1980 printing), p. 42.
17. *The Call of the Divine Beloved: Selected Mystical Works of Bahá'u'lláh* (Haifa: Bahá'í World Centre, 2018), no. 2.12, p. 17.
18. *Tablets of the Divine Plan: Revealed by 'Abdu'l-Bahá to the North American Bahá'ís* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1993, 2006 printing), no. 13.6, pp. 95–96.
19. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, XXXIV, par. 8, p. 91.
20. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2010, 2015 printing), no. 40.3, pp. 118–19.

21. Ibid., no. 40.3, p. 119.
22. From a talk given on 11 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace: Talks Delivered by ‘Abdu’l-Bahá during His Visit to the United States and Canada in 1912* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2012), par. 2, p. 153.
23. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 206.13, pp. 356–57.
24. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 21 November 1911, published in *Paris Talks*, no. 34.8, p. 133.
25. Bahá’u’lláh, *Epistle to the Son of the Wolf* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1988, 2016 printing), p. 139.



Perbualan-perbualan yang Memberangsangkan

Tujuan

Untuk memperoleh kebolehan untuk memperkenalkan
prinsip-prinsip rohani dalam perbualan

BAHAGIAN 1

Dalam unit pertama buku ini, kita berbincang tentang keriangan yang tak terkira yang kita perolehi daripada tindakan berkongsi Kalimat Tuhan dengan orang lain. Apabila kita melangkah di jalan khidmat, banyak peluang akan datang kepada kita untuk membincangkan bersama sahabat dan kenalan tentang pengertian yang kita perolehi daripada Wahyu Bahá'u'lláh. Lalu, antara nilai paling penting yang kita semua perlu perkembangkan ialah nilai-nilai yang membolehkan kita menyumbang kepada perbualan yang bermakna dan memberangsangkan. Tujuan unit ini dan seterusnya adalah untuk membantu anda dalam hal ini. Di sini anda akan membicarakan bagaimana menaikkan tahap perbualan dengan merujuk kepada prinsip-prinsip rohani, apabila keadaan membolehkannya. Dalam unit seterusnya, anda akan memikirkan bagaimana memulakan dan mengekalkan satu siri perbualan pada tema-tema tertentu sebagai sebahagian daripada usaha sistematik untuk membina satu komuniti yang bersemangat dalam perkampungan dan kejiraninan anda.

Apa yang kita akan lakukan dalam bahagian-bahagian seterusnya ialah untuk melihat pada beberapa pernyataan tentang pelbagai subjek yang, walaupun bukan petikan yang tepat, semua adalah berdasarkan ceramah-ceramah dan Loh-loh 'Abdu'l-Bahá dan mengandungi banyak frasa yang Beliau telah gunakan. Anda harus membaca setiap pernyataan beberapa kali, mengenalpasti urutan idea, dan mengambil giliran dengan ahli lain untuk menyampaikannya sehingga anda dapat menyampaikannya secara semula jadi. Latihan ini akan membantu anda menyediakan diri anda untuk berucap dengan senang apabila anda mendapat sesuai untuk menarik daripada ajaran-ajaran Akidah untuk memajukan suatu perbualan.

Tentunya, anda akan teruskan dalam unit ini untuk menghafal petikan daripada Tulisan, kerana ia mempunyai kuasa istimewa yang dapat menusuk kalbu manusia dan akan, apabila ditenun dalam ucapan anda, mempunyai kesan yang mendalam pada pendengar. Namun memetik daripada Tulisan dalam perbualan memerlukan kearifan. Apa yang penting ialah kesederhanaan, keseimbangan antara memetik secara langsung daripada Tulisan dan menggunakan kata-kata sendiri untuk menerangkan ajaran-ajaran Akidah. Untuk mencapai keseimbangan ini, anda perlu memberikan masa dan tenaga yang banyak pada kajian Tulisan dan membenarkannya untuk membentuk fikiran dan perasaan anda.

BAHAGIAN 2

Pernyataan pertama yang anda diminta untuk kaji adalah berkenaan keperluan umat manusia bagi seorang Pendidik:

Apabila kita mempertimbangkan kewujudan, kita memerhatikan bahawa dalam alam mineral, tumbuhan, binatang dan manusia, setiap satu dan semuanya, memerlukan seorang pendidik. Sebuah taman memerlukan seorang pekebun.

Untuk mendapatkan hasil tuaian yang banyak, tanah memerlukan seorang petani. Jika seorang manusia dibiarkan sendiri dalam hutan, dia akan mengikut cara hidup binatang. Jika dia dididik, dia boleh mencapai puncak kejayaan yang tertinggi. Jika tidak kerana para pendidik ini, sudah tentu tidak wujudnya tamadun.

Pendidikan mempunyai tiga jenis: kebendaan, kemanusiaan, dan kerohanian. Pendidikan kebendaan berkaitan dengan perkembangan tubuh badan. Pendidikan kemanusiaan berkaitan dengan tamadun dan kemajuan. Pendidikan ini berhubung dengan pentadbiran, aturan sosial, kesejahteraan manusia, perdagangan dan industri, seni dan sains, penemuan yang hebat, dan daya usaha yang menakjubkan. Pendidikan kerohanian berkaitan dengan pemerolehan kesempurnaan ilahi. Ini ialah pendidikan yang sejati, kerana dengan bantuannya sifat semula jadi manusia yang rohani, iaitu sifat yang lebih tinggi dalam manusia, dapat diperkembangkan.

Untuk maju, umat manusia memerlukan seorang pendidik yang memiliki kuasa yang jelas sebagai pendidik kebendaan, kemanusiaan, dan kerohanian. Jika seseorang itu berkata “Saya memiliki kebijaksanaan yang sempurna, dan saya tidak memerlukan seorang pendidik sedemikian,” dia sebenarnya menafikan apa yang jelas. Ia akan sama seperti seorang kanak-kanak yang berkata, “Saya tidak memerlukan pendidikan; saya akan bertindak mengikut akal fikiran dan kebijaksanaan sendiri dan akan mencapai kecemerlangan dengan sendiri.”

Umat manusia selalunya memerlukan seorang pendidik sempurna sedemikian, yang dapat membantunya mengaturkan perkara-perkara yang berhubung dengan penjagaan dan kesihatan tubuh badan, dapat menginspirasikannya untuk maju dalam ilmu pengetahuan, rekaan dan penemuan, dan, yang paling penting, meniupkan ke dalam dirinya kehidupan roh. Tiada insan biasa yang dapat mencapai kerja-kerja yang sukar ini. Hanya Manifestasi-Manifestasi Tuhan memiliki kuasa untuk mencapai semuanya ini. Mereka ini Roh-roh terpilih Yang diutuskan oleh Tuhan dari zaman ke zaman untuk menjadi Pendidik universal umat manusia.

1. Baca pernyataan ini beberapa kali dalam kumpulan anda dan bantu satu sama lain mempelajari isi kandungannya dengan baik. Anda harus menanya soalan kepada satu sama lain berkenaan idea-idea yang disampaikan dan berlatih untuk menyampikannya dengan semula jadi dan selesa.
2. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan anda bagaimana idea-idea yang anda telah belajar sampaikan di sini dapat diperkenalkan dalam perbualan. Jelasnya anda tidak akan terus memberitahu sahabat anda bahawa pendidikan mempunyai tiga jenis. Dengan itu, adalah sesuai bagi anda untuk memikirkan jenis interaksi yang mana idea-idea di atas akan terbukti berguna. Mungkin isu dalam pertimbangan adalah keruntuhan moral dalam masyarakat atau bagaimana bekerja bagi pembaikan dunia. Renungkan pelbagai perbualan dengan sahabat, ahli keluarga, dan kenalan. Antara isu-isu yang memenuhi minda mereka, adakah terdapat mana-mana yang mungkin membawa kepada perbincangan sekitar idea-idea dalam pernyataan ini?

3. Persoalan biasanya timbul dalam perbualan tentang subjek seperti yang anda telah pelajari. Apakah jawapan anda jika seseorang menanya: "Siapakah antara beberapa Pendidik yang anda sedang bicarakan?"

4. Berikut adalah beberapa petikan daripada Tulisan Bahá'u'lláh berkaitan keperluan umat manusia bagi seorang Pendidik. Renung padanya dan hafalkan sekurang-kurangnya satu. Dalam cara ini, anda dapat menenunkan petikan daripada Tulisan ke dalam ucapan anda bila keadaan mengizinkan.

"Semua manusia diciptakan untuk memajukan suatu tamadun yang sentiasa maju."¹

"Tujuan Tuhan esa yang sebenar, disanjung keagungan-Nya, dalam mewahyukan Diri-Nya kepada manusia adalah untuk meletakkan secara terbuka permata-permata yang tersembunyi di dalam lombong diri mereka yang sejati dan terdalam."²

"Tujuan Tuhan dalam menghantar Nabi-nabi-Nya kepada manusia adalah dua. Yang pertama untuk membebaskan anak-anak manusia daripada kegelapan kejahilan, dan untuk membimbing mereka kepada cahaya pengertian sebenar. Yang kedua adalah untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan umat manusia, dan membekalkan segala cara yang dengannya ia dapat didirikan."³

"Manusia pada semua masa dan dalam semua keadaan tetap memerlukan seorang untuk menasihati mereka, membimbing mereka serta mendidik dan mengajar mereka."⁴

BAHAGIAN 3

Petikan-petikan yang berikut menerangkan bagaimana Tuhan hanya boleh diketahui melalui Manifestasi-manifestasi-Nya dan ini akan membantu anda apabila anda berbual dengan rakan-rakan anda:

Pertimbangkanlah alam semesta yang tidak terhad ini. Mungkinkah alam ini dicipta tanpa seorang Pencipta? Atau bahawa realiti Pencipta tidak akan pernah difahami oleh ciptaan-Nya? Jika kita memerhati seluruh ciptaan, kita melihat bahawa apa sahaja yang lebih rendah tidak mampu memahami kuasa yang lebih tinggi. Umpama batu dan pokok, betapa banyak evolusinya, tidak akan pernah membayangkan kuasa-kuasa penglihatan dan pendengaran. Binatang tidak akan pernah memahami realiti manusia dan menjadi sedar akan kuasa-kuasa roh manusia. Oleh itu bagaimanakah kita ini, yang dicipta, dapat memahami realiti Pencipta kita?

Walaupun pemahaman kita tidak akan pernah mencakupi Tuhan, kita tidak dihalang untuk mengetahui-Nya. Dari zaman ke zaman seorang Insan yang istimewa akan muncul di bumi dikenali sebagai Manifestasi Tuhan. Segala kesempurnaan, rahmat, dan kecemerlangan yang datang daripada Tuhan jelas terdapat dalam Manifestasi-manifestasi Suci ini, bagaikan cahaya suria yang terjelma dalam cermin jelas dan gilap. Untuk mengatakan bahawa cermin itu memantulkan suria tidak bermaksud bahawa suria telah turun daripada ketinggiannya dan menjadi wujud dalam cermin. Sama juga, Tuhan tidak turun dari syurga kesucian ke lapangan kewujudan ini. Apa yang dimaksudkan ialah: Segala yang diketahui, dipelajari, dan difahami umat manusia tentang nama dan sifat serta kesempurnaan Tuhan merujuk kepada Manifestasi-manifestasi Suci-Nya.

1. Selepas membaca pernyataan ini beberapa kali dalam kumpulan anda dan menjawab soalan-soalan yang dipaparkan satu demi satu tentang kandungannya, anda harus berlatih menyatakan idea-idea ini dengan selesa.
2. Sekarang bincangkan dalam kumpulan anda bagaimana anda memasuki sebuah perbualan secara semula jadi dengan idea-idea yang anda baru pelajari di sini. Ini boleh dilakukan, misalnya, dalam perbincangan tentang kewujudan Tuhan atau tujuan hidup. Apakah beberapa topik dan persoalan yang dibangkitkan dalam perbualan dalam kalangan keluarga dan sahabat anda yang akan memberikan anda kemungkinan untuk berkongsi idea-idea ini?

3. Bayangkan, dalam perbualan dengan rakan-rakan, anda mempunyai peluang untuk memperkenalkan idea-idea yang anda baru pelajari. Bagaimanakah anda menjawab jika seseorang menanya anda soalan yang berikut: “Apakah beberapa perkara yang kita tahu tentang Tuhan melalui Manifestasi-manifestasi-Nya?”

-
-
-
4. Anda mungkin ingin menghafal satu atau lebih petikan di bawah daripada Tulisan Bahá'u'lláh agar anda dapat memetiknya apabila kamu berbual dengan rakan-rakan anda tentang subjek ini:

"Pengetahuan tentang Dia, Yang merupakan Asal-usul segala-galanya, dan pencapaian kepada-Nya, adalah mustahil melainkan melalui pengetahuan, serta pencapaian kepada, Insan-Insan suci ini yang terbit daripada Suria Kebenaran."⁵

"Diri Manifestasi ini selama-lamanya akan menjadi wakil dan suara Tuhan. Dia, sesungguhnya, ialah Dinihari Gelaran Tuhan yang paling cemerlang, dan Tempat Terbit Sifat-sifat-Nya yang tertinggi."⁶

"Tambahan lagi, yakinlah bahawa kerja dan tindakan setiap satu daripada Manifestasi Tuhan ini, malahan apa sahaja yang berkaitan dengan mereka, dan apa pun yang dijelmakan oleh mereka pada masa depan, semuanya telah ditetapkan oleh Tuhan, dan merupakan penjelmaan Kehendak dan Tujuan-Nya."⁷

BAHAGIAN 4

Kesatuan agama adalah satu subjek yang diminati ramai orang, dan idea-idea yang berikut akan membantu anda dalam banyak keadaan:

Kita haruslah menjadi pencinta Cahaya tak kira dari lampu mana ia bersinar. Kita harus menjadi pencinta bunga mawar tak kira di taman mana ia mekar. Kita harus menjadi pencari kebenaran tak kira dari mana sumber asalnya. Keterikatan kepada satu lampu boleh menghalang kita daripada menghargai Cahaya apabila ia bersinar di lampu lain. Dalam mencari kebenaran, kita harus menjauhi diri daripada tanggapan yang dipratentukan dan melepaskan prasangka kita. Jika cawan kita penuh dengan keakuan, tidak akan ada ruang untuk air kehidupan.

Agama adalah Cahaya kepada dunia. Ia membimbang langkah kita dan membuka kepada kita pintu kegembiraan yang tak terhingga. Apabila kita menyiasat ajaran-ajaran semua agama teragung di dunia, bebas daripada kekangan kepercayaan dogmatik dan imitasi buta, kita akan sedari bahawa ia berasal dari asas yang sama. Semuanya mewahyukan pengetahuan tentang Tuhan. Semua bertujuan untuk memajukan umat manusia.

Tentunya, terdapat perbezaan antara hukum-hukum dan peraturan-peraturan sosial yang disebarluaskan oleh setiap agama berdasarkan keperluan masa dan tempat.

Tetapi dalam intinya semua agama adalah satu. Semua memupuk keimanan, ilmu pengetahuan, keyakinan, keadilan, kesetiaan, pemikiran tinggi, kebolehpercayaan, cinta kepada Tuhan, dan kebajikan. Semua mengajar kesucian, ketakterikatan, kerendahan hati, daya tahan, kesabaran, dan ketetapan. Nilai-nilai kemanusiaan ini diperbaharui dalam setiap Dispensasi.

Malangnya, kerana prasangka dan imitasi buta, banyak tidak dapat melihat kesatuan agama yang mendasarinya. Bimbingan Tuhan kepada umat manusia adalah kebenaran, dan kebenaran tidak mempunyai pecahan; ia adalah satu. Jika kita menyiasat kebenaran secara sendiri, dengan mengetepikan tanggapan pratentu, pencarian kita akan membawa kepada kesatuan. Agama harus menyatukan kita; ia harus menubuhkan ikatan cinta dalam kalangan manusia. Jika ia menjadi punca permusuhan dan persengketaan, ketidakwujudannya adalah lebih baik.

1. Seperti dalam bahagian yang sebelum ini, anda harus membaca pernyataan ini beberapa kali dalam kumpulan anda, tanya satu sama lain persoalan yang berkaitan dengan idea-idea itu, dan berlatih menyampaikannya dengan lancar.
2. Pertimbangkan dalam kumpulan anda bagaimana anda mungkin dapat menenun idea yang anda telah belajar ini dalam suatu perbualan, misalnya, tentang konflik agama, yang biasanya berlegar dalam minda manusia. Tetapi anda mungkin mendapati diri anda dalam kalangan beberapa rakan yang membincangkan kepentingan penyiasatan kebenaran dan tidak dimanipulasi oleh propaganda. Fikirkan semula perbualan anda baru-baru ini dengan rakan-rakan dan jiran tetangga, rakan sekerja dan kenalan anda. Apakah beberapa isu dalam minda mereka yang akan dimanfaatkan daripada perbincangan sekitar idea-idea ini?

3. Bagaimanakah anda menjawab jika, setelah berkongsi idea-idea di atas dalam sebuah perbualan, seseorang menanya anda, “Apakah beberapa kebenaran yang sama dalam semua agama?”

4. Adalah dicadangkan agar anda menghafal satu atau dua daripada petikan yang berikut daripada Tulisan Bahá'u'lláh:

“Tidak ada langsung keraguan bahawa umat di dunia, daripada apa jua bangsa atau agama, memperoleh ilham mereka daripada suatu Punca syurgawi, dan merupakan rakyat-rakyat kepada Tuhan yang esa.”⁸

“Bergaullah dengan pengikut semua agama dengan semangat persahabatan dan kemesraan.”⁹

“Tujuan asas yang menggerakkan Akidah Tuhan dan Agama-Nya adalah untuk melindungi kepentingan serta memajukan kesatuan bangsa manusia...”¹⁰

“Agama Tuhan adalah untuk kasih sayang dan kesatuan; janganlah menjadikannya punca permusuhan atau perselisihan.”¹¹

BAHAGIAN 5

Hubungan antara sains dan agama adalah subjek yang seterusnya yang anda harus kaji.

Agama harus selaras dengan sains. Tuhan telah mengurniakan kita dengan akal fikiran agar kita dapat memahami apa yang benar. Sains dan agama kedua-duanya diharapkan untuk mencapai standard-standard pemikiran. Oleh itu, kedua-duanya wajib bersetuju dengan satu sama yang lain. Kedua-duanya adalah dua sayap yang mana kebijaksanaan manusia dapat terbang ke puncak yang tinggi, dua sayap yang mana membolehkan umat manusia terbang. Satu sayap saja tidak mencukupi.

Sains adalah kurniaan Tuhan. Ia menemui hukum-hukum dunia fizikal dan membolehkan kita menangani had-had yang dikenakan pada kita oleh alam ini. Dengan bantuan peralatan sains, kita melihat benda-benda yang ghaib daripada mata fizikal dan berkomunikasi dengan tempat yang amatlah jauh dalam hanya sesaat. Sains menyatukan masa kini dan masa lampau dan menembusi misteri-misteri masa depan. Kemajuan sekumpulan manusia bergantung kepada pencapaian saintifik.

Agama Tuhan adalah penyebar kebenaran, pendukung ilmu pengetahuan, dan pembawa tamadun bangsa manusia. Tanpa agama, sains menjadi satu alat untuk memajukan materialisme, lalu akan kemudian membawa kepada putus harapan. Apabila agama bertentangan dengan sains, ia menjadi hanya ketahyul. Jika agama dan sains berjalan bersama dalam harmoni, kebanyakan kebencian dan kepahitan yang kini membawa penderitaan kepada umat manusia akan dihentikan.

1. Seperti biasa, bacakan pernyataan ini beberapa kali dalam kumpulan anda, perenggan demi perenggan, dan menanya satu sama lain soalan sehingga anda mempelajari kandungannya dengan cukup baik sehingga dapat menyampaikannya dengan semula jadi.

2. Bagaimanakah anda menjawab kepada seseorang apabila dia berkata: "Agama adalah sesuatu dari masa lampau; sains akan menyelesaikan semua masalah umat manusia." Adakah penting untuk anda menjelaskan bahawa agama bukanlah sama dengan ketahyulam, tetapi ia menjadi begitu kerana ketiadaan sains, dan bahawa sains tanpa agama akan membawa kepada putus harapan yang diwujudkan oleh materialisme? Adakah anda dapat memberikan beberapa contoh bagaimana ini akan berlaku?

3. Adalah dicadangkan agar anda menghafal satu atau dua daripada petikan yang berikut daripada Tulisan Bahá'u'lláh:

"Pertama dan terutama dalam kurniaan-kurniaan ini, yang mana Yang Maha Kuasa telah anugerahkan pada manusia, adalah anugerah pemahaman... Anugerah ini memberikan manusia kuasa untuk mengerti kebenaran dalam segala benda, membimbingnya kepada apa yang betul, dan membantunya untuk menemui rahsia-rahsia ciptaan."¹²

"Lihatlah dunia dan renungkan sejenak. Ia membuka buku dirinya sendiri di hadapan matamu dan menjelmakan apa yang Pena Rajamu, Perekanya, Yang Maha Mengetahui, telah tuliskan di dalamnya."¹³

"Ilmu bagaikan sayap kepada kehidupan manusia, dan tangga bagi kemajuannya. Pemerolehannya adalah wajib bagi setiap orang."¹⁴

BAHAGIAN 6

Kesatuan umat manusia adalah subjek yang bergema dalam kalbu-kalbu manusia di merata tempat pada hari ini, dan ramai akan mengalu-alukan perbincangan dengan anda tentang idea-idea yang dipersembahkan di bawah.

Suatu taman yang mana bunga-bunganya pelbagai warna dan keharuman yang tumbuh bahu membahu adalah indah di mata. Dan walaupun berbeza, setiap bunga disegarkan oleh hujan yang sama dan menerima kehangatan satu matahari. Ini juga sama bagi umat manusia. Ia merangkumi banyak bangsa dan warna. Tetapi semua berasal daripada Tuhan yang sama, dan semua mempunyai asal-usul yang sama. Kepelbagaiannya dalam keluarga manusia haruslah menjadi sumber harmoni, seperti

dalam muzik yang mana nota berlainan disatukan bersama untuk menjadi kord yang sempurna.

Kesatuan amat penting bagi kewujudan. Kasih sayang punca hidup yang sebenar. Dalam dunia kebendaan, elemen-elemen segala benda disatukan oleh hukum daya tarikan. Hukum daya tarikan menyatukan elemen-elemen tertentu dalam bentuk sekuntum bunga yang cantik. Tetapi apabila daya tarikan itu dihapuskan, bunga itu akan reput dan tidak akan wujud lagi. Begitu juga dengan umat manusia. Daya tarikan, harmoni, dan kesatuan ialah kuasa yang menyatukan umat manusia.

Bahá'u'lláh telah mendirikan suatu reka bentuk bagi menyatukan semua kaum di dunia. Kita harus memberikan segala usaha untuk membawa mereka ke dalam lingkungan kesatuan ini. Apabila kita bertemu orang-orang daripada kaum, bangsa, agama dan pendapat yang berbeza daripada kita, kita tidak harus membenarkan perbezaan-perbezaan ini menjadi halangan antara kita. Kita harus menganggap mereka sebagai bunga mawar yang beraneka warna yang tumbuh dalam taman kemanusiaan yang indah serta berasa gembira untuk hidup dalam kalangan mereka.

1. Setelah mengkaji pernyataan di atas seperti yang anda lakukan dalam yang sebelumnya, fikirkan banyak perbualan yang sedang berlaku di sekitar anda. Apakah beberapa isu dalam minda manusia yang mungkin membawa kepada kemungkinan untuk anda berkongsi idea-idea ini dengan mereka?

2. Satu perbualan tentang kesatuan umat manusia mungkin membawa kepada satu perbincangan tentang kepentingan kesatuan dalam komuniti seseorang. Bolehkah anda menyatakan beberapa perkataan tentang bagaimana setiap daripada kita boleh menyumbang kepadanya?

3. Anda mungkin ingin menghafal satu atau lebih petikan yang berikut agar anda boleh merujuk kepadanya apabila anda berbual tentang subjek ini dengan rakan-rakan anda:

“Kubu kesatuan telah pun didirikan; janganlah engkau anggap satu sama lain sebagai orang asing. Engkau adalah buah-buahan sepohon, dan daun-daun sedahan.”¹⁵

“Begitu kuat cahaya kesatuan sehingga ia dapat menyinari seluruh bumi.”¹⁶

“Tetapkanlah wajah-wajahmu pada kesatuan, dan biarkanlah kegemilangan cahayanya bersinar ke atasmu. Berhimpunlah engkau bersama, dan demi Tuhan berazamlah untuk menghapuskan segala yang menjadi punca pertengkar dalam kalanganmu.”¹⁷

“Wajib bagi manusia untuk tetap setia kepada apa yang akan memajukan persahabatan, kebaikan dan kesatuan.”¹⁸

BAHAGIAN 7

Pernyataan yang berikut akan membantu anda menyumbang kepada perbincangan tentang subjek keadilan, satu perkara yang amat membimbangkan kebanyakan orang:

Perbezaan keupayaan dalam individu-individu adalah asas bagi kewujudan manusia. Oleh itu, tidak mungkin bagi semua orang menjadi sama dalam setiap perkara. Namun hal ehwal manusia, pada keseluruhannya, harus dikuasai oleh prinsip keadilan. Keadilan haruslah suci, dan hak setiap orang haruslah dilindungi.

Keadilan itu tidak terhad; ia adalah sifat universal. Ia harus beroperasi dalam semua bahagian kehidupan manusia. Setiap satu ahli masyarakat harus menikmati faedah-faedah tamadun, kerana kita semua adalah anggota badan umat manusia. Jika satu anggota badan ini berada dalam penderitaan atau kesusahan, kesemua anggota yang lain juga akan menderita. Bagaimanakah satu anggota menderita dan yang lain dalam keselesaan? Masyarakat zaman ini kurang kesalingan dan simetri yang penting; ia tidak diaturkan dengan baik. Hukum-hukum dan prinsip-prinsip yang akan menjamin kesejahteraan dan kegembiraan seluruh keluarga manusia amat diperlukan.

Keadilan didirikan pada tiang-tiang ganjaran dan hukuman. Kerajaan-kerajaan yang dikuasai mereka tanpa keimanan, tanpa ketakutan pada pembalasan Ilahi, akan melaksanakan undang-undang yang tidak adil. Harapan untuk ganjaran dan ketakutan pada hukuman adalah diperlukan kedua-duanya jika penindasan ingin dielakkan. Penggubal dan pentadbir undang-undang haruslah sedar pada akibat rohani keputusan mereka. Pemerintah yang mempercayai bahawa akibat tindakan mereka akan mengikuti mereka selepas kehidupan fana ini dan yang mengetahui bahawa penghakiman mereka akan ditimbangkan di neraca keadilan Ilahi akan tentunya menghindari kezaliman dan penindasan.

1. Setelah anda belajar menyampaikan idea-idea di atas secara semula jadi, pertimbangkan apakah topik-topik perbualan yang akan dimanfaatkan daripada pengertian-pengertian yang diberikan dalam pernyataan ini.

2. Bagaimanakah anda menjawab kepada seseorang yang mempercayai bahawa ketidakadilan tidak akan pernah berhenti?

3. Berikut adalah beberapa petikan daripada Tulisan Bahá'u'lláh berkaitan keadilan yang anda digalakkan untuk menghafal.

“Cahaya manusia ialah Keadilan. Jangan padamkannya dengan tentangan angin-angin penindasan dan kezaliman. Tujuan keadilan adalah kewujudan kesatuan dalam kalangan manusia.”¹⁹

“Tiada sinaran yang dapat dibandingkan dengan sinaran keadilan. Aturan dunia dan ketenteraman manusia bergantung kepadanya.”²⁰

“Yang melatih dunia ialah Keadilan, kerana ia dipertahankan oleh dua tiang, iaitu ganjaran dan hukuman. Kedua-dua tiang ini ialah sumber kehidupan bagi dunia.”²¹

BAHAGIAN 8

Jurang antara yang kaya dan yang miskin sedang diluaskan dengan setiap hari yang berlalu, dan pernyataan berikut akan membantu anda dalam berbual dengan rakan-rakan anda tentang subjek ini dan yang berkaitan dengannya.

Hari ini, kerana kurangnya kesalingan dan hubungan yang harmoni, beberapa ahli masyarakat berasa puas, hidup dalam keselesaan dan kekayaan yang mewah, sementara yang lain sedang mencari makanan dan tempat teduh. Beberapa amatlah kaya, dan yang lain hidup dalam kemiskinan yang melampau.

Hukum-hukum masyarakat haruslah dibentuk dan dikuatkuasakan dalam cara yang ia tidak mungkin bagi sekelompok yang kecil untuk mengumpul kekayaan yang terlampau dan dibiarkan yang lain miskin. Ini tidak bermaksud bahawa semua mesti sama rata, kerana perbezaan dalam tahap dan keupayaan memang wujud dalam ciptaan. Tetapi keterlaluan dalam kekayaan yang menyediakan ini diiring oleh kemiskinan yang mengecewakan ini boleh dihapuskan. Jika ia betul bagi seorang kapitalis untuk memiliki kemewahan, adalah sama adil bagi pekerja untuk mempunyai saran kewujudan yang mencukupi. Apabila kita melihat kemiskinan yang keterlaluan, tentunya kita akan menemui kezaliman.

Inti perkara ini ialah bahawa keadilan Ilahi harus menjelma dalam keadaan-keadaan manusia. Asas-asas seluruh keadaan ekonomi adalah bersifat rohani dan berhubung dengan dunia hati dan jiwa. Yang kaya harus memberi dengan banyak; mereka harus melembutkan hati mereka dan memupuk kecerdasan penyayang. Hati haruslah digabungkan bersama, cinta harus menjadi dominan agar yang kaya akan sanggup mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan pelarasan ekonomi secara kekal. Mereka sendiri mesti sedar bahawa adalah tidak adil mahupun diizinkan bagi mereka memiliki kekayaan yang amat banyak sementara terdapat kemiskinan yang menyediakan dalam komuniti. Dalam cara ini, mereka akan sanggup memberikan kekayaan mereka, sementara menyimpan sebanyak yang dapat memungkinkan mereka hidup dengan selesa.

1. Baca semula pernyataan dan kaji dalam kumpulan anda seperti biasa. Terdapat banayk isu dalam minda manusia yang berkaitan kekayaan dan kemiskinan--pekerjaan, pendapatan, perumahan, antara beberapa. Bolehkah anda memikirkan topik-topik perbincangan yang boleh mendapat manfaat daripada idea-idea dalam pernyataan ini?

2. Apakah jawapan anda jika seseorang yang terdengar anda menyebut idea-idea di atas menanya anda yang berikut: "Adakah kamu mengatakan bahawa yang kaya akan akhirnya memahami dan menyokong undang-undang cukai yang tegas, dan mereka akan sanggup membayar apa yang sepatutnya dibayar? Apakah yang membuat kamu fikir yang ini adalah mungkin?"

3. Adalah dicadangkan agar anda menghafal satu atau dua petikan daripada Tulisan Bahá'u'lláh:

“...engkau harus menghasilkan buah-buahan yang baik dan menakjubkan, agar engkau sendiri dan orang lain mendapat manfaat daripadanya. Maka adalah diwajibkan bagi setiap orang untuk menceburi dalam pertukangan dan pekerjaan, kerana di dalamnya terletak rahsia kekayaan, Wahai manusia yang berpengertian!”²²

“Jika matamu berpaling ke arah belas kasihan, lupakan hal yang menguntungkanmu dan berpautlah pada apa yang menguntungkan manusia. Dan jikalau matamu berpaling ke arah keadilan, pilihlah bagi jiranmu apa yang engkau pilih bagi dirimu sendiri.”²³

“Diberkatilah dia yang mengutamakan saudaranya daripada dirinya sendiri.”²⁴

“Tiada perlakuan yang baik telahpun dan akan hilang, kerana perlakuan-perlakuan yang dermawan adalah khazanah yang disimpan dengan Tuhan bagi manfaat mereka yang bertindak.”²⁵

“...berwaspada janganlah melebihi had kesederhanaan, dan tergolong dalam kalangan mereka yang boros.”²⁶

BAHAGIAN 9

Berikut adalah beberapa idea yang akan membantu anda menyertai perbincangan tentang subjek prasangka.

Prasangka dalam semua bentuknya--agama, kaum, jantina, etnik, ekonomi--memusnahkan pembangunan manusia dan adalah bertentangan dengan perintah Tuhan. Selama ribuan tahun umat manusia telah menderitai peperangan dan pertumpahan darah kerana didorong satu demi satu oleh prasangka ini. Selagi ia berterusan, umat manusia tidak akan dapat hidup tenang.

Tuhan telah menghantar Nabi-nabi-Nya dengan tujuan utama mencipta kasih sayang dan kesatuan. Semua Kitab-kitab syurgawi adalah tulisan kata kasih. Jika ia terbukti punca kerenggangan, ia telah menjadi tidak berguna. Oleh itu, prasangka agama terutamanya bertentangan dengan kehendak dan perintah Tuhan.

Prasangka bangsa adalah langsung tidak boleh dibenarkan. Bumi adalah satu tanah, satu negara. Garisan dan sempadan yang memisahkan bangsa-bangsa hanyalah bayangan; ia tidak diciptakan oleh Tuhan. Manusia mengisyiharkan sebatang sungai sebagai sempadan antara dua negara, dengan memberikan setiap bahagian satu nama, manakala sungai telah diciptakan untuk kedua-dua tempat dan arteri

semula jadi bagi semua. Bukankah bayangan dan kejahilan yang mendorong manusia untuk menjadikan rahmat-rahmat kehidupan punca perperangan dan pemusnahan?

Prasangka kaum adalah tidak lain daripada kepercayaan tahayul. Warna kulit seseorang hanyalah hasil daripada adaptasi nenek moyangnya sejak dahulu kepada cuaca dan persekitaran. Perwatakan adalah kriteria sebenar umat manusia. Kecemerlangan tidak bergantung kepada kaum dan warna. Keimanan, kesucian hati, perlakuan yang baik dan ucapan yang terpuji adalah apa yang diterima di ambang Tuhan.

Sejak dahulu lagi, wanita telah menjadi golongan bawahan kepada lelaki dan telah ditindas. Perbezaan antara lelaki dan wanita adalah prasyarat dunia fizikal; dalam dunia roh mereka adalah saksama. Dalam perhitungan Tuhan, tidak ada perbezaan lelaki dan perempuan. Semua umat manusia telah dikurniakan oleh Tuhan dengan kebijaksanaan dan persepsi. Semua mempunyai keupayaan untuk memperoleh sifat-sifat murni. Tidak ada keadaan pada hari ini yang mana jantina seseorang memberikan hak untuk amalan diskriminasi.

Berdasarkan kata-kata Testamen Lama, Tuhan telah mengatakan, “Biarlah kami menciptakan manusia dalam imej kami, serupa kami.” Ini dengan jelasnya termasuk wanita juga. Manusia telah diciptakan dalam imej Tuhan; dalam kata lain, nilai-nilai ilahi dijelmakan dan ditonjolkan dalam realiti manusia. Ini adalah benar bagi semua umat manusia. Betapa tidak munasabah untuk menuntut bahawa hanya mereka daripada satu kumpulan warna, etnik atau bangsa telah diciptakan dalam imej Tuhan. Betapa tidak masuk akal untuk menyatakan bahawa hanya yang kaya telah dijadikan dalam imej-Nya atau memikirkan bahawa satu syarat bagi kedekatan kepada Tuhan adalah kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Umat manusia tidak akan dapat mencapai kesedaran kecuali melalui penolakan prasangka dan pemerolehan sifat-sifat moral Kerajaan.

1. Kaji pernyataan ini seperti cara anda lakukan dalam yang sebelumnya dan kemudian fikirkan beberapa cabaran yang rakan-rakan dan jiran tetangga anda telah kemukakan dalam perbualan yang menginginkan penghapusan prasangka.

2. Bagaimana anda menjawab jika seorang yang telah mendengar pandangan anda menanyakan anda: “Bolehkah kita mempunyai prasangka dan tidak menyadarinya?”

-
-
3. Anda mungkin menemui keadaan yang mana anda dapat memasukkan dalam perbincangan anda tentang idea-idea ini satu atau dua petikan yang berikut daripada Tulisan Bahá'u'lláh:

“Bumi adalah hanya satu negara, dan manusia adalah rakyatnya.”²⁷

“Semua pohon muda dunia telah muncul daripada satu Pokok, dan semua titisan daripada satu Samudera, dan semua umat berasal daripada satu Wujud.”²⁸

“Dia sesungguhnya adalah seorang manusia yang, pada hari ini, telah mendedikasikan dirinya pada khidmat kepada seluruh bangsa manusia.”²⁹

“Cahaya perwatakan yang baik mengatasi cahaya suria dan sinaran daripadanya.”³⁰

“Keunggulan manusia tidaklah terletak pada perhiasan mahupun kemewahan, akan tetapi pada tingkah laku yang murni dan pemahaman sejati.”³¹

“Tuhan mengurniakan agar engkau dapat dibimbing dengan penuh rahmat di bawah semua keadaan untuk menghancurkan pemujaan kepercayaan tahayul dan mengoyakkan tabir-tabir imaginasi manusia.”³²

“Antara semua manusia, orang yang paling lalai adalah dia yang berdebat dengan sia-sia dan berhasrat untuk memajukan diri mengatasi saudaranya.”³³

BAHAGIAN 10

Apabila berbual dengan rakan-rakan, anda biasanya akan menarik idea-idea dalam pernyataan yang berikut tentang kesamarataan hak lelaki dan wanita:

Suria fizikal, melalui cahaya dan habanya, mendedahkan realiti segala yang ada di bumi. Buah yang tersembunyi dalam pokok muncul di dahan-dahannya sebagai tindak balas dengan kuasa suria. Begitu juga, Suria Kebenaran, bersinar dengan penuh kemuliaan di langit kerohanian, telah menjelaskan realiti yang tidak wujud pada zaman dahulu. Kerana itulah, dalam zaman ini, prinsip kesamarataan hak antara lelaki dan wanita telah dikenali sepenuhnya dan kini telah menjadi kebenaran yang nyata.

Bahá'u'lláh telah menyatakan dalam kata-kata yang jelas bahawa dalam pandangan Tuhan tidak ada perbezaan antara lelaki dan wanita. Keadaan ketidaksamarataan yang telah wujud berzaman-zaman dahulu itu bukanlah kerana keunggulan lelaki; ia adalah kerana wanita tidak pernah diberi peluang yang sama untuk meningkatkan semua keupayaan mereka. Walaupun prasangka melanda mereka, namun begitu, sejarah telah mencatatkan hidup sebilangan wanita yang telah mencapai pencapaian yang amat hebat.

Salah seorang wanita ini adalah penyair Parsi, Tahirih. Beliau telah lahir pada awal 1800s di sebuah negara yang mana wanita adalah golongan bawahan kepada lelaki. Beliau adalah wanita pertama yang menerima kebenaran Wahyu Tuhan yang baharu. Apabila beliau menyaksikan fajar Hari yang baharu, beliau menjadi yakin bahawa masanya telah tiba bagi realiti kesamarataan lelaki dan wanita untuk diiktiraf. Beliau telah mengabdikan segala tenaganya untuk menyebarkan kebenaran ini. Pengetahuan dan kefasihan beliau telah membingungkan golongan yang paling terpelajar pada zamannya. Walaupun segala kuasa seorang raja yang zalim serta para ulama yang bongkak angkuh telah menentangnya, tidak sesaat pun beliau ragu-ragu untuk menyebut kebenaran. Dan akhirnya, beliau mengorbankan nyawanya bagi Akidah baru yang dianuti olehnya dengan begitu teguh.

Untuk mempercayai apa yang tidak dimaksudkan oleh Tuhan adalah kejahilan dan tahayul. Pada hari ini kaum wanita harus diberikan setiap peluang untuk mendapat pendidikan serta untuk mencapai kedudukan sama dengan kaum lelaki dalam segala bidang usaha manusia. Sehingga kesamarataan lelaki dan wanita menjadi nyata di dunia ini, seperti mana ianya dalam alam rohani, pembangunan sebenar umat manusia tidak mungkin menjadi kenyataan.

1. Anda harus, seperti biasa, mengkaji pernyataan ini dalam kumpulan anda dan melatihnya dengan menyuarakan idea-idea ini. Adalah terdapat mana-mana perbualan yang anda alami kebelakangan ini dengan rakan-rakan anda yang mungkin dapat dimanfaatkan daripada pengertian yang ia berikan? Apakah beberapa isu dalam perbincangan ini?

2. Apakah beberapa kepercayaan dan sikap yang ketara dalam masyarakat hari ini yang harus berubah jika wanita mengambil kedudukan sama rata dengan lelaki dalam semua bidang usaha?

3. Berikut adalah beberapa petikan daripada Tulisan Bahá'u'lláh yang anda mungkin ingin menghafal.

“Wanita dan lelaki telah selalu dan akan selama-lamanya tetap sama dalam pandangan Tuhan.”³⁴

“Tidakkah engkau mengetahui mengapa Kami telah menciptakan engkau semua daripada debu yang sama? Supaya tiada seorang pun akan meninggikan dirinya di atas orang lain.”³⁵

“Pada Hari ini Tangan kurnia ilahi telah menghapuskan segala perbezaan. Hamba-hamba Tuhan dan dayang-dayang-Nya dianggap berada pada kedudukan yang sama.”³⁶

BAHAGIAN 11

Pernyataan terakhir yang anda diminta untuk kaji adalah tentang subjek pendidikan universal:

Penyebaran pendidikan adalah keperluan zaman kita yang paling mendesak. Tiada negara yang dapat mencapai kemakmuran melainkan ia menjadikan pendidikan salah satu perhatiannya yang utama. Sebab utama keruntuhan satu umat ialah kurang akses kepada ilmu pengetahuan.

Pendidikan harus bermula daripada peringkat bayi. Adalah tugas seorang bapa dan ibu untuk berusaha dengan segala cara untuk mendidik anak-anak mereka, untuk memurnikan perwatakan mereka bersesuaian dengan hukum-hukum rohani dan moral, dan untuk memastikan bahawa mereka dilatih dalam ilmu kesenian dan sains. Ibu-ibu ialah pendidik pertama umat manusia; mereka menjaga kanak-kanak di dada ilmu pengetahuan. Setiap anak harus dididik; ini bukanlah satu perkara yang boleh diabaikan. Jika ibu bapa mampu membiayai perbelanjaan yang diperlukan, mereka harus berbuat demikian. Jika tidak, komuniti mereka harus menyediakan kemudahan bagi pendidikan anak itu.

Pendidikan harus memperkembangkan dalam setiap insan hasrat untuk mencapai kecemerlangan. Kita harus terpikat kepada kesempurnaan manusia dan mencarinya dengan kegigihan. Kita harus bercita-cita untuk mencapai keunggulan rohani, untuk menjadi terkenal dengan sifat-sifat baik dunia kemanusiaan--iaitu keikhlasan, kesetiaan, khidmat kepada umat manusia, cinta dan keadilan. Kita harus berusaha untuk menjadi unggul demi usaha kita untuk memajukan keamanan dan kesatuan dan untuk memupuk pembelajaran. Untuk membimbing manusia ke jalan yang demikian adalah tugas sebenar pendidikan.

1. Setelah mengkaji pernyataan ini dalam kumpulan anda, cuba kenal pasti beberapa kerisauan yang rakan-rakan anda ada berkenaan pendidikan. Bagaimanakah idea-idea di atas menangani kerisauan ini?

2. Adalah dicadangkan agar anda menghafal satu atau lebih petikan yang berikut daripada Tulisan Bahá'u'lláh:

“Tidaklah diingini bahawa manusia dibiarkan tanpa ilmu pengetahuan atau kemahiran, kerana dia hanya bagaikan pohon yang tidak berhasil.”³⁷

“Tumpukan fikiran-fikiran dan keazamanmu pada pendidikan rakyat dan kaum kerabat di bumi.”³⁸

“Kesenian, pertukangan dan sains meninggikan dunia kemanusiaan, dan adalah sesuai bagi kemuliaannya.”³⁹

“Sesungguhnya, ilmu adalah khazanah yang sebenar bagi manusia, dan satu punca kemuliaan, kerahmatan, keriangan, penyanjungan, kegirangan dan kegembiraan kepadanya.”⁴⁰

BAHAGIAN 12

Keamanan adalah satu isu dalam minda setiap orang. Penubuhannya adalah paling mendesak dan penting. Kini anda telah memikirkan prinsip-prinsip yang telah digariskan dalam pernyataan-pernyataan sebelum ini, anda mungkin mendapatinya bermanfaat untuk merenung pada persoalan tentang kedamaian sejagat.

Tentunya, banyak bergantung pada kerajaan untuk mengambil langkah-langkah praktikal untuk menghentikan peperangan. Persetujuan politik untuk menyelesaikan perbalahan dan untuk mengurangkan penggunaan senjata api adalah penting dalam mencapai kedamaian, seperti juga pelbagai bentuk kolaborasi antarabangsa antara negara. Namun, betapa pentingnya langkah-langkah itu, ia tidak akan membawa kepada kedamaian sejagat jika prinsip-prinsip yang dibincangkan sebelum ini tidak diwujudkan di seluruh dunia. Tidak sehingga manusia belajar mencari kebenaran dan menyedari bahawa kebenaran adalah satu, kita harus tanya diri kita sendiri, tidakkah permusuhan yang berzaman lamanya akan terus wujud? Kita semua mempunyai asal-usul yang sama. Tuhan memerhati kita semua dan melatih kita semua melalui Manifestasi-manifestasi-Nya. Ajaran-ajaran Mereka terletak pada asas cinta dan persahabatan yang sama. Hanya apabila kesatuan agama diiktirafkan barulah permusuhan antara agama akan berhenti dan

cahaya agama akan menerangi jalan ke arah kedamaian. Kita mungkin terus bertanya, tidakkah penting bagi sains dan agama bekerja secara harmoni untuk menghapuskan awan-awan kejahanan dan menonjolkan kepalsuan setiap bentuk prasangka, yang setiap daripadanya adalah penghalang yang besar kepada kedamaian? Namun satu lagi pertanyaan ialah, dapatkah satu dunia yang aman damai dibina jika jurang yang terlalu besar antara yang kaya dan yang miskin tidak diselesaikan di setiap pepenjuru bumi ini? Dan, tidak sehingga wanita dibenarkan untuk bergerak dalam semua bidang usaha manusia pada tahap yang sama rata dengan lelaki barulah keganasan yang amat mencirikan sejarah lalu membuka jalan kepada kedamaian dan kemakmuran sejati. Generasi-generasi yang berkembang harus semua dididik berdasarkan prinsip-prinsip ini, jika tidak setiap harapan bagi kedamaian akan berkecaci. Anda mungkin ingin menghafal kata-kata Bahá'u'lláh yang berikut agar anda dapat berkongsinya dengan orang lain berkaitan masa depan umat manusia:

“Kesejahteraan manusia, kedamaian dan keselamatannya, tidak akan tercapai melainkan jika kesatuannya ditubuhkan dengan kukuh.”⁴¹

RUJUKAN

1. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1983, 2017 printing), CIX, par. 2, p. 243.
2. Ibid., CXXXII, par. 1, p. 325.
3. Ibid., XXXIV, par. 5, p. 89.
4. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1988, 2005 printing), no. 11.1, p. 161.
5. Bahá'u'lláh, *The Kitáb-i-Íqán: The Book of Certitude* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2003, 2018 printing), par. 151, p. 131.
6. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, XXVIII, par. 2, p. 77.
7. Ibid., XXIV, par. 1, p. 66.
8. Ibid., CXI, par. 1, p. 246.
9. Ibid., XLIII, par. 6, p. 106.
10. Ibid., CX, par. 1, p. 244.
11. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 15.4, p. 220.
12. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, XCV, par. 1, pp. 219–20.
13. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 9.13, p. 141.
14. Ibid., no. 5.13, p. 51.
15. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXII, par. 1, pp. 247–48.
16. Ibid., CXXXII, par. 3, p. 326.
17. Ibid., CXI, par. 1, p. 246.
18. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 7.20, p. 90.
19. Ibid., no. 6.25, pp. 66–67.
20. Bahá'u'lláh, cited by Shoghi Effendi, *The Advent of Divine Justice* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2006, 2018 printing), par. 42, p. 41.
21. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 3.23, p. 27.
22. Bahá'u'lláh, *The Hidden Words* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2003, 2012 printing), Persian no. 80, p. 51. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 6.19, p. 64.
23. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 6.19, p. 64.

24. Ibid., no. 6.37, p. 71.
25. Bahá'u'lláh, in *Huqúqu'lláh—The Right of God: A Compilation of Extracts from the Writings of Bahá'u'lláh and 'Abdu'l-Bahá and from Letters Written by and on Behalf of Shoghi Effendi and the Universal House of Justice*, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2007), no. 16, p. 16.
26. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXVIII, par. 2, p. 283.
27. Ibid., CXVII, par. 1, p. 282.
28. Bahá'u'lláh, cited by Shoghi Effendi, *The Promised Day Is Come* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1996, 2018 printing), par. 279, p. 187.
29. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXVII, par. 1, p. 282.
30. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 4.11, p. 36.
31. Ibid., no. 6.3, p. 57.
32. Ibid., no. 6.3, p. 58.
33. *The Hidden Words*, Persian no. 5, pp. 23–24.
34. Bahá'u'lláh, in *Women: Extracts from the Writings of Bahá'u'lláh, 'Abdu'l-Bahá, Shoghi Effendi and the Universal House of Justice*, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1986, 1997 printing), no. 54, p. 26.
35. *The Hidden Words*, Arabic no. 68, p. 20.
36. Bahá'u'lláh, in the compilation *Women*, no. 3, p. 3.
37. Bahá'u'lláh, in *Excellence in All Things: A Compilation of Extracts from the Bahá'í Writings*, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice (London: Bahá'í Publishing Trust, 1981, 1989 printing), no. 5, p. 2.
38. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CLVI, par. 1, p. 378.
39. Bahá'u'lláh, *Epistle to the Son of the Wolf* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1988, 2016 printing), p. 26.
40. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 5.13, p. 52.
41. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXXXI, par. 2, p. 324.



Tema-tema Pendalaman

Tujuan

Untuk memperkembangkan tabiat melawat sahabat dan jiran tetangga
untuk berbual tentang tema-tema berkepentingan rohani

BAHAGIAN 1

Unit ketiga ini, seperti yang sebelumnya, adalah berkenaan kebolehupayaan yang membolehkan kita memasuki perbualan yang bermakna dan memberangsangkan. Tumpuan kita dalam unit kedua adalah tentang beberapa keadaan yang wujud untuk menaikkan tahap perbualan dengan merujuk kepada prinsip-prinsip rohani. Di sini tumpuan dialihkan kepada lawatan-lawatan yang kita lakukan ke rumah sahabat dan jiran tetangga untuk menerokai tema-tema yang utama dalam kehidupan komuniti.

Dalam perkampungan dan kejiranan di sekitar dunia, kelompok rakan-rakan sedang terlibat secara giat dalam satu set aktiviti yang saling berkaitan antaranya perhimpunan doa, kelas-kelas pendidikan rohani kanak-kanak, perjumpaan-perjumpaan belia muda, kumpulan belajar, dan kem belia serta berbagai jenis kempen. Apabila corak aktiviti ini berakar dalam satu kawasan tempatan dan apabila semakin ramai mendedikasikan diri mereka dalam tindakan khidmat, nukleus rakan-rakan akan berkembang dalam saiz dan kekuatan. Satu program lawatan yang sistematik ke semakin banyak rumah dalam kampung atau kejiranan adalah satu komponen yang penting dalam proses pembangunan komuniti yang kini sedang meningkat momentumnya. Satu kepelbagaiannya tema sedang dibincangkan dalam lawatan-lawatan ini. Seorang guru kelas kanak-kanak Bahá'í, misalnya, harus sentiasa berjumpa ibu bapa kepada mereka yang muda untuk membincangkan tema yang berkaitan dengan pendidikan. Lawatan-lawatan serupa harus dibuat ke rumah belia muda dan belia oleh mereka yang berkhidmat sebagai animator dan tutor untuk membincangkan subjek-subjek yang berkaitan dengan cabaran-cabarhan dan peluang-peluang yang dikaitkan dengan tahun-tahun yang gemilang dalam kehidupan manusia. Perbualan yang dibuat dengan ahli sebuah keluarga tentang tema-tema yang mendalamkan pengetahuan mereka tentang Akidah terbukti sama penting. Pada kesimpulannya, kesan lawatan-lawatan sebegini pada budaya persahabatan yang sedang muncul dalam komuniti adalah tak terkira.

BAHAGIAN 2

Bagi tujuan unit ini, kita akan melihat pada satu kejiranan rekaan yang mana proses yang digambarkan di atas sedang berkembang, dan kita akan menggunakan ini sebagai konteks untuk meneliti jenis perbualan yang mungkin mekar semasa satu lawatan ke rumah.

Alejandra adalah seorang wanita muda dalam tahun ketiga di universiti. Dia bersama salah seorang abangnya, yang juga seorang pelajar, kini tinggal dengan ibu bapa mereka di sebuah kejiranan yang kita sedang bayangkan ini, di rumah mana mereka telah lahir dan membesar. Keempat-empat mereka serta seorang pasangan muda yang baru sahaja berpindah ke kejiranan ini sedang bertemu setiap minggu untuk berdoa dan bermusyawarah tentang kemajuan aktiviti-aktiviti yang ditubuhkan di sekitar mereka dalam populasi kira-kira 8,000 orang. Tiga orang lagi menyertai sekali-sekala dalam pertemuan mingguan ini dan bermula untuk memikir secara sistematik bukan sahaja pada

tindakan khidmat sendiri tetapi juga seluruh proses pembangunan-komuniti: seorang guru kelas kanak-kanak yang telah bermula enam bulan yang lalu dan dua orang belia berumur tujuh belas tahun yang sedang membimbing usaha sebuah kumpulan belia muda dengan pertolongan daripada seorang abang kepada Alejandra, yang pernah menjadi animator bagi kumpulan mereka sendiri apabila mereka muda dulu dan yang telah melawat ibu bapanya secara kerap.

Set perbualan pertama yang kita akan mengkaji adalah antara Alejandra dan keluarga Sanchez, sebuah keluarga yang terkenal dan dihormati di kejiranan itu. Suami dan isteri tersebut dalam lingkungan umur enam puluhan dan, setelah anak-anak lelaki dan perempuan mereka membesar, mereka kini tinggal sendiri di beberapa blok dari rumah Alejandra. Encik dan Puan Sanchez boleh membaca tetapi tidak menerima banyak pendidikan formal. Rasa hormat yang meluas pada mereka adalah kerana kearifan yang mereka peroleh daripada pengalaman dalam sebuah hidup yang dermawan dan kelakuan murni. Mereka sudah lama sedar akan ajaran-ajaran Bahá'í, tetapi baru-baru ini mereka membuat keputusan untuk menyiasat dengan bersungguh-sungguh. Seminggu yang lalu, mereka berkomunikasi dengan ibu bapa Alejandra tentang keinginan mereka untuk menyertai komuniti. Satu pertemuan untuk mengalui-alukan mereka telah dirancang dan, sebagai tambahan, adalah dipersetujui bahawa Alejandra akan melawat mereka selama beberapa minggu untuk berkongsi dengan mereka satu siri tema yang akan membantu mereka mendalami pengetahuan mereka dalam Akidah. Dengan mengikuti cerita lawatan-lawatan ini, anda akan dapat menerokai tema-tema ini dan pada masa yang sama merenung pada kedinamikan perbualan pada masa tertentu.

BAHAGIAN 3

Alejandra merancang untuk mendasari perbualan pertamanya dengan Encik dan Puan Sanchez pada penerangan ringkas yang berikut tentang tema, Waadat abadi Tuhan.

Pencipta segala sesuatu ialah Tuhan, Yang Esa, Yang Tiada Bandingan, Yang Berdiri Sendiri. Bahá'u'lláh mengajar kita bahawa inti Tuhan tidak dapat difahami oleh minda manusia, kerana yang terhad itu tidak berupaya memahami yang tidak terhad. Gambaran yang dibuat tentang Tuhan oleh manusia hanyalah hasil imaginasi mereka sendiri. Tuhan bukanlah manusia, dan Dia bukanlah semata-mata kuasa yang tersebar ke seluruh alam semesta. Kata-kata yang seharusnya kita gunakan untuk merujuk kepada Punca perwujudan kita, seperti Bapa Syurgawi, Kuasa Syurgawi, Roh Maha Besar, menyatakan nama dan sifat-Nya dalam bahasa manusia dan sama sekali tidak mencukupi untuk menggambarkan-Nya.

Dalam Kalimat-Kalimat Tersembunyi, kita membaca:

“Wahai Putera Manusia! Aku mencintai kewujudanmu, maka Aku menciptakanmu. Sebab itu, cintailah Daku, supaya Aku dapat menyebut namamu dan mengisi jiwamu dengan roh kehidupan.”¹

Dalam petikan ini, Bahá'u'lláh memberitahu kita bahawa cinta Tuhan kepada kita merupakan tujuan sebenar kewujudan kita. Kita harus selalu sedar akan cinta ini, yang melindungi kita, mempertahankan kita, serta mengisi kita dengan roh kehidupan. Pada masa-masa kesusahan atau kesenangan, kesedihan atau keriangan, kita harus ingat bahawa cinta-Nya akan sentiasa mengelilingi kita.

Daripada Ajaran-Ajaran Bahá'í, kita mempelajari bahawa, setelah mencipta kita atas cinta-Nya, Tuhan telah menetapkan satu Waadat dengan kita. Perkataan "waadat" itu bermakna persetujuan atau perjanjian antara dua atau lebih orang. Selaras dengan Waadat abadi, Pencipta Yang Maha Rahmat tidak pernah meninggalkan kita dan, dari zaman ke zaman, menyatakan Kehendak-Nya dan Tujuan-Nya kepada kita melalui salah seorang Manifestasi-Nya.

Kata kerja "wujud" bermakna untuk mewahyukan, untuk menunjukkan sesuatu yang tidak diketahui sebelum itu. Manifestasi-Manifestasi Tuhan ialah Insan istimewa itu yang mewahyukan kepada kita Kalimat Tuhan. Mereka ialah Pendidik universal yang mengajar kita cara hidup bersesuaian dengan Kehendak Tuhan dan cara mencapai kebahagiaan yang sejati. Antara Manifestasi ini termasuk Abraham, Krishna, Musa, Zoroaster, Buddha, Kristus, Muhammad dan, tentunya, Báb dan Bahá'u'lláh, Manifestasi Kembar Tuhan bagi zaman ini dalam sejarah manusia.

Maka, Waadat abadi Tuhan, bahagian-Nya telah sentiasa ditunaikan. Satu soalan penting yang kita semua harus menanya diri sendiri ialah, "Bagaimanakah saya menunaikan bahagian saya dalam Waadat ini?" Jawapan yang kita temui dalam semua kitab-kitab agama ialah: dengan mengenali Manifestasi Tuhan dan mematuhi ajaran-ajaran-Nya. Respon ini membawa kepada tujuan sebenar hidup kita, yang adalah untuk mengenal dan menyembah Tuhan. Dalam Doa Wajib Pendek, kita menyatakan:

"Aku naik saksi, Ya Tuhanku, bahawa Engkau telah menciptakan daku untuk mengenal dan menyembah-Mu. Aku naik saksi, pada saat ini, akan kelemahanku dan kekuatan-Mu, akan kemiskinanku dan kekayaan-Mu.

"Tiada Tuhan melainkan Engkau, Penolong Dalam Bencana, Yang Berdiri Sendiri."²

Oleh sebab tidak mungkin kita boleh mengenal Tuhan kecuali melalui Manifestasi-Manifestasi-Nya, satu-satunya cara kita boleh mencapai tujuan hidup kita adalah hanya dengan mengenal Mereka dan mengikuti ajaran-ajaran Mereka. Hari ini, hati kita melimpah dengan kesyukuran atas rahmat untuk hidup dalam satu masa apabila janji yang telah dibuat dalam semua Kitab Suci, bahawa kedamaian dan keadilan akan dibina di bumi, sedang ditunaikan. Bahá'u'lláh menyatakan:

"Inilah Hari yang mana rahmat Tuhan yang paling cemerlang telah dicurahkan pada manusia, Hari yang mana kurnia-Nya yang paling berkuasa telah

disemai dalam segala yang tercipta. Wajib bagi semua orang di dunia untuk mendamaikan perbezaan mereka, dan, dalam kesatuan dan keamanan yang sempurna, berhuni di bawah bayangan Pohon jagaan dan kebaikan kasih sayang-Nya.”³

Sebelum kita teruskan dengan cerita kita, anda harus membaca penerangan di atas dan merenung pada perenggan demi perenggan bersama peserta lain dalam kumpulan anda. Anda mungkin bertanya soalan antara satu sama lain dan menjawab bersama, sehingga setiap daripada anda dapat meluahkan idea-idea secara semula jadi dan dengan senang. Pelajari petikan dengan baik adalah amat penting, kerana perkongsian daripada Tulisan dalam perbincangan jenis ini adalah amat diperlukan. Latihan yang berikut akan membantu anda memikirkan idea-idea yang disampaikan dalam bahagian ini dan tentang makna petikan-petikan yang diletakkan:

1. Bagaimanakah anda menerangkan kepada seseorang bahawa Tuhan adalah inti yang tidak dapat diketahui? Perenggan pertama di atas akan membantu anda dalam hal ini.

2. Mengapakah Tuhan menciptakan kita? _____

3. Apakah maksud perkataan “waadat”? _____

4. Apakah yang Tuhan telah janjikan dalam Waadat abadi-Nya dengan umat manusia?

5. Apakah tujuan hidup kita? _____

6. Jika kita tidak akan pernah mengetahui inti Tuhan, apakah maksudnya bahawa tujuan hidup kita adalah untuk mengenal Tuhan? _____

7. Apakah maksud perkataan “menjelmakan”? _____

8. Namakan beberapa Manifestasi Tuhan: _____

-
-
9. Apakah yang diperlukan daripada kita jika kita ingin menunaikan bahagian kita dalam Waadat? _____
-
10. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut:
- Pada Hari ini, _____ Tuhan yang _____ telah dicurahkan pada umat manusia.
 - Pada Hari ini, _____ Tuhan yang _____ telah disemai dalam segala yang tercipta.
 - Pada Hari ini, kita wajib _____ perbezaan kita, dan, dalam kesatuan dan keamanan yang sempurna, _____ .
-
11. Apakah yang Bahá'u'lláh telah menyeru manusia di dunia untuk melakukan? _____
-
-
-

BAHAGIAN 4

Kandungan tema yang Alejandra merancang untuk kongsikan dengan Encik dan Puan Sanchez bukanlah satu-satunya perkara dalam mindanya. Dia berharap untuk membina persahabatan yang kuat dengan pasangan tersebut. Daripada pengalaman peribadinya, dia tahu akan kesan pahit daripada prasangka dan sikap angkuh. Ini dia tentunya akan mengelakkan; pelajaran tingginya tidak mengurangkan kerendahan hatinya. Dia tidak mempunyai apa-apa dalam hatinya melainkan cinta yang suci dan hormat kepada pasangan Sanchez. Apabila dia mempertimbangkan bagaimana dia menerangkan tema yang pertama ini, dia mengingati dirinya bahawa ini adalah permulaan suatu perbualan yang berterusan yang akan mekar dalam minggu-minggu ke hadapan. Dia mengenali bahawa, walaupun ia penting untuk menyampaikan urutan idea-idea dengan jelas, dia harus berhenti pada isi-isi tertentu untuk mendengar respon daripada pasangan tersebut. "Saya harus cuba tidak berasa gementar," dia memberitahu dirinya, "kerana apabila saya asyik bercakap dan terus bercakap, maka tiada peluang bagi suatu perbualan terbentuk." Alejandra terus memikirkan lawatannya sehubungan ini. Jika anda berada di tempatnya,

yang manakah daripada yang berikut akan anda anggap sebagai pemikiran yang sesuai dalam minda anda?

- _____ Adalah tugas saya untuk mengarahkan pasangan Sanchez dalam Akidah dan memastikan mereka mempelajari semua yang saya ajarkan pada mereka.
- _____ Bertuahnya dapat meluangkan masa dengan pasangan yang menakjubkan ini dan berkongsi dengan mereka petikan daripada Tulisan.
- _____ Saya tahu lawatan ini amat penting. Namun, saya berharap ia tidak memakan masa yang lama kerana saya mempunyai perkara yang lain untuk dilakukan.
- _____ Petikan-petikan ini adalah terlalu sukar untuk mereka. Saya hanya perlu menyatakan beberapa idea mudah. Apa yang penting ialah menunjukkan mereka kasih sayang.
- _____ Pada usia mereka, pasangan Sanchez tidak dapat banyak belajar.
- _____ Saya menantikan untuk membuat lawatan dan mendengar mereka apabila kita membincangkan tema dan merenung pada petikan-petikan.
- _____ Mereka boleh membaca. Saya hanya memperkenalkan subjek dan membiarkan mereka mengkaji petikan itu dengan sendirinya.
- _____ Apabila menyampaikan idea-idea, saya harus berhenti dengan kerap agar kami dapat mengkaji petikan bersama dan bermusyawarah tentangnya.
- _____ Saya berharap saya dapat menyampaikan seluruh tema tanpa gangguan dan meminta mereka jika mereka mempunyai soalan pada penghujung nanti.

Dapatkah anda memikirkan perasaan lain yang anda inginkan atau tidak inginkan dalam menyediakan lawatan itu?

BAHAGIAN 5

Lawatan pertama Alejandra ke rumah Sanchez berjalan dengan lancar. Pasangan itu memerhati rasa gementarnya dan membuat dia berasa selesa dengan kehangatan dan kebaikan hati mereka. Mereka mendengar dengan teliti dan menyertai sepenuhnya dalam perbincangan, dengan memberikan perhatian khusus pada petikan-petikan. Satu-satunya saat kesukaran ialah pada penghujungnya apabila Puan Sanchez mengejutkan Alejandra dengan satu soalan: “Adakah saya melupakan Kristus dengan penyertaan saya dalam komuniti Bahá’í?” Alejandra mengetahui jawapannya, tetapi dia mengambil masa untuk merangka jawapannya. Encik Sanchez tersenyum dan membantunya: “Saya rasa cinta saya kepada Kristus sebenarnya telah meningkat sejak kita mempelajari ajaran-ajaran Bahá’í.”

“Dan begitu juga caranya di sekitar dunia,” tambah Alejandra, yang telah mengumpulkan pandangannya. “Cinta mereka terhadap Musa, Kristus, Krishna, Buddha, Zoroaster, dan Muhammad telah diperkuat kerana apa yang Bahá’u’lláh telah ajarkan mengenai keesaan Tuhan, kesatuan agama, dan kesatuan umat manusia.”

Adalah bermanfaat bagi anda mengambil sedikit masa dalam kumpulan anda untuk membincangkan beberapa sifat dan sikap yang telah wujud semasa lawatan Alejandra yang menjadikannya berhasil. Antara yang harus anda fikirkan, yang utama adalah kerendahan hati. Asas semua kerendahan hati ialah kerendahan di hadapan Tuhan. Daripadanya berpunca kerendahan di hadapan semua makhluk-Nya. Tidak ada langsung masa yang mana kerendahan adalah lebih penting kecuali apabila seseorang bercakap tentang Tuhan dan Manifestasi-manifestasi-Nya. Anda harus merenung pada kata-kata Bahá’u’lláh yang berikut dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghafalnya:

“Mereka yang adalah kekasih Tuhan, di mana-mana tempat mereka berhimpun dan dengan siapa pun mereka berjumpa, harus menunjukkan, dalam sikap mereka terhadap Tuhan, serta dalam cara mereka merayakan kepujian dan kemuliaan-Nya sifat kerendahan dan kepatuhan yang sedemikian sehingga setiap atom debu di bawah kaki mereka dapat menjadi saksi kepada kedalaman bakti mereka. Perbualan yang dilakukan oleh roh-roh suci ini harus diliputi kuasa sedemikian sehingga atom-atom debu yang sama ini akan digetarkan oleh pengaruhnya. Mereka harus berkelakuan dengan cara yang sedemikian sehingga bumi yang dijejaki mereka tidak akan diizinkan untuk mengatakan mereka dengan kata-kata seperti ini: ‘Aku harus lebih diutamakan daripada dirimu. Saksikanlah, betapa sabarnya daku apabila menahan beban yang petani-petani telah letakkan pada diriku. Akulah alat yang menyampaikan secara berterusan kepada segala wujud kurnia-kurnia Dia Yang adalah Punca segala rahmat, telah amanahkan padaku. Walau apa pun kehormatan yang dianugerahkan kepada diriku, dan bukti-buktikekayaanku yang tak terbilang-suatu kekayaan yang membekalkan keperluan-keperluan segala ciptaan–lihatlah kadar kerendahan diriku, saksikanlah dengan kepatuhan sepenuhnya yang daku izinkan diriku dipijak di bawah kaki-kaki manusia...’”⁴

Seperti yang dinyatakan di atas, kerendahan di hadapan semua manusia berpunca daripada kerendahan di hadapan Tuhan. Adalah dengan kerendahan yang sama ini yang kita mengamalkan sikap berdoa apabila melawat rumah seorang kawan untuk mendalamkan pemahaman kita tentang tema-tema tertentu bersama-sama. Semasa perbualan, kita sentiasa memusatkan fikiran kita pada Tuhan, meminta-Nya untuk menerangkan minda dan hati kita dan mereka yang hadir. Terdapat banyak frasa dan ayat daripada doa yang kita boleh hafalkan dengan tujuan ini dalam minda. Berikut hanya beberapa:

“Terangilah hati kami, kurniakanlah kami mata yang melihat dan telinga yang mendengar.”⁵

“Ya Tuhan! Kurniakanlah anugerah-Mu yang tak terhad, dan biarlah cahaya bimbingan-Mu bersinar.”⁶

“Bukalah pintu pengertian sebenar dan biarlah cahaya keimanan bersinar dengan gilang-gemilang.”⁷

“Ya Tuhan! Terangilah mata kami agar kami dapat melihat cahaya-Mu.”⁸

“Kepada Engkaulah aku berpaling sepenuhnya, merayu dengan bersungguh-sungguh kepada-Mu dengan seluruh hatiku, minda dan lidahku, untuk melindungiku daripada semua yang menentang kehendak-Mu dalam ini, kitaran kesatuan ilahi-Mu...”⁹

BAHAGIAN 6

Hati Alejandra dipenuhi keriangan selepas lawatannya ke keluarga Sanchez dan perbualannya dengan mereka pada tema Waadat abadi. “Lawatan yang seterusnya,” dia berfikir, “adalah peluang baik bagi mereka mendalami pengetahuan mereka tentang kehidupan Bahá’u’lláh.” Yang berikut adalah penyampaian yang mana dia akan memetik:

Bahá’u’lláh lahir pada 12 November 1817 di Tíhrán, ibu kota negara Parsi. Dari zaman kanak-kanak lagi Baginda menunjukkan sifat yang luar biasa, dan ibu bapa-Nya yakin bahawa Baginda ditakdirkan bagi keunggulan. Ayahanda Bahá’u’lláh, seorang menteri yang terkenal di istana raja, memiliki cinta yang amat mendalam untuk Anaknya. Satu malam beliau bermimpi bahawa Bahá’u’lláh sedang berenang dalam samudera yang tak terbatas, dengan tubuh Baginda bersinar lalu menerangi lautan yang luas itu. Di sekeliling kepala-Nya rambut Baginda yang kelihatan panjang dan hitam pekat, sedang terapung-apung ke semua arah. Sekumpulan besar ikan telah mengerumuni-Nya, setiap satu berpaut pada sehelai rambut Baginda. Walaupun bilangan ikan itu amat banyak, namun tidak sehelai rambut pun terpisah daripada kepala Bahá’u’lláh. Bebas dan tak terhalang, Baginda bergerak dan semua ikan mengiringi-Nya. Ayahanda Bahá’u’lláh telah bertanya seorang yang terkenal bagi kearifannya untuk menjelaskan mimpi tersebut. Beliau diberitahu bahawa samudera yang tak terbatas itu ialah dunia kewujudan. Keseorangan dan tanpa bantuan, Bahá’u’lláh akan mencapai kedaulatan ke atasnya. Bilangan banyak ikan itu menandakan kekacauan yang akan Baginda bangkitkan dalam kalangan orang-orang di dunia. Baginda akan sentiasa mendapat perlindungan yang tak terkalahkan daripada Yang Maha Berkuasa; kekacauan ini tidak akan mengancam-Nya.

Apabila Bahá’u’lláh berusia tiga belas atau empat belas tahun, Baginda sudah menjadi amat terkenal di istana raja kerana kearifan dan pelajaran-Nya. Baginda berumur dua puluh dua tahun apabila Ayahanda Baginda meninggal dunia dan kerajaan telah menawarkan kedudukan yang sama tinggi kepada-Nya. Tetapi Bahá’u’lláh tidak berminat untuk menghabiskan masa-Nya dalam pengurusan hal-

hal duniawi. Baginda meninggalkan istana dan menteri-menterinya untuk mengikuti jalan yang telah ditetapkan bagi-Nya oleh Tuhan. Baginda mendedikasikan masa-Nya untuk membantu mereka yang ditindas, yang sakit, dan yang miskin, dan tidak lama kemudian Baginda telah menjadi terkenal sebagai seorang pejuang keadilan.

Pada umur dua puluh tujuh, Bahá'u'lláh, melalui seorang pengutus yang istimewa, telah menerima beberapa Tulisan Báb Yang mengumumkan terbitnya hari Baharu, Hari ketika seorang Manifestasi Tuhan akan membawa kedamaian, kesatuan dan keadilan ke dunia yang sudah lama dinanti-nantikan oleh umat manusia. Bahá'u'lláh menerima Utusan Báb dengan serta-merta dan menjadi pengikut-Nya yang paling bersemangat. Malangnya, mereka yang memerintah orang-orang Parsi, dibutakan oleh hasrat mementingkan diri mereka sendiri, bersungguh untuk menyeksa pengikut-pengikut Báb dengan amat kejam. Bahá'u'lláh, meskipun terkenal bagi kemuliaan-Nya, tidak juga dikecualikan. Seketika selepas lapan tahun selepas Pengumuman Báb, dan dua tahun selepas Báb Sendiri dimatsiyahidkan, Baginda telah dikurung dalam penjara bawah tanah gelap yang disebut Lubang Hitam. Rantai-rantai yang diikat di sekeliling leher Baginda amat berat sehingga Baginda tidak dapat mendonggakkan kepala-Nya. Di sini Bahá'u'lláh telah menghabiskan empat bulan penyeksaan teruk yang amat dahsyat. Namun demikian dalam penjara bawah tanah inilah Roh Tuhan memenuhi roh Baginda dan mewahyukan kepada-Nya bahawa Baginda ialah Dia Yang Dijanjikan pada semua zaman. Dari penjara yang gelap ini, Suria Bahá'u'lláh terbit dan menyinari seluruh ciptaan.

Selepas empat bulan di dalam Lubang Hitam itu, segala harta benda Bahá'u'lláh telah dirampas dan Baginda bersama-sama keluarga-Nya telah dibuang negeri. Dalam kesejukan musim salji yang dahsyat, mereka berjalan sepanjang pergunungan barat negeri Parsi ke Baghdad, yang pada ketika itu adalah satu kota di Empayar Ottoman dan sekarang ialah ibu kota negara Iraq. Tiada kata yang dapat menggambarkan penderitaan mereka dan mereka berjalan beratus-ratus kilometer atas salji dan tanah yang diliputi ais di sepanjang perjalanan mereka ke kota yang dipenuhi takdir itu.

Kemasyhuran Bahá'u'lláh tak lama kemudian merebak ke seluruh kota Baghdad dan kota-kota lain di wilayah tersebut, dan semakin ramai orang mengunjungi pintu Banduan yang dibuang negeri ini untuk menerima rahmat-Nya. Tetapi ada beberapa orang daripada mereka menjadi amat cemburu dengan kemasyhuran Baginda. Antara mereka ialah adik tiri-Nya, Mirza Yahya, yang sedang hidup di bawah asuhan kasih sayang-Nya. Komplot Mirza Yahya telah menimbulkan perpecahan dalam kalangan pengikut Báb dan ini amat menyedihkan Bahá'u'lláh. Suatu malam, tanpa memberitahu sesiapa pun, Baginda meninggalkan rumah-Nya dan berangkat ke pergunungan Kurdistan. Di situ Bahá'u'lláh telah hidup bersendirian, khusyuk dalam doa dan meditasi. Baginda tinggal di sebuah gua yang kecil dan hidup memakan "makanan yang paling sederhana". Tiada sesiapa pun yang mengenal asal usul Baginda dan tiada yang mengenal nama-Nya. Akan tetapi, lama kelamaan penduduk di kawasan tersebut mula bercakap tentang "Dia Yang Tiada Nama", seorang Wali mulia yang memiliki ilmu yang dianugerahkan

kepada-Nya oleh Tuhan. Apabila berita tentang Insan Kudus ini sampai kepada pengetahuan Anak sulung Bahá'u'lláh, iaitu 'Abdu'l-Bahá, Beliau dengan serta-merta mengenal tanda-tanda Ayahanda Yang dikasihi-Nya. Beberapa surat dihantar melalui seorang pengutus istimewa memohon Bahá'u'lláh supaya pulang ke Baghdad. Baginda menerima rayuan ini, lalu menamatkan perpisahan pendek yang menyakitkan itu yang berlangsung selama dua tahun.

Semasa ketiadaan Bahá'u'lláh, suasana komuniti Bábí telah merosot dengan pantas. Dalam tujuh tahun Baginda tinggal di Baghdad selepas kepulangannya dari pergunungan, Bahá'u'lláh menampilkan semangat baharu dalam kalangan pengikut Báb yang terseksa dan yang keliru itu. Walaupun Baginda belum lagi mengumumkan Kedudukan-Nya yang mulia, namun kuasa dan kearifan kata-kata-Nya telah bermula memperoleh kesetiaan bilangan yang semakin ramai dalam kalangan pengikut Báb serta kekaguman orang ramai dari setiap lapisan masyarakat. Tetapi ulama Muslim yang fanatik tidak tahan melihat pengaruh kuat Bahá'u'lláh ke atas bilangan insan yang begitu ramai. Mereka mengadu dan terus mengadu kepada pihak berkuasa sehingga kerajaan negara Parsi telah bersekutu dengan beberapa pegawai Empayar Ottoman untuk mengusir Bahá'u'lláh lebih jauh dari tanah lahir-Nya, kali ini ke kota Istanbul.

Bulan April 1863 merupakan bulan yang amat menyedihkan bagi penduduk Baghdad. Dia Yang dicintai oleh mereka, akan meninggalkan kota mereka, menuju tempat yang dianggap oleh mereka sebagai destinasi yang tidak diketahui. Beberapa hari sebelum keberangkatan Baginda, Bahá'u'lláh berpindah ke suatu taman di kawasan luar kota tersebut, lalu mendirikan khemah-Nya dan selama dua belas hari menerima kunjungan aliran pelawat yang datang untuk mengucapkan selamat tinggal. Pengikut-pengikut Báb tiba di taman ini dengan hati yang sedih; sebilangan mereka akan menemani Bahá'u'lláh dalam peringkat pembuangan-Nya yang selanjutnya, tetapi kebanyakan mereka terpaksa tinggal di situ dan akan dinafikan hubungan rapat dengan Baginda. Tetapi Tuhan tidak ingin peristiwa ini menjadi sesuatu yang menyedihkan. Pintu rahmat-Nya yang tak terhad telah dibuka luas, dan Bahá'u'lláh telah mengumumkan kepada mereka yang berada di sisi-Nya bahawa Baginda ialah Dia yang telah diramalkan oleh Báb--Dia Yang Tuhan akan menjelaskan. Kesedihan bertukar kepada keriangan yang tak terhingga; hati digembirakan dan roh dihidupkan dengan api cinta pada-Nya. Dua belas hari pada bulan April itu akan dirayakan di merata tempat sebagai Perayaan Ridvan, iaitu ulang tahun pengumuman Bahá'u'lláh tentang Utusannya yang mencakupi seluruh dunia.

Istanbul ialah ibu kota Empayar Ottoman. Di sini juga, hanya dalam empat bulan, kearifan mulia serta daya menawan Bahá'u'lláh telah memikat semakin ramai orang. "Dia tidak harus tinggal di Istanbul lagi," bisik ulama Muslim fanatik yang telah meyakinkan pihak berkuasa untuk membuang negeri Baginda ke pekan Adrianople. Di Adrianople, Bahá'u'lláh telah menulis Loh-Loh kepada raja-raja dan pemerintah-pemerintah dunia menyeru mereka supaya meninggalkan cara

penindasan dan mendedikasikan diri mereka kepada kesejahteraan rakyat mereka. Kemudian, musuh-musuh Baginda memikirkan hukuman yang paling kejam. Baginda dan keluarga-Nya akan dibuang negeri ke Akka, yang pada masa itu merupakan koloni hukuman yang paling dahsyat di keseluruhan empayar tersebut. “Tentunya Baginda akan musnah dalam keadaan teruk di kota penjara tersebut,” fikir orang-orang yang berfikiran sempit yang menganggap bahawa mereka dapat menghalang rancangan yang digerakkan oleh Tuhan Sendiri.

Kesukaran yang dideritai oleh Bahá'u'lláh di Akka amat banyak untuk diceritakan. Baginda kekurangan segala jenis keselesaan dan dikelilingi oleh musuh-musuh sepanjang siang dan malam. Tetapi keadaan pemenjaraan telah berubah lama kelamaan. Penghuni-penghuni kota Akka serta kerajaannya mula menjadi yakin akan kemurnian kumpulan kecil orang-orang Bahá'í yang telah dibuang negeri ke kota mereka. Sekali lagi, orang ramai telah tertarik kepada kearifan dan kasih sayang Insan yang luar biasa ini, walaupun sebilangan besar tidak memahami kedudukan tinggi-Nya. Selepas kira-kira sembilan tahun, pintu kota penjara itu dibuka kepada Bahá'u'lláh dan para pengikut-Nya. Anak kesayangan-Nya ‘Abdu'l-Bahá telah mendapat satu tempat yang indah bagi Ayahanda-Nya untuk tinggal di luar dinding kota tersebut, dan kemudian ia memungkinkan ‘Abdu'l-Bahá menyewa satu rumah di luar bandar di mana Bahá'u'lláh dapat meluangkan baki tiga belas tahun hidup-Nya dalam keselesaan dan ketenangan. Kita kini mengenali rumah ini sebagai Mahligai Bahji, dan di situ Baginda meninggal dunia pada bulan Mei 1892 semasa kemuncak keagungan dan kemuliaan-Nya.

Bahá'u'lláh telah menaikkan panji-panji keamanan dan persaudaraan sejagat dan telah mewahyukan Kalimat-Kalimat Tuhan. Walaupun musuh-musuh Baginda bersekutu menentang-Nya, Baginda memenangi mereka seperti yang Tuhan telah janjikan kepada-Nya apabila Baginda dibelenggu rantai di penjara bawah tanah di Tíhran. Semasa hidup-Nya sendiri, Utusan-Nya telah menghidupkan hati beribu-ribu orang. Dan hari ini, Ajaran-ajaran-Nya terus tersebar ke seluruh dunia. Tiada apa yang dapat menghalang-Nya daripada mencapai tujuan muktamad-Nya, iaitu untuk menyatukan umat manusia dalam satu Kerpacayaan yang universal, dalam satu Akidah yang sama.

Cerita di atas tentang kehidupan Bahá'u'lláh adalah agak panjang. Sebelum meneruskan latihan yang berikut, anda harus membaca cerita ini perenggan demi perenggan dalam kumpulan anda dan menanya satu sama lain soalan sehingga anda mempelajari kandungannya dengan baik dan dapat menyampaikannya dengan senang. Peta yang berikut akan membantu anda untuk mengingati jalan pembuangan negeri Bahá'u'lláh dan dalam mengingati peristiwa-peristiwa yang berlaku di sepanjang jalan.



1. Anda mungkin mendapatinya bermanfaat untuk menuliskan di ruang berikut, berdasarkan cerita di atas, urutan peristiwa-peristiwa utama yang dikaitkan dengan kehidupan Bahá'u'lláh.

2. Dalam satu perbincangan sekitar tema kehidupan Bahá'u'lláh, terdapat sebilangan konsep yang perlu digariskan, selain urutan peristiwa. Satu perkara yang amat penting adalah renungan pada penderitaan yang dilalui Baginda demi cinta-Nya kepada umat manusia, serta pada kemenangan luar biasa yang dicapai oleh Akidah-Nya semasa menghadapi penindasan. Biarlah kata-kata berikut terukir di minda dan hati kita:

“Sang Keindahan Purba telah rela untuk diikat dengan rantai-rantai agar umat manusia dilepaskan daripada belenggunya, dan sanggup dijadikan seorang tawanan dalam Kubu yang maha berkuasa ini agar seluruh dunia akan mencapai kebebasan yang sejati. Baginda telah meminum cawan penderitaan sehingga hampasnya, agar umat di bumi, dapat mencapai keriangan kekal abadi, dan dipenuhi dengan kegembiraan. Ini adalah daripada rahmat Tuhanmu, Yang Rahmat, Yang Maha Rahim. Kami rela untuk dihina, Wahai pengikut dalam Keesaan Tuhan, agar engkau dimuliakan, dan telah menderitai kesusahan yang berlipat ganda, agar engkau dapat makmur dan maju. Dia Yang datang untuk mendirikan semula seluruh dunia, lihatlah, bagaimana mereka yang bersekutu dengan Tuhan telah memaksa-Nya tinggal dalam kota yang paling terpencil!”¹⁰

3. Apabila kita bercakap tentang penderitaan Bahá'u'lláh, kita harus berhati-hati tidak menyampaikan Diri-Nya sebagai mangsa di tangan musuh-musuh-Nya. Baginda rela diikat dengan rantai agar dapat membebaskan umat manusia. Kisah hidup Baginda, walaupun dipenuhi cerita penderitaan yang teruk, adalah secara intinya satu kemenangan. Dengan bantuan tutor kumpulan anda, bolehkah anda menyediakan satu ceramah pendek tentang penderitaan dan kemenangan Bahá'u'lláh berdasarkan pengetahuan terkini anda tentang hidup-Nya? Soalan-soalan di bawah mungkin dapat membantu anda.

- a. Mengapakah Bahá'u'lláh rela diikat dengan rantai?

- b. Mengapakah Bahá'u'lláh rela untuk dijadikan tawanan?

- c. Mengapakah Bahá'u'lláh meminum dari cawan penderitaan? _____

- d. Mengapakah Bahá'u'lláh rela untuk dihina? _____

- e. Mengapakah Bahá'u'lláh menderitai begitu banyak kesusahan? _____

- f. Adakah Bahá'u'lláh rela menderita kerana Baginda tidak berdaya untuk melakukan sebaliknya? _____

- g. Jika Bahá'u'lláh tidak lemah di hadapan musuh-musuh-Nya, jadi mengapakah Baginda rela menderita? _____

BAHAGIAN 7

Lawatan kedua Alejandra ke rumah Sanchez adalah seriang lawatan pertama. Encik dan Puan Sanchez sudah agak biasa dengan cerita kehidupan Bahá'u'lláh, tetapi mereka gembira mengkaji lebih daripada penyampaian Alejandra dan jelasnya tersentuh oleh cerita penderitaan-Nya. "Nampaknya," Puan Sanchez merenung seketika, "Manifestasi Tuhan sentiasa menderita di tangan mereka yang mendahagakan kepemimpinan dan kuasa dunia." Alejandra membuat keputusan yang ia adalah sesuai untuk berkongsi petikan yang dia telah hafal--yang mana anda, juga, sudah tahu daripada kajian bahagian yang lalu--yang mana Bahá'u'lláh menceritakan penderitaan yang Baginda lalui demi umat manusia, agar kita dapat dibebaskan daripada penindasan dan mencapai kegembiraan abadi. Ketiga-tiga rakan ini berasa terangsang oleh perbincangan pada hari itu.

Dalam merancang lawatannya yang seterusnya, Alejandra dengan segera menyimpulkan bahawa kedudukan 'Abdu'l-Bahá akan menjadi tema yang semula jadi bagi perbincangan. Ini adalah isi-isi yang dia akan masukkan:

Anak sulung Bahá'u'lláh, 'Abdu'l-Bahá adalah tokoh yang paling unik dalam sejarah manusia, dan kita tidak dapat mencari insan seperti-Nya dalam agama-agama lalu. Beliau mengenali kedudukan ilahi Ayahanda-Nya pada waktu kanak-kanak lagi dan bersama-sama Baginda dalam pembuangan negeri dan penderitaan-Nya. Bahá'u'lláh telah meletakkan komuniti Bahá'í di bawah jaga dan perlindungan 'Abdu'l-Bahá setelah kewafatan Baginda. Kita tidak akan pernah menyedari sepenuhnya rahmat yang banyak Bahá'u'lláh telah kurniakan pada umat manusia dengan memberikan kita bukan sahaja Wahyu-Nya yang paling suci tetapi juga Anak-Nya, yang melalui pengetahuan dan kearifan-Nya, Baginda berkata, dunia akan dibimbing dan diterangi.

Apabila kita mengkaji kehidupan dan ujaran ‘Abdu’l-Bahá, kita memperoleh pengertian tentang kedudukan unik yang Beliau penuhi dalam Dispensasi ini. Tiga aspek kedudukan ini adalah penting untuk kita ingati.

Pertama, ‘Abdu’l-Bahá ialah Pusat Waadat Bahá’u’lláh. Bahá’u’lláh telah menetapkan waadat dengan pengikut-Nya menyeru mereka untuk mengarahkan hati mereka ke arah pusat itu dan memberikan kesetiaan yang mutlak kepadanya. Dalam Wasiat dan Testamen-Nya, ‘Abdu’l-Bahá menamakan Shoghi Effendi, Wali Akidah, sebagai pusat yang mana semua harus berpaling setelah kemangkatan-Nya. Hari ini, pusatnya adalah Balai Keadilan Sedunia, yang telah ditubuhkan berdasarkan perintah jelas Bahá’u’lláh dan arahan jelas yang diberikan oleh ‘Abdu’l-Bahá dan Wali. Kuasa Waadat ini menyatukan komuniti Bahá’í dan melindunginya daripada perpecahan dan disintegrasi.

Keduanya, ‘Abdu’l-Bahá ialah Pentafsir Kalimat Bahá’u’lláh yang tak boleh silap. Begitu luas Wahyu Bahá’u’lláh, begitu dalamnya makna yang tersembunyi dalam setiap ujaran-Nya, sehingga Baginda menganggap penting untuk meninggalkan kepada kita seorang pentafsir, Dia Yang Baginda Sendiri akan mengilhamkan. Oleh itu, bagi generasi-generasi yang akan datang, umat manusia akan dapat memahami Ajaran-Ajaran Bahá’u’lláh dengan mengkaji tafsiran ‘Abdu’l-Bahá melalui sebilangan Loh-Nya dan catatan ucapan Beliau yang sah. Wali ialah Pentafsir Ajaran-Ajaran Bahá’u’lláh selepas ‘Abdu’l-Bahá; kerana dengannya usaha-usaha pentafsiran telah selesai, dan tidak ada orang lain yang mempunyai kuasa untuk mentafsir Kalimat-Kalimat Bahá’u’lláh sepanjang baki tempoh Dispensasi-Nya.

Pada zaman dahulu, setiap agama dilanda perpecahan kerana tafsiran yang berbeza dalam petikan-petikan dalam Kitab-Kitab Suci mereka. Tetapi dalam Dispensasi ini, apabila terdapat kemosykilan tentang makna sesuatu kenyataan Bahá’u’lláh, setiap orang merujuk kepada tafsiran ‘Abdu’l-Bahá dan Wali. Sekiranya ketidakpastian masih wujud, seseorang boleh merujuk kepada Balai Keadilan Sedunia untuk mendapat penjelasan. Dengan demikian, tidak terdapat ruang untuk konflik berkenaan dengan makna dalam ajaran-ajaran, dan kesatuan Akidah dilindungi.

Ketiga, ‘Abdu’l-Bahá ialah Teladan yang sempurna bagi ajaran-ajaran Ayahanda-Nya. Walaupun kita tidak akan dapat berharap untuk mencapai kesempurnaan yang begitu tinggi, namun kita harus sentiasa menjadikan Beliau sebagai pedoman kita dan berusaha untuk mengikut teladan Beliau. Apabila kita membaca Tulisan-tulisan tentang kasih sayang, kita boleh merujuk kepada ‘Abdu’l-Bahá, dan kita akan melihat inti kasih sayang dan kebaikan hati dalam-Nya. Apabila anda membaca tentang kesucian, keadilan, ketulusan, keriangan, dan kemurahan hati, kita boleh berpaling kepada-Nya dan merenung pada kehidupan-Nya, dan kita akan melihat bagaimana Beliau menjelmakan sifat-sifat ini dengan kesempurnaan tertinggi.

Lambang kehidupan ‘Abdu’l-Bahá, tentunya ialah pengabdian-Nya. Nama ‘Abdu’l-Bahá’ bermakna “hamba kepada Bahá”, dan gelaran inilah yang Beliau lebih suka

daripada semua gelaran yang orang lain ingin menggelar-Nya. Kata-kata ‘Abdu’l-Bahá yang berikut ialah luahan hasrat-Nya yang berkobar untuk berkhidmat:

“Nama-Ku adalah ‘Abdu’l-Bahá. Kelayakan-Ku adalah ‘Abdu’l-Bahá. Hakikat-Ku adalah ‘Abdu’l-Bahá. Pujian-Ku adalah ‘Abdu’l-Bahá. Pengabdian pada Kesempurnaan Dirahmati adalah mahkota teragung dan cemerlang-Ku, dan pengabdian kepada semua bangsa manusia agama abadi-Ku... Tiada nama, tiada gelaran, tiada sebutan, tiada puji Daku miliki, mahupun akan miliki, melainkan ‘Abdu’l-Bahá. Inilah keinginan-Ku. Inilah kerinduan-Ku yang maha besar. Inilah kehidupan abadi-Ku. Inilah kemuliaan-Ku yang kekal.”¹¹

Jelasnya apa yang Alejandra merancang untuk kongsikan dengan pasangan Sanchez dalam lawatannya yang seterusnya adalah tidak lain daripada memperkenalkan tokoh yang paling unik ini; penghargaan mereka pada kedudukan ‘Abdu’l-Bahá dalam Dispensasi ini akan terus berkembang pada tahun-tahun ke hadapan. Dalam kehidupan anda sendiri, apabila anda menjalani jalan khidmat, anda akan mempunyai banyak peluang untuk mengingati teladan-Nya dan merenung pada kata-kata-Nya. Dalam unit yang sebelum ini, anda sudah membiasakan diri dengan beberapa daripada ujaran-Nya, dan anda digalakkan untuk mempelajari cara menyampaikannya dalam cara Beliau mengutarakan idea-idea dalam loh-loh dan ceramah awam-Nya. Untuk sekarang, bagi mengukuhkan pemahaman semasa anda tentang kedudukan Beliau, anda harus bermusyawarah dengan ahli lain kumpulan anda tentang isi-isi utama yang dinyatakan di atas dan berlatih untuk menyampaikannya dengan baik. Renungan pada petikan yang dipetik akan mengilhamkan anda dalam usaha anda untuk maju dalam jalan khidmat ini.

BAHAGIAN 8

Satu soalan yang muncul dalam minda Alejandra sejak dia memulakan lawatan-lawatannya ke keluarga Sanchez adalah apakah tema perbincangan yang akan membantu mereka menjadi protagonis yang yakin dan aktif dalam proses pembangunan-komuniti di kejiranannya itu. Pada satu segi, terdapat tema-tema seperti doa, keabadian roh, dan keteguhan dalam cinta kepada Tuhan yang dia berharap untuk berbincang dengan mereka, kerana asas-asas kehidupan rohani mereka harus terus diperkujuh. Pada segi yang lain, adalah penting bagi mereka memperoleh visi bagi jenis komuniti yang sedang diperkembang secara beransur-ansur dan mengetahui bahawa mereka boleh memberikan sumbangan yang bernilai kepada pencapaianannya. Semasa perbualan dengan Encik dan Puan Sanchez tentang kedudukan ‘Abdu’l-Bahá, Alejandra perlahan-lahan menyedari apakah tema bagi lawatannya yang seterusnya. “Mereka amat jelas tentang tujuan Akidah untuk menyatukan manusia,” dia berfikir. “Jadi tema yang kami mungkin harus terokai sekarang ialah bagaimana membina dan mengekalkan satu komuniti yang bersatu.”

Alejandra mulakan lawatan keempatnya dengan menggambarkan aktiviti-aktiviti yang sedang dilaksanakan dalam kalangan sekumpulan kecil rakan-rakan dalam

kejiranan. “Apabila keahlian kita meningkat,” dia menerangkan, “tanggungjawab paling mencabar yang harus kita semua pikul adalah untuk menjadi semakin bersatu dalam kata-kata kita, pemikiran kita, dan tindakan kita. Jika anda bersetuju, maka, hari ini kita akan terokai tema kesatuan bersama-sama.”

“Saya dapat melihat betapa penting kesatuan bagi perkembangan komuniti kita,” jawab Puan Sanchez.

“Dan adalah utusan Bahá’u’lláh tentang kesatuan yang mulanya telah menarik hati kami kepada ajaran-ajaran-Nya,” kata Encik Sanchez.

“Saya telah memilih beberapa idea dan menemui satu petikan untuk setiap satu,” kata Alejandra. “Jika anda tidak kisah, kita boleh mengkajinya satu demi satu dan berbincang mengenainya.”

Berikut adalah senarai idea Alejandra:

- Untuk sebuah komuniti benar-benar bersatu, setiap daripada kita harus mengelakkan daripada perselisihan dan perbalahan. Bahá’u’lláh menyatakan:

“Tidak ada apa pun, pada Hari ini, yang dapat membawa kecelakaan yang lebih besar pada Akidah ini melainkan perbalahan dan perselisihan, pertengkaran, kerenggangan dan apati dalam kalangan yang dikasihi Tuhan. Jauhilah daripadanya, dengan kuasa Tuhan dan bantuan tertinggi-Nya, dan berusahalah engkau untuk mengikat bersama hati-hati manusia, demi Nama-Nya, Yang Menyatukan, Yang Maha Tahu, Yang Maha Arif.”¹²

- Kita harus memiliki cinta bagi setiap orang dalam komuniti, satu cinta yang adalah cerminan cinta kita kepada Tuhan. ‘Abdu’l-Bahá berkata:

“Hiduplah dalam kesatuan yang sempurna. Jangan pernah marah pada satu sama lain... Cintailah makhluk demi Tuhan dan bukan kerana diri mereka sendiri. Engkau tidak langsung akan menjadi marah atau tidak sabar jika anda mencintai mereka demi Tuhan. Umat manusia tidak sempurna. Terdapat ketidaksempurnaan dalam setiap insan, dan engkau akan selalu akan berasa dukacita jika engkau pandang kepada diri mereka sahaja. Tetapi jika engkau berpaling pada Tuhan, engkau akan mencintai mereka dan berbaik hati dengan mereka, kerana alam Tuhan ialah alam kesempurnaan dan belas kasihan yang sempurna.”¹³

- Jikalau, dengan semua cinta yang kita rasai bagi satu sama lain, ketegangan wujud dalam kalangan kita, kita harus segera mengingati nasihat ‘Abdu’l-Bahá:

“Saya menugaskan engkau setiap orang agar menumpukan segala fikiran hatimu pada cinta dan kesatuan. Apabila fikiran perang muncul, tentangnya dengan

fikiran keamanan yang lebih kuat. Fikiran benci mesti dihapuskan dengan fikiran cinta yang lebih perkasa. Fikiran perang membawa kemasuhan kepada segala keharmonian, kesejahteraan, ketenangan dan kepuasan.

“Fikiran kasih sayang membina persaudaraan, kedamaian, persahabatan, dan kegembiraan.”¹⁴

- Dan jikalau, setelah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengawalnya, kita melihat perasaan kita mengatasi diri kita dan mendapati diri kita dalam konflik dengan orang lain, kita harus mengingatkan diri kita pada kata-kata Bahá'u'lláh ini:

“Jika sebarang perbezaan muncul dalam kalanganmu, lihatlah Diriku berdiri di hadapan wajahmu, dan lupakanlah kesalahan antara satu sama lain demi nama-Ku dan sebagai tanda cintamu kepada Akidah-Ku yang nyata dan cemerlang.”¹⁵

- Disiplin rohani untuk tidak memandang pada kesalahan orang lain, dengan menumpukan pada sifat-sifat terpuji mereka dan mengelak sepenuhnya daripada mengumpat adalah langkah yang paling berkesan untuk melawan ketidaksatuan. Mengatasi kecenderungan untuk mengumpat adalah lebih senang apabila kita mencintai satu sama lain. Kita harus ingat bahawa kita cenderung untuk tidak melihat kesalahan mereka yang kita kasih dan tidak mempunyai kesukaran untuk memandang mereka dengan mata yang menutupi dosa. ‘Abdu’l-Bahá berkata:

“Mata yang tidak sempurna melihat ketidaksempurnaan. Mata yang menutup kesalahan melihat pada Pencipta semua roh. Dia mencipta mereka, melatih dan membekalkan mereka, mengurniakan mereka keupayaan dan kehidupan, penglihatan dan pendengaran; justeru, mereka ialah tanda-tanda kebesaran-Nya. Engkau harus mencintai dan berbaik hati pada setiap orang, menjaga yang miskin, melindungi yang lemah, menyembuhkan yang sakit, mengajar dan mendidik yang jahil.”¹⁶

Bahá'u'lláh menasihati kita:

“Wahai Teman Takhta-Ku! Janganlah mendengar hal-hal jahat, dan janganlah melihat kejahatan, janganlah mengaibkan dirimu sendiri, jangan pula mengeluh dan meratap. Janganlah berbicara hal-hal yang buruk, agar engkau tidak mendengar hal itu dikatakan kepadamu, dan janganlah memperbesar-besarkan kesalahan-kesalahan orang lain agar kesalahanmu sendiri tidak kelihatan besar. Janganlah menginginkan kehinaan sesiapa, agar kehinaan dirimu sendiri tidak didedahkan. Maka jalanilah hari-hari kehidupanmu, yang kurang daripada sesaat yang sepantas lalu, dengan mindamu yang bersih, hatimu tak ternoda, pemikiranmu murni, dan perwatakanmu suci, agar, bebas dan berpuas hati, engkau dapat meninggalkan jasad fana ini, dan

kembali ke syurga yang ghaib serta tinggal di dalam kerajaan abadi untuk selama-lamanya.”¹⁷

Dan Baginda memberitahu kita:

“Wahai Para Perantau! Lidah telah Aku ciptakan untuk menyebut nama-Ku, janganlah mengotorinya dengan kritikan. Jika api keakuan mengawal dirimu, ingatlah kesalahanmu sendiri dan bukannya kesalahan makhluk-makhluk-Ku, kerana setiap orang mengenali dirinya sendiri lebih daripada dia mengenali orang lain.”¹⁸

- Kesatuan bukanlah sekadar ketiadaan perselisihan dan pertengkaran, dan cinta tidak harus diluahkan melalui kata-kata sahaja. Kita hanya boleh menuntut bahawa kesatuan sebenar wujud antara kita jika cinta kepada satu sama lain diterjemahkan dalam khidmat kepada komuniti dan jika aktiviti-aktiviti kita diuruskan dengan satu semangat kerjasama dan bantuan sesama sendiri. ‘Abdu’l-Bahá menyeru kita:

“Janganlah beristirahat, walau sesaat, dan janganlah mencari keselesaan, walau seketika; sebaliknya berusaha dengan hati dan jiwa agar engkau dapat menyumbangkan khidmat yang penuh bakti kepada setidak-tidaknya seorang dalam kalangan rakan-rakan serta membawa kegembiraan dan keriangan kepada setidak-tidaknya satu kalbu yang bersinar. Ini adalah rahmat yang sebenar, dan melaluinya kening ‘Abdu’l-Bahá diterangi. Jadilah engkau temanku dan berhubunglah dengannya.”¹⁹

Dan Beliau menyatakan:

“Keperluan tertinggi umat manusia ialah kerjasama dan saling menyokong. Lebih kukuh ikatan persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan manusia, maka akan lebih hebatlah kuasa pembangunan dan pencapaian dalam semua bidang aktiviti manusia.”²⁰

- Kunci yang paling penting bagi tindakan komuniti yang berjaya adalah musyawarah yang terus terang dan penuh kasih sayang dalam semua perkara. Melalui musyawarah, pelbagai cara yang kita gunakan untuk melihat pada sesuatu isu akan bergabung bersama, dan kita menemui hala tuju yang kita harus ikuti dalam tindakan kolektif kita. Melalui musyawarah, kita mencapai kesatuan fikiran, dan dengan fikiran dan pandangan kita yang bersatu, kita merencanakan rancangan-rancangan yang berkesan untuk kemajuan komuniti-komuniti kita. ‘Abdu’l-Bahá berkata bahawa mereka yang bermusyawarah:

“Syarat utama bagi mereka yang berbicara bersama adalah kemurnian niat, kecemerlangan roh, ketakterikatan daripada semua kecuali Tuhan, tarikan kepada Keharuman Ilahi-Nya, kerendahan hati dan rendah diri dalam kalangan yang dikasihi-Nya, kesabaran dan penderitaan-panjang dalam

kesukaran-kesukaran dan pengabdian kepada Ambang terluhur-Nya. Jikalau mereka dibantu dengan penuh rahmat untuk memperoleh sifat-sifat ini, kemenangan daripada Kerajaan Bahá yang ghaib akan dianugerahkan kepada mereka.”²¹

- Kesatuan fikiran tidak tertunai jika ia tidak diterjemahkan dalam kesatuan tindakan. Bertindak dalam kesatuan tidak bermaksud bahawa kita semua melakukan hal yang sama. Sebaliknya, dalam tindakan bersatu bakat yang berbagai-bagai dalam kalangan ahli sebuah komuniti akan digunakan sepenuhnya. Kuasa kita akan berganda, malah apabila bilangan kita masih sedikit, kita dapat mencapai apa yang kebanyakan organisasi besar dan berkuasa di dunia tidak berupaya untuk mencapai. ‘Abdu’l-Bahá berkata:

“Bila mana roh-roh suci, yang menarik kuasa-kuasa syurga, akan bangkit dengan sifat-sifat roh yang sebegitu, dan berarak serentak, baris demi baris, setiap satu roh tersebut bagaikan satu ribu, dan ombak bergelora dari lautan yang luas itu akan bagaikan batalion daripada Angkatan tertinggi.”²²

Setelah anda membaca dengan teliti dan bincangkan kandungan isi demi isi dengan peserta dalam kumpulan anda, anda akan membantu satu sama lain untuk berlatih penyampaian tema seperti yang anda telah lakukan dalam tiga tema sebelum ini. Anda akan mendapati latihan yang berikut akan membantu usaha anda.

1. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut:
 - a. Tidak ada apa pun, pada Hari ini, yang dapat membawa kecelakaan yang lebih besar pada Akidah ini melainkan _____ dan perselisihan, pertengkar, kerenggangan dan apati dalam kalangan yang dikasihi Tuhan.
 - b. Tidak ada apa pun, pada Hari ini, yang dapat membawa kecelakaan yang lebih besar pada Akidah ini melainkan perbalahan dan _____, pertengkar, kerenggangan dan apati dalam kalangan yang dikasihi Tuhan.
 - c. _____, pada Hari ini, yang dapat membawa kecelakaan yang lebih besar pada Akidah ini melainkan perbalahan dan perselisihan, pertengkar, kerenggangan dan apati dalam kalangan yang dikasihi Tuhan.
 - d. Tidak ada apa pun, pada Hari ini, yang dapat membawa kecelakaan yang lebih besar pada Akidah ini melainkan perbalahan dan perselisihan, pertengkar, kerenggangan dan _____ dalam kalangan yang dikasihi Tuhan.

- e. Tidak ada apa pun, pada Hari ini, yang dapat membawa kecelakaan yang lebih besar pada Akidah ini melainkan perbalahan dan perselisihan, _____, kerenggangan dan apati dalam kalangan yang dikasihi Tuhan.
 - f. Tidak ada apa pun, pada Hari ini, yang dapat membawa kecelakaan yang lebih besar pada Akidah ini melainkan perbalahan dan perselisihan, pertengkaran, _____ dan apati dalam kalangan yang dikasihi Tuhan.
 - g. Tidak ada apa pun, pada Hari ini, yang dapat membawa kecelakaan yang lebih besar pada _____ melainkan perbalahan dan perselisihan, pertengkaran, kerenggangan dan apati dalam kalangan yang dikasihi Tuhan.
2. Dalam petikan yang kedua, ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita:
- a. Kita harus hidup dalam _____ .
 - b. Kita tidak harus pernah _____ pada _____ .
 - c. Kita harus mencintai semua orang demi _____ dan bukan kerana diri mereka sendiri.
 - d. Kita tidak harus langsung _____ atau _____ jika kita mencintai mereka demi _____ .
 - e. Umat manusia tidak _____ .
 - f. Kita akan selalu akan berasa _____ jika kita pandang kepada _____ .
 - g. Tetapi jika kita berpaling pada _____ , kita akan _____ mereka dan _____ dengan mereka.
3. Dalam petikan yang ketiga, ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita:
- a. Kita harus menumpukan segala fikiran hatimu pada _____ dan _____ .

- b. Apabila fikiran perang muncul, kita harus menentangnya dengan _____ .
- c. Fikiran benci boleh dihapuskan dengan _____ .
- d. Fikiran perang membawa kemusnahan kepada segala _____ ,
_____ , _____ dan _____ .
- e. Fikiran kasih sayang membina _____ , _____ ,
_____ , dan _____ .
4. Apakah yang harus anda lakukan jika anda melihat perbezaan antara anda sendiri dan orang lain dalam komuniti? _____

5. Gambarkan disiplin rohani yang membantu anda menyumbang ke arah kesatuan dalam komuniti anda: _____

6. Yang manakah antara berikut menyumbang kepada kesatuan?
 Melihat pada kekurangan orang lain
 Tidak memandang pada kesalahan orang lain
 Memberi komen pada kekurangan orang lain kepada seorang rakan
 Membesar-besarkan atau mengubah suatu cerita untuk menjadikan seseorang itu nampak jahat
 Memikirkan kesalahan orang lain
7. Mengapakah kita mengkritik sesetengah orang apabila mereka melakukan kesilapan, tetapi bukan yang lain apabila mereka melakukan hal yang sama? _____

8. Adakah mungkin untuk mempunyai kesatuan dalam satu situasi yang mana orang sedang mengumpat tentang yang lain? Kenapa tidak? _____

9. Untuk berbohong tentang seseorang adalah jelasnya salah. Tetapi adakah betul untuk membuat pernyataan secara kritikal tentang seseorang kepada orang lain atas sesuatu yang dia betul-betul telah lakukan? _____

10. Apakah perbezaan antara bergosip, mengumpat, dan mengkritik orang lain? _____

11. Apakah kesan pada komuniti jika berlaku gosip, mengumpat, dan kritikan yang kerap? _____

12. Bagaimanakah kita menghapuskan tabiat-tabiat ini daripada hidup kita? _____

13. Apakah yang akan berlaku jika kita hanya bercakap tentang orang lain seolah-olah mereka berada di situ? _____

14. Jika kita mengumpat di depan kanak-kanak, apakah kesan yang akan ada pada mereka? _____

15. Dari manakah datangnya kecenderungan untuk bergosip dan mengumpat? _____

16. Bahá'u'lláh menasihati kita: "Jika api keakuan mengawal dirimu, _____
_____ dan bukannya _____
_____, kerana setiap orang mengenali _____
_____ lebih daripada dia mengenali orang lain."
17. Cinta tidak harus diluahkan melalui kata-kata sahaja. Apakah lagi yang diperlukan?

18. Berkenaan kesatuan dan kasih sayang, 'Abdu'l-Bahá menyeru kita: "Janganlah
_____, walau sesaat, dan janganlah _____,
walau seketika; sebaliknya _____ dengan _____
agar engkau dapat menyumbangkan _____
kepada setidak-tidaknya seorang dalam kalangan rakan-rakan serta _____
_____ kepada setidak-tidaknya satu kalbu
yang bersinar.
19. Dan Beliau terus menyatakan: "Keperluan tertinggi umat manusia ialah
_____ dan _____. Lebih kukuh
ikatan _____ dan _____ dalam kalangan manusia,
maka akan lebih hebatlah kuasa _____ dan _____
dalam semua bidang aktiviti manusia."
20. Apakah kunci yang paling penting bagi tindakan komuniti yang berjaya? _____

21. 'Abdu'l-Bahá berkata bahawa mereka yang bermusyawarah: "Syarat utama bagi
mereka yang berbicara bersama adalah _____,
_____, _____, _____,
_____, _____ dalam kalangan yang
dikasihi-Nya, _____ dan _____ dalam
kesukaran-kesukaran dan _____ kepada Ambang terluhur-
Nya. Jikalau mereka dibantu dengan penuh rahmat untuk memperoleh sifat-sifat

- ini, _____ daripada Kerajaan Bahá yang ghaib akan _____ .”
22. Berkenaan kuasa bekerja dalam kesatuan, ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita: “Bila mana roh-roh suci, yang menarik _____ , akan bangkit dengan _____ yang sebegini, dan berarak _____ , baris demi baris, _____ roh tersebut bagaikan _____ , dan ombak bergelora dari lautan yang luas itu akan bagaikan _____ daripada _____ .”

BAHAGIAN 9

Semasa lawatan keempatnya ke rumah Encik dan Puan Sanchez, Alejandra telah berpeluang untuk berjumpa Beatrice, iaitu cucu kepada pasangan itu yang telah datang menetap di rumah mereka sementara menyambung pelajarannya di sekolah tinggi yang berdekatan. Beatrice amatlah ingin tahu tentang tema kesatuan dan amat bersemangat dalam menyertai perbincangan itu. Apabila perbualan itu hampir selesai, Puan Sanchez membawa minuman kopi dan kek bagi setiap orang. Ini memberikan Alejandra peluang untuk mengenal Beatrice dengan lebih erat lagi, dan dia telah mengatur hari yang seterusnya untuk bercakap tentang usaha pembangunan-komuniti di kejiranannya. “Dia mungkin berminat untuk mengkaji urutan kursus utama,” Alejandra berfikir kepada sendiri. “Saya dapat membantunya mengkaji beberapa buku pertama pada kadar yang tetap. Dia mungkin ingin memulakan kelas kanak-kanak atau membantu saya dalam membentuk kumpulan belia muda di kejiranannya ini. Dengan itu, dia akan perlahan-lahan mengambil tanggungjawab yang lebih dalam kumpulan itu apabila dia maju sehingga Buku 5, yang akan menyediakannya untuk berkhidmat sebagai seorang animator.” Alejandra telah menyertai beberapa perjumpaan belia yang, tertumpu pada beberapa topik perbincangan yang khusus, telah membawa kepada penyertaan ramai dalam proses institut. Dia membuat keputusan untuk mengikuti urutan idea yang sama dalam perbualannya dengan Beatrice pada hari yang seterusnya. Inilah bagaimana perbualan itu bermula:

Kita semua ingin melihat dunia menjadi tempat yang lebih baik. Kita menantikan satu masa depan apabila kedamaian sejagat telah didirikan dan keluarga manusia akan hidup dalam harmoni. Masa depan sebegini bukanlah satu mimpi dan boleh dibina apabila semakin ramai daripada kita mengerahkan usaha untuk berkhidmat kepada komuniti kita. Apa yang diperlukan adalah untuk memperkembangkan keupayaan kita untuk melakukan tindakan khidmat yang tidak mementingkan diri bagi kebaikan bersama.

Kita boleh memikir tentang khidmat kita kepada komuniti dengan membayangkan satu jalan khidmat yang mana kita sedang menjalani bersama. Jalan ini terbuka untuk semua. Kita tidak melangkah di jalan ini bersendirian; kita berkhidmat bahu membahu rakan-rakan kita, belajar bersama dan meneman satu sama lain. Setiap

langkah yang kita ambil akan menjana keriangan dan keyakinan, dan setiap usaha yang kita lakukan akan membawa pengesahan ilahi.

Beatrice menyukai apa yang didengarinya, dan satu perbualan yang menarik dilanjutkan selepas penyampaian yang pendek ini. Sebelum meneruskan, marilah kita berhenti sejenak dan merenung pada sifat interaksi antara dua sahabat baharu ini. Alejandra telah membuat keputusan untuk melakukan perbualan yang bermakna agar dapat menjemput Beatrice untuk menyertai dalam proses institut. Mengapakah ia tidak mencukupi untuk memberitahu Beatrice secara ringkas bahawa satu siri kursus sedang ditawarkan oleh institut dan menjemputnya untuk menyertai?

BAHAGIAN 10

Perbualan antara Alenjadra dan Beatrice diteruskan selama dua jam. Di bawah adalah beberapa idea tambahan yang Alejandra kongsikan kepada sahabat baharunya. Tentunya, kita faham bahawa dia tidak membuat penyampaian panjang yang berterusan. Kebanyakan daripada masa dalam dua jam yang diluangkan adalah perbincangan bersama tentang idea-idea yang digariskan dalam perenggan-perenggan di bawah:

Kita muda, kita mempunyai tenaga, dan kita mempunyai semangat yang tinggi. Orang lain menganggap kita santai saja. Tetapi ia bertentangan; kita mengambil berat pada nasib umat manusia dan ingin melihat perubahan yang sebenar dibawa ke masyarakat. Dan kita harus memikir tentang kehidupan kita--pendidikan, kerja, sahabat, keluarga. Setiap tahun kita menjadi semakin tua, kita mendapati diri kita memikul tanggungjawab yang lebih banyak; ibu bapa kita mengharapkan lebih dari kita. Kadang-kala, apabila saya memikirkan tanggungjawab saya, saya rasa tertekan. Kemudian saya mengingati satu petikan daripada tulisan Bahá'í yang saya telah hafal: "Kehidupan manusia mempunyai musim bunganya dan dikurniai keagungan yang menakjubkan. Zaman belia dicirikan oleh kekuatan dan semangat serta menonjol sebagai masa terpilih dalam kehidupan manusia."

Apa yang saya ingin kongsikan dengan anda adalah bahawa ramai orang muda di sekitar dunia dalam komuniti seperti komuniti kita sedang menyedari bahawa tenaga mereka boleh ditujukan pada satu tujuan berkembar: untuk mengambil peranan dalam pertumbuhan intelek dan rohani dan untuk menyumbang kepada

transformasi masyarakat. Kedua-dua aspek tujuan kita ini saling-terhubung. Apabila kita memperkembangkan kebolehupayaan kita, kita dapat berkhidmat dengan dengan lebih baik. Dan dalam membantu satu sama lain, kita berkembang sebagai individu dan memperkuat sifat-sifat yang kita miliki.

Inilah asalnya idea satu jalan khidmat yang saya sebutkan sebelum ini. Melangkah di jalan itu bukanlah sesuatu yang kita tambahkan kepada hidup kita; ia membawa makna kepada semua yang kita lakukan. Khidmat kepada komuniti membantu kita untuk memahami dengan lebih baik tujuan pendidikan kita, untuk menjelaskan pemikiran tentang masa depan, untuk memperkembangkan sifat-sifat yang kita perlukan untuk menyumbang kepada kesejahteraan keluarga kita. Ia memperkuat persahabatan kita. Ia menahan kita daripada menghabiskan tenaga kita pada pencarian yang remeh.

Dalam memikirkan pertumbuhan rohani dan intelek kita, kita harus sedar pada banyak daya yang mempengaruhi kita. Antaranya, seperti daya-daya pengetahuan, keadilan, dan cinta, menggerakkan kita ke arah yang betul, dan kita harus belajar menyelaraskan diri kita dengan mereka. Yang lain pula, seperti daya materialisme dan keakuan, melakukan sebaliknya, dan kita harus menentangnya. Kita harus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dan mempunyai kepercayaan bahawa usaha kita akan diberkati oleh pengesahan ilahi.

Dan dalam memikirkan sumbangan kita kepada transformasi masyarakat--mentransformasikan satu dunia yang diselubungi keganasan, kemiskinan, dan penderitaan kepada satu dunia yang aman, makmur, dan harmoni--kita harus mempertimbangkan kedua-dua kemajuan kebendaan dan rohani. Kemajuan kebendaan bagi semua manusia tidak akan tercapai jika kita tidak membawa kemajuan rohani juga. Hanya jika kedua-duanya seiring barulah pemberian dunia akan tercapai. Terdapat juga satu petikan yang saya telah hafal: "Tamatun kebendaan adalah seperti sebuah lampu, sementara tamadun rohani adalah cahaya lampu itu. Jika tamadun kebendaan dan rohani menjadi bersatu, lalu kita akan mempunyai cahaya dan lampu itu bersama-sama, dan hasilnya akan menjadi sempurna."

Apabila kita melangkah di jalan khidmat, kita belajar untuk bekerja dengan kumpulan individu, terutamanya kanak-kanak dan belia muda, membantu mereka untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran, dan sifat-sifat rohani. Kita juga belajar memberikan perhatian pada kesatuan komuniti-komuniti kita, Individu, keluarga, dan organisasi yang berharap untuk menyumbang kepada kemajuan satu komuniti haruslah berkolaborasi. Mereka harus membina satu visi dan tujuan bersama dan meninggalkan cara-cara berkonflik.

Dengan itu, adalah penting bahawa sebagai belia kita memperkembangkan tabiat-tabiat interaksi yang harmoni dengan orang lain. Kita harus menjadi sahabat: menemani satu sama lain dalam kerja yang kita lakukan, menerima sumbangan setiap orang, menggalakkan dan menyokong satu sama lain, dan bergembira atas

pencapaian satu sama lain. Dalam menjelaki jalan khidmat, kita harus bertindak, merenung pada tindakan kita, bermusyawarah dan belajar bersama.

Sepanjang beberapa dekad yang lalu, komuniti Bahá'í telah berjaya menubuhkan satu institusi yang khas untuk mempelajari di hampir setiap negara di dunia. Institut-institut ini, gelaran yang kami gunakan, menawarkan kursus-kursus yang memperkuat kebolehupayaan untuk berkhidmat kepada komuniti. Dengan mengkaji kursus-kursus ini, kita memperoleh pengertian rohani dan kemahiran-kemahiran praktikal yang diperlukan untuk mara ke hadapan dalam jalan khidmat bersama. Apabila kita maju ke arahnya, keupayaan kita untuk menjalankan tindakan khidmat yang semakin rumit akan berkembang. Di sepanjang jalan, kita ditemani mereka yang lebih berpengalaman daripada kita, dan tak lama kemudian, kita secara semula jadi akan menemani rakan-rakan yang kurang pengalaman. Sejak permulaannya, kita semua adalah protagonis dalam transformasi peribadi dan sosial, yang mengambil tanggungjawab dengan penuh minat dalam pembelajaran sendiri dan dalam khidmat kepada komuniti.

“Untuk menjadi protagonis” bermaksud mempunyai azam untuk bertindak dengan penuh teliti, untuk tabah dalam usaha kita, dan untuk memperoleh dan mengaplikasikan pengetahuan pada setiap langkah. Seorang protagonis bukan hanya seorang penerima faedah secara pasif tetapi seorang penyumbang yang aktif kepada kemajuan. Untuk menjadi seorang protagonis seseorang harus belajar untuk menggunakan inisiatif yang kreatif dan berdisiplin. Kursus-kursus institut membantu kita meningkatkan keupayaan kita untuk menjadi protagonis dalam proses pembangunan-komuniti.

Kita harus berhenti sejenak untuk merenung pada idea-idea dalam perenggan di atas. Seperti yang disebutkan pada awal bahagian ini, Alejandra tidak akan menyampaikan idea-idea secara terus menerus tetapi akan memastikan bahawa Beatrice mempunyai peluang yang banyak untuk memikirkannya dan menyumbang kepada perbincangan. Apa yang anda ingin pertimbangkan-setelah anda mempunyai peluang untuk membincangkan setiap perenggan dalam kumpulan anda dan belajar meluahkan idea-idea dengan baik secara sendiri-adalah sama ada perbualan telah dilanjutkan sehingga Alejandra berasa yakin dalam berkongsi sepatih dua kata tentang beberapa kursus Institut Ruhi dan dalam menjemput Beatrice untuk menyertai kajian Buku 1. Bolehkah anda menulis di ruangan berikut apa yang anda akan katakan jika anda di tempatnya? Bagaimanakah anda menggambarkan Buku-buku 1 dan 2 dan tindakan khidmat yang diseru olehnya? Satu rujukan ringkas tentang tindakan khidmat dalam buku-buku yang seterusnya-terutamanya mengajar kelas bagi pendidikan rohani kanak-kanak dan membimbing kumpulan belia muda sebagai animator-tidak dinafikan akan membantu Beatrice memperoleh satu visi tentang khidmat yang dia dapat sumbangkan pada masa depan. Tutor kumpulan anda boleh membantu anda dalam menulis beberapa ayat tentang dua tindakan khidmat ini, serupa dengan apa yang Alejandra akan tambahkan semasa menjemput Beatrice ke kajian Buku 1.

BAHAGIAN 11

Dua minggu telah berlalu sebelum Alejandra membuat lawatan seterusnya ke rumah Sanchez. Dalam tempoh itu, Beatrice telah menyertai satu kempen intensif dan menyiapkan dua unit pertama dalam Buku 1. Dia sekarang sedang mengkaji unit ketiga dengan sekumpulan lima orang rakan yang berjumpa dua kali seminggu di kejiranannya. Alejandra berfikir bahawa adalah peluang yang baik baginya berbual dengan keluarga Sanchez tentang tema doa dan meminta Beatrice sama dia dapat membantunya. Anda sendiri sudah mengkaji unit kedua Buku 1, jadi tidak perlu diringkaskan di sini kandungan yang dikongsikan oleh Alejandra dan Beatrice semasa lawatannya. Setelah mengimbas kembali unit itu, anda sudah dapat menggariskan isi-isi penting yang anda akan sampaikan dalam sebuah perbincangan mengenai tema ini. Di bawah adalah ruangan untuk anda menulis idea-idea anda.

BAHAGIAN 12

Lawatan Alejandra ke keluarga Sanchez berterusan dalam beberapa minggu kemudian, dan mereka mempunyai peluang untuk membincangkan beberapa tema yang mengalir secara semulajadi daripada perbualan mereka tentang kepentingan doa-kehidupan roh, perkembangan sifat-sifat rohani, kepatuhan pada hukum-hukum dan perintah-perintah Tuhan dan keteguhan dalam cinta-Nya. Pada satu perjumpaan itu, mereka juga berbual sedikit tentang institusi Aturan Pentadbiran, terutamanya tentang Majlis Rohani Tempatan dan Nasional. Kita tidak perlu mempertimbangkan kandungan yang dibincangkan dalam setiap daripada lawatan seterusnya. Namun, terdapat dua persoalan yang sering dibangkitkan dalam kalangan peserta dalam siri perbualan seperti yang kita sedang bayangkan. Yang pertama ada kaitan dengan sifat perjumpaan yang diadakan oleh komuniti dan kedua ialah sumber-sumber kewangannya. Kita akan membincangkan subjek perjumpaan, terutamanya Kenduri Sembilan Belas Hari, dalam bahagian ini dan melihat pada soalan kewangan di bahagian seterusnya.

Jadi, isi-isi yang berikut akan membentuk asas bagi satu perbualan pada tema Kenduri Sembilan Belas Hari:

- Dalam komuniti Bahá'í, perjumpaan diadakan untuk beberapa tujuan--untuk berdoa, untuk belajar, untuk merayakan peristiwa khas, untuk bermusyawarah tentang hal ehwal komuniti dan berkhidmat kepada masyarakat, untuk membincangkan rancangan tindakan. Bahá'u'lláh menjanjikan yang berikut:

“Demi hidup-Ku dan Akidah-Ku! Di sekeliling mana-mana kediaman yang sahabat-sahabat Tuhan akan memasuki, dan yang darinya seruan dinaikkan oleh mereka apabila mereka memuji dan mengagungkan Tuhan, akan menyelubungi roh-roh penganut yang sejati dan semua malaikat yang terpilih.”²³

- Mendengar Kalimat Tuhan dalam perjumpaan dalam kalangan rakan-rakan membawa keriangan pada kalbu-kalbu dan memperkuat ikatan kesatuan. Bahá'u'lláh menasihati kita:

“Wajib bagi rakan-rakan di mana pun negeri mereka berada, untuk berhimpun bersama-sama dalam pertemuan, dan di dalamnya berbicara dengan arif dan kefasihan, dan untuk membaca ayat-ayat Tuhan; kerana Kalimat-Kalimat Tuhanlah yang akan menghidupkan api cinta lalu menjadikannya berkobar.”²⁴

‘Abdu’l-Bahá menulis:

“Adakan perjumpaan dan lafazkan serta nyanyikanlah Ajaran-ajaran syurgawi, agar mungkin negara itu akan diterangi dengan cahaya kebenaran dan agar bumi itu dapat, melalui pengesahan Roh Suci, menjadi bagaikan satu syurga yang indah, kerana zaman ini adalah abad Tuhan Yang Maha Agung, dan melodi kesatuan dunia kemanusiaan sedang mencapai telinga-telinga di serata Timur dan Barat.”²⁵

- Daripada semua perjumpaan Bahá'í, Kenduri Sembilan Belas Hari memerlukan perhatian yang khusus. Kalender Bahá'í mempunyai sembilan belas bulan dengan sembilan belas hari setiap bulan, dan, dalam setiap kawasan, umat Bahá'í berkumpul bersama sekali dalam sebulan untuk perjumpaan ini seperti yang ditetapkan oleh Bahá'u'lláh Sendiri:

“Sesungguhnya, diwajibkan padamu untuk menyediakan satu kenduri, sekali dalam setiap bulan, walaupun air sahaja dihidangkan; kerana Tuhan telah bertujuan untuk mengikat bersama kalbu-kalbu, meskipun melalui sarana duniawi dan syurgawi.”²⁶

- Kenduri Sembilan Belas Hari mempunyai tiga bahagian. Yang pertama ialah bahagian doa, yang mana doa-doa dilafazkan dan petikan daripada Tulisan Suci dibacakan. Yang kedua adalah bahagian pentadbiran, yang mana musyawarah tentang hal ehwal komuniti dilaksanakan. Yang ketiga ialah bahagian sosial.

- Kita boleh memperolehi seimbang pandang tentang kepentingan bahagian doa dalam Kenduri Sembilan Belas Hari daripada kata-kata ‘Abdu’l-Bahá di bawah:

“Wahai engkau hamba-hamba setia kepada Keindahan yang Purba! Dalam setiap kitaran dan dispensasi, kenduri telah digemari dan disukai, dan penyediaan meja hidangan bagi para pencinta Tuhan telah dianggap sebagai tindakan terpuji. Ini memangnya benar pada hari ini, dalam dispensasi ini yang tiada tandingan, zaman yang paling dermawan ini, apabila kenduri amat disanjungi, kerana kenduri sebenarnya dianggap antara perhimpunan sedemikian yang diadakan untuk memuja dan mengagungkan Tuhan. Di sini ayat-ayat suci, pujian dan sanjungan syurgawi dinyanyikan, dan kalbu disegarkan, dan dibawakan jauh dari dirinya.”²⁷

- Semasa bahagian pentadbiran Kenduri, rakan-rakan yang berkumpul akan mendengar laporan tentang aktiviti komuniti Bahá’í dekat dan jauh, bermusyawarah tentang hal ehwal Akidah di komuniti mereka sendiri dan pada sumbangan mereka kepada kesejahteraan masyarakat, membiasakan diri dengan bimbingan yang diterima daripada Balai Keadilan Sedunia, merenung pada kemajuan rancangan-rancangan mereka, dan memberikan cadangan kepada institusi Akidah. Musyawarah pada Kenduri Sembilan Belas Hari adalah amat penting, kerana, melalui cara ini, setiap individu dapat menyertai hal ehwal komuniti Bahá’í sedunia.
- Berkenaan bahagian sosial Kenduri, inilah masa bagi persahabatan dan memberikan layanan mesra. Muzik akan dimainkan, ceramah-ceramah memberangsangkan diberikan, dan persembahan daripada kanak-kanak. Secara singkat, pilihan teliti luahan budaya, yang bermartabat dan membawa keriangan, dapat digunakan untuk memperkaya bahagian Kenduri ini.
- Kenduri Sembilan Belas Hari adalah satu ciri yang penting dalam Aturan Pentadbiran Akidah. Ia membawa bersama aspek doa, pentadbiran, dan sosial dalam kehidupan komuniti. Semua aspek ini haruslah ditekankan secara saksama, kerana kejayaan Kenduri bergantung kepada keseimbangan yang betul antara ketiga-tiga komponen ini. Dalam satu utusan yang ditulis pada Ogos 1989, Balai Keadilan Sedunia menyatakan:

“Aturan Dunia Bahá’u’lláh mencakupi semua unit masyarakat manusia; menggabungkan proses kehidupan rohani, pentadbiran dan sosial; dan menyalurkan luahan manusia dalam bentuknya yang beraneka ke arah pembangunan satu tamadun yang baharu. Kenduri Sembilan Belas Hari mencakupi semua aspek ini pada tahap akar umbi masyarakat. Berfungsi pada peringkat kampung, bandar, kota, ia adalah satu institusi yang mana semua umat Bahá adalah ahlinya. Ia bertujuan untuk menggalakkan kesatuan, menjamin kemajuan, serta memupuk keriangan.”²⁸

- Acara yang begitu penting seperti Kenduri Sembilan Belas Hari yang begitu penting tidak akan dibuat secara tergesa-gesa. Melalui doa dan renungan, setiap individu harus menyediakan dirinya secara rohani untuk Kenduri, dan semasa acara itu, setiap orang harus menyertai dengan hati dan minda, sama ada dalam membaca semasa bahagian doa atau hanya mendengar petikan-petikan yang telah dilafazkan; sama ada dalam memberikan laporan, menerima bimbingan, atau memberikan cadangan; sama ada bertindak sebagai tuan rumah atau hanya menerima layanan mesra dengan keriahan dan keceriaan. Dalam utusan yang sama tentang Kenduri Sembilan Belas Hari, Balai Keadilan Sedunia menyatakan:

“Aspek-aspek penting dalam persediaan Kenduri termasuklah pilihan bacaan-bacaan yang sesuai, dengan menugaskan, terlebih dahulu, para pembaca yang bersuara baik, dan memberi satu perasaan berbudi bahasa dalam penyampaian dan sambutan program doa tersebut. Perhatian kepada persekitaran tempat Kenduri itu akan diadakan, sama ada dalam ataupun di luar, amat mempengaruhi pengalaman tersebut. Kebersihan, aturan tempat dalam cara yang praktikal dan dihiasi--kesemuanya memainkan peranan yang penting. Menepati masa juga adalah salah satu persediaan yang baik.

“Terutamanya, kejayaan Kenduri bergantung pada kualiti persediaan dan penyertaan individu. Master yang dikasihi menyampaikan nasihat seperti yang berikut: “Berikanlah kamu kepentingan yang tinggi kepada pertemuan-pertemuan Sembilan Belas Hari, agar dalam peristiwa ini kekasih-kekasih Tuhan dan dayang-dayang Yang Berbelas Kasihan sanggup memalingkan wajah mereka ke arah Kerajaan, nyanyikan doa-doa, memohon bantuan Tuhan, lalu tertarik pada satu sama lain dengan riang, dan tumbuh dalam kemurnian dan kesucian, dan dalam takwa kepada Tuhan, dan dalam penahanan nafsu dan keakuan. Demikianlah mereka akan mengasingkan diri mereka daripada dunia fana ini, dan menyelamkan diri mereka dalam semangat-semangat roh.”²⁹

Seperti selalu, anda sudah membaca idea-idea di atas beberapa kali dan membincangkannya dalam kumpulan anda apabila anda belajar menyampaikannya dengan selesa. Latihan yang berikut akan membantu anda memperoleh pengertian lanjut tentang kepentingan Kenduri Sembilan Belas Hari:

1. Apakah yang Bahá’u’lláh telah mengesahkan pada kita yang akan mencirikan setiap rumah yang dalamnya kita berkumpul bersama untuk memuji dan mengagungkan Tuhan? _____
2. Dalam petikan yang kedua, Bahá’u’lláh memberitahu kita bahawa, apabila kita berkumpul bersama dalam pertemuan, kita harus berbicara dengan _____

dan _____, dan untuk membaca _____; kerana Kalimat-Kalimat Tuhanlah yang akan _____ lalu _____.

3. Dalam petikan ketiga di atas, ‘Abdu’l-Bahá menasihati anda untuk mengadakan perjumpaan dan melafazkan serta menyanyikan Ajaran-ajaran syurgawi, agar
 - negara yang kita tinggal ini akan _____.
 - bumi yang kita tinggal ini akan _____
_____.
4. Berapakah bulan yang ada dalam kalendar Bahá’í? _____
5. Berapakah hari dalam setiap bulan? _____
6. Apakah perhimpunan-perhimpunan khas yang diadakan dalam kalangan umat Bahá’í sekali dalam sebulan? _____

7. Apakah tiga bahagian dalam Kenduri Sembilan Belas Hari? _____

8. Adakah bahagian dalam Kenduri Sembilan Belas Hari tersusun ikut sebarang urutan? _____
9. Apakah tujuan bahagian ibadah dalam Kenduri? _____

10. Apakah tujuan bahagian pentadbiran dalam Kenduri? _____

11. Apakah tujuan bahagian sosial dalam Kenduri? _____

12. Yang manakah topik-topik yang berikut sesuai untuk dibincangkan semasa bahagian pentadbiran dalam Kenduri?
- _____ Keperluan kewangan dalam usaha-usaha komuniti
 - _____ Bilangan jaringan pasukan bola sepak nasional
 - _____ Bagaimana menyelesaikan ketidaksepakatan antara dua ahli komuniti
 - _____ Kemajuan kelas kanak-kanak Bahá'í dalam komuniti
 - _____ Makna suatu petikan daripada Tulisan yang dipelajari salah seorang ahli komuniti pada awal minggu itu
 - _____ Semangat tinggi program belia muda dalam komuniti
 - _____ Peluang pekerjaan tempatan yang dibuka kepada orang muda
 - _____ Sokongan yang boleh diberikan oleh komuniti kepada kumpulan belia muda yang mana projek khidmat mereka telah menjadi rumit
 - _____ Lawatan kepada ibu bapa kanak-kanak dan belia muda dalam program pendidikan yang dipromosikan oleh institut
 - _____ Memperkuat sifat ibadah dalam komuniti
 - _____ Jadual filem-filem yang disiarkan di televisyen
 - _____ Pengertian yang telah diperoleh tentang memupuk satu suasana yang riang dan disiplin dalam kumpulan belajar
 - _____ Perayaan Hari Suci yang seterusnya
 - _____ Inisiatif-inisiatif tindakan sosial yang muncul daripada proses pembangunan-komuniti
13. Bincangkan soalan yang berikut dalam kumpulan anda: Mengapakah keseimbangan antara ketiga-tiga bahagian Kenduri adalah penting?
14. Sekarang bincangkan dua soalan yang berikut.
- a. Bagaimanakah anda akan menyediakan Kenduri jika anda menjadi tuan rumah?
 - b. Bagaimanakah anda akan menyediakan diri bagi Kenduri jika anda hanya menyertainya?

BAHAGIAN 13

Soalan kedua yang sering muncul dalam perbualan tentang Akidah adalah bagaimana komuniti Bahá'í memenuhi keperluan-keperluan kewangan.

- Peralatan yang komuniti Bahá'í sedang gunakan untuk menjaga keperluan kebendaan adalah Dana Bahá'í. Ia dijaga oleh institusi Akidah pada tahap yang berbeza: tempatan, nasional, benua, dan antarabangsa. Umat Bahá'í percaya bahawa mereka sendiri memikul perbelanjaan bagi usaha-usaha untuk mempromosikan Akidah mereka, dan dengan itu Dana menerima sumbangan hanya daripada ahli-ahli komuniti.
- Menyumbang kepada Dana adalah tindakan secara sukarela. Ia adalah maklumat rahsia kerana ia adalah antara individu dan institusi Akidah; nama-nama penyumbang dan jumlah yang disumbangkan tidak diumumkan. Tiada tekanan diletakkan pada ahli-ahli komuniti untuk menyumbang. Institusi membuat permohonan secara umum kepada komuniti, mengingatinya tentang kepentingan Dana, dan menitikberatkan keperluan-keperluannya. Sering kali, sebuah komuniti akan menetapkan matlamat sumbangan untuk dirinya sendiri. Tetapi jumlah tidak pernah ditetapkan bagi individu, dan kemudian wang diminta. Adalah terletak pada setiap individu untuk menentukan, berdasarkan pemahamannya tentang prinsip yang berkenaan, berapa yang dia ingin sumbangkan.
- Tamadun yang kita cuba dirikan akan menjadi tamadun yang makmur, secara kebendaan dan kerohanian. Kekayaan hanya boleh diterima jika syarat-syarat tertentu harus dipenuhi. Kita harus memperolehnya melalui kerja yang jujur. Kita harus membelanjakannya bagi kebaikan komuniti. Dan seluruh komuniti harus dirangsangkan; tidak boleh diterima jika sebilangan kecil orang yang terlalu kaya manakala majoriti sedang dalam keinginan keperluan yang paling asas dalam kehidupan. Bahá'u'lláh memberitahu kita:

“Orang-orang yang terbaik adalah mereka yang mencari nafkah melalui pekerjaan mereka dan membelanjakannya untuk diri mereka sendiri dan untuk sanak-saudara mereka demi cinta kepada Tuhan, Raja alam semesta.”³⁰

“...engkau harus menghasilkan buah-buahan yang baik dan menakjubkan, agar engkau sendiri dan orang lain mendapat manfaat daripadanya. Maka adalah diwajibkan bagi setiap orang untuk menceburi dalam pertukangan dan pekerjaan, kerana di dalamnya terletak rahsia kekayaan, Wahai manusia yang berpengertian!”³¹

Dan ‘Abdu’l-Bahá menerangkan:

“Kekayaan adalah paling terpuji, dengan syarat seluruh populasinya kaya. Namun, seandainya hanya sebilangan kecil yang memiliki kekayaan yang

terlampaui banyak sementara yang lain jatuh dalam kemiskinan, dan tiada hasil atau faedah yang berbuah daripada kekayaan tersebut, maka ia hanyalah satu bebanan kepada pemiliknya.”³²

- Untuk membina satu masyarakat yang bebas daripada ketidakadilan dan penderitaan, kita semua harus menjadi dermawan dan memberi. Walaupun sumber-sumber kewangan kita adalah sedikit, kita masih harus menyumbang sesuatu ke arah kemajuan komuniti, kerana kemakmuran sejati hanya dapat dicapai melalui sumbangan. Kedermawanan adalah satu sifat roh manusia; ia tidak ada kaitan dengan keadaan kebendaan kita. Dalam Kalimat-kalimat Tersembunyi, Bahá’u’lláh berkata:

“Memberi dan bersikap dermawan adalah sifat-sifat-Ku; beruntunglah dia yang menghiasi dirinya dengan sifat-sifat murni-Ku.”³³

- Kita harus mengingati bahawa sumber sebenar apa yang kita miliki adalah Tuhan, Yang Maha Rahmat. Dia memberikan kita sarana untuk kewujudan kita; Dia memungkinkan kemajuan kita. Dan apabila kita menyumbang kepada Dana, kita sedang membelanjakan bagi Akidah-Nya sebahagian daripada apa yang Dia telah berikan pada kita. Maka, untuk umat Bahá’í, menyumbang kepada Dana bukan hanyalah perihal kedermawanan; ia juga satu rahmat rohani dan satu tanggungjawab individu yang besar. Wali menasihati kita:

“Kita harus menjadi seperti pancutan air atau mata air yang sentiasa mengosongkan dirinya daripada semua yang dimilikinya dan sentiasa diisi semula dari sumber yang ghaib. Untuk sentiasa memberi demi kebaikan umat kita tanpa dihalang oleh rasa takut pada kemiskinan dan bergantung pada rahmat berterusan daripada Sumber segala kekayaan dan segala kebaikan — ini adalah rahsia hidup yang betul.”³⁴

Kita akan mempunyai peluang untuk mempertimbangkan beberapa idea di sini dengan lebih mendalam dalam kursus kemudian dalam urutan ini, yang mengutarakan subjek sarana kebendaan. Untuk sekarang, anda digalakkan, seperti biasa, untuk membincangkan kandungan di atas isi demi isi untuk membuat latihan yang berikut agar anda belajar meluahkan idea-idea ini secara semula jadi dan selesa:

1. Berdasarkan petikan-petikan, isikan tempat kosong dalam ayat-ayat yang berikut:
 - a. Bahá’u’lláh memberitahu kita bahawa kita harus mencari _____ melalui pekerjaan kita dan membelanjakannya untuk _____
_____ .

- b. Kita harus menghasilkan buah-buahan yang _____ dan _____, agar kita sendiri dan orang lain _____ .
- c. Setiap orang daripada kita diwajibkan untuk _____ dalam _____ dan _____, kerana di dalamnya terletak _____ .
- d. ‘Abdu’l-Bahá menjelaskan bahawa kekayaan adalah _____ , dengan syarat _____ kaya.
- e. Seandainya hanya _____ yang memiliki kekayaan yang _____ sementara yang lain _____ , dan tiada _____ atau _____ yang berbuah daripada _____ tersebut, maka ia hanyalah satu _____ kepada _____ .
- f. Bahá’u’lláh mengatakan, “ _____ dan bersikap _____ adalah sifat-sifat-Ku; beruntunglah dia yang _____ dirinya dengan _____ -Ku.”
- g. Dan Wali menggalakkan kita untuk menjadi seperti _____ atau _____ yang sentiasa _____ daripada semua yang dimilikinya dan sentiasa _____ .
- h. Untuk sentiasa _____ demi _____ umat kita _____ oleh _____ dan bergantung pada _____ — ini adalah rahsia hidup yang betul.
2. Tuliskan urutan idea yang diikuti dalam penyampaian di atas:
-
-
-
-
-

BAHAGIAN 14

Untuk memperoleh pengertian dalam jenis perbualan yang boleh mekar dalam sebuah perkampungan atau kejiran yang pesat dengan aktiviti, kita telah mengikuti usaha Alejandra, iaitu seorang pelajar universiti yang muda. Sepanjang siri lawatan-lawatan, yang berlanjut selama beberapa minggu, dia telah membincangkan bersama Encik dan Puan Sanchez tentang sebilangan tema yang, dia harapkan, dapat mendalamkan pengetahuan mereka tentang Akidah dan memperkuat komitmen mereka pada ajaran-ajaran yang mereka telah terima. Akhirnya, pada ketibaan Beatrice, iaitu cucu kepada pasangan Sanchez, kita dibolehkan untuk meneliti satu lagi jenis perbualan, yang ini antara dua belia, kedua-duanya bersemangat untuk belajar bagaimana mereka dapat berkhidmat kepada komuniti mereka. Dalam membaca cerita ini dan membuat latihan-latihannya, kita telah lihat bahawa, sebagai tambahan kepada pengetahuan yang berkembang tentang subjek-subjek yang berkaitan, beberapa sifat rohani, sikap dan kemahiran diperlukan untuk mengekalkan perbualan yang kita pertimbangkan di sini.

Dalam bahagian ini dan seterusnya dalam unit ini kita akan menerokai tema-tema yang berlainan jenis--iaitu, tema-tema yang biasanya dibincangkan semasa lawatan keluarga-keluarga para pemuda yang menyertai program pendidikan yang dipromosikan oleh institut. Seperti yang sudah dinyatakan, mengajar kelas kanak-kanak dan membimbing kumpulan belia muda sebagai seorang animator adalah tindakan khidmat yang diutarakan dalam kursus-kursus seterusnya, masing-masing dalam Buku 3 dan 5. Anda mungkin sudah atau belum lagi biasa dengan kedua-dua program ini, bergantung sama ada anda pernah menyertainya sendiri semasa usia lebih muda.

Pertama sekali, marilah kita melihat pada kandungan yang sering membentuk asas bagi perbualan yang berterusan dengan keluarga pada belia muda. Kita akan membayangkan bahawa masa sudah berlalu sejak cerita kita yang lalu dan bahawa Beatrice sedang mengkaji Buku 2. Alejandra menanya sahabatnya jika dia ingin menemaninya apabila dia melawat keluarga kepada beberapa orang belia muda yang akan memulakan sebuah kumpulan dengan bantuannya. Dia telah menerima jemputan ini dengan penuh minat.

Alejandra menerangkan kepada Beatrice apa yang dia harapkan. "Kita akan memulakan setiap lawatan," dia maklumkan Beatrice, "dengan memperkenalkan kepada ibu bapa kepada program yang anak mereka telah tunjukkan minat dan ingin menyertai serta menyebut bahawa ia adalah sebahagian daripada proses pembangunan-komuniti yang sedang dimajukan dalam kejiraninan itu. Kemudian kita akan menerokai dengan mereka beberapa konsep dan idea yang ditekankan dalam program. Ini akan menjadi siri pertama lawatan-lawatan, dan harapan kita ialah bahawa, apabila perbualan diperkembangkan kemudian, keluarga-keluarga itu bukan sahaja menyokong kumpulan ini secara aktif dalam pelbagai cara tetapi menjadi promoter bagi pemerkasaan rohani belia muda dalam komuniti."

Alejandra dan Beatrice terus membincangkan beberapa isi yang mereka rancang untuk bangkitkan dengan setiap keluarga. Mereka membuat keputusan untuk menuliskan beberapa idea yang mereka anggap penting, walau mengetahui bahawa mereka hanya akan menyentuh beberapa idea pada lawatan pertama dan akan mengutarakan selebihnya dalam perbualan yang selanjutnya. Berikut adalah beberapa isi yang mereka tuliskan tentang potensi-potensi belia muda:

- Dalam kehidupan individu, tiga tahun antara umur 12 dan 15 adalah tempoh yang amat penting –satu peringkat daripada kanak-kanak ke kematangan.
- Kita sering merujuk orang muda dalam usia ini sebagai "belia muda". Mereka bukan lagi kanak-kanak dan belum lagi mencapai usia belia sepenuhnya.
- Malangnya, terdapat satu imej yang tersebar luas tentang belia muda yang amat salah iaitu bersikap melulu, suka memberontak, keakuan dan cenderung untuk wujudkan krisis yang berterusan. Namun, kita melihat mereka dalam cara yang berbeza. Adalah benar bahawa, dalam jangka hidup yang singkat ini, kita semua mengalami perubahan yang pantas, secara fizikal, emosi, dan mental. Dan adalah benar juga yang, hasil daripadanya, kita mungkin menunjukkan sedikit sikap memberontak. Tetapi, secara realiti, ini adalah usia potensi yang hebat dan penuh janji.
- Kita sendiri pernah menjadi belia muda tidak lama dulu dan mengingati betapa kita terkesan oleh perubahan ini. Kadang-kala kita berani dan kadang-kala kita takut. Kadang-kala kita amat bersosial dan masa yang lain kita amat segan. Kita sering meluahkan keinginan untuk dibiarkan bersendirian, namun masih berharap untuk

menerima perhatian. Kita ingin memahami apa yang kita mampu buat dengan baik dan apakah bakat dan kebolehan yang kita ada. Dan adalah amat penting bagi kita bagaimana orang lain memandang kita dan apakah pendapat mereka tentang idea-idea kita.

- Apa yang penting untuk disedari ialah bahawa perlakuan sebegini hanyalah sementara. Dalam kehidupan seorang manusia, adalah sewaktu tahun-tahun ini yang kuasa-kuasa minda yang tertentu akan berkembang dengan pesat. Kita mulai mencari jawapan bagi persoalan yang penting tentang kewujudan. Kita menganalisa apa yang berlaku di sekitar kita dan banyak menyoalkan apa yang telah diajar kepada kita. Dan kita tidak lagi sanggup seperti dahulu untuk menurut apa sahaja yang diminta oleh orang dewasa, terutamanya apabila kita melihat percanggahan antara kata-kata mereka dan tindakan mereka.
- Jika orang muda akan dibimbing dalam mengaplikasikan kuasa-kuasa baharu mereka secara berhasil, adalah penting untuk mengelakkan daripada melayan mereka seperti kanak-kanak. Ini adalah bagaimana ‘Abdu’l-Bahá menggambarkan tempoh ini:

“Setelah seketika dia akan memasuki peringkat belia, yang mana keadaan-keadaan dan keperluan-keperluannya sebelum ini digantikan oleh keperluan-keperluan baharu yang sesuai dengan kemajuan peringkatnya. Fakulti-fakulti pemerhatiannya diluaskan dan didalamkan; keupayaan-keupayaan inteleknya dilatih dan dibangunkan; had-had dan persekitaran kanak-kanak tidak lagi mengehadkan tenaga dan pencapaiannya.”³⁵

- Balai Keadilan Sedunia, iaitu badan pentadbir Akidah Bahá’í, mengatakan ini tentang pendekatan yang kita harus gunakan dalam bekerja dengan belia muda:

“Sementara trend-trend global menggambarkan satu imej tentang kumpulan usia ini sebagai bermasalah, hilang dalam ambang perubahan fizikal dan emosi yang mendadak, tidak responsif dan bersifat keakuan, komuniti Bahá’í pulalah dalam bahasa yang digunakannya dan pendekatan yang ia amalkan---sedang menggerakkan dengan yakin pada arah yang bertentangan, sebaliknya dengan melihat dalam belia muda sifat altruisme, rasa keadilan yang tajam, minat untuk belajar tentang alam semesta dan satu keinginan untuk menyumbang kepada pembangunan satu dunia yang lebih baik.”³⁶

Alejandra dan Beatrice kemudian memalingkan perhatian mereka pada program pemerkasaan rohani itu sendiri dan cuba mengenal pasti beberapa daripada ciri-cirinya:

- Mereka yang berada antara umur 12 dan 15 tahun tergolong dalam sekumpulan rakan yang mana mereka dapat berkongsi pemikiran mereka, bekerja dalam projek-projek, bersukan, dan sebagainya. Atas sebab ini, program ini dibentuk sekitar konsep sebuah “kumpulan belia muda”. Setiap kumpulan dibimbing oleh seorang

“animator”, sering kali adalah seorang belia dewasa yang, sebagai seorang sahabat sejati kepada ahli-ahlinya, akan membantu mereka untuk memperkembangkan keupayaan mereka.

- Kumpulan akan bertemu secara kerap. Dalam perjumpaan mereka, belia muda belajar menerokai konsep-konsep dan untuk meluahkan idea-idea tanpa ketakutan pada pemeriksaan maupun ejekan. Mereka digalakkan untuk mendengar, bercakap, merenung, menganalisa, membuat keputusan, dan bertindak pada keputusan mereka.
- Kita hidup pada satu masa apabila terdapat banyak daya-daya negatif yang mempengaruhi cara belia muda berfikir dan berkelakuan. Para animator membantu mereka menangani daya-daya ini –bukan sahaja melindungi diri mereka daripada keruntuhan moral masyarakat tetapi untuk bekerja bagi pemberian dunia.
- Program ini berhasrat untuk membangunkan kuasa-kuasa yang terbenam dalam roh manusia, iaitu kuasa-kuasa yang mulai menjelma dirinya pada tahap yang semakin tinggi sewaktu awal keremajaan. Amat penting terutamanya adalah kuasa-kuasa pemikiran dan ekspresi. Orang-orang muda harus memperkembangkan bahasa yang diperlukan untuk menyampaikan idea-idea yang mendalam tentang dunia dan untuk menerangkan bagaimana mereka ingin melihatnya berubah.
- Belia muda berminat untuk merenung pada makna konsep-konsep yang penting bagi satu kehidupan yang bermakna. Kegembiraan, harapan, dan kecemerlangan adalah antara beberapa contoh. Malangnya orang biasanya cenderung untuk menyampaikan idea-idea ini secara cetek. Dengan memperoleh satu pemahaman yang mendalam pada konsep-konsep ini, dengan mengenal pasti bagaimana ia dijelmakan dalam kehidupan harian, boleh membantu minda-minda muda dalam membentuk satu struktur moral yang baik dan dalam menahan daya-daya negatif dalam masyarakat.
- Memahami konsep-konsep adalah penting bagi perkembangan intelek. Belia muda mungkin kadang-kala menghadapi kesukaran di sekolah kerana mereka diharapkan untuk belajar maklumat yang banyak tentang pelbagai subjek, tanpa menerima bantuan yang mencukupi untuk memahami konsep-konsep yang mendasarinya. Program ini memotivasi mereka untuk memikir secara mendalam tentang idea-idea--moral, matematik, saintifik, dan sebagainya –dan ini selalunya memperbaiki kemajuan mereka di sekolah.
- Belia muda memiliki keinginan yang besar untuk memahami sesuatu. Mereka ingin memahami sebab sesuatu itu berlaku di sekitar mereka. Untuk berjaya, mereka harus mampu melihat bukan sahaja dengan mata fizikal mereka tetapi juga dengan mata roh. Maka, salah satu tujuan program yang penting adalah peningkatan persepsi rohani: satu kebolehan untuk mengenal daya-daya rohani dan untuk mengenal pasti prinsip-prinsip rohani dalam keadaan yang dihadapi.

- Program ini mencapai pelbagai tujuan--perkembangan moral, persepsi rohani, dan kuasa ekspresi –dengan bantuan satu siri buku teks. Buku-buku teks ini mengandungi cerita-cerita ringkas tentang kehidupan orang-orang muda dari kawasan yang berbeza di dunia. Selain mengkaji buku-buku teks ini bersama, belia muda menyertai aktiviti sukan dan belajar tentang seni dan kraf.
- Dengan bantuan animator, kumpulan-kumpulan membentuk dan melaksanakan satu siri projek khidmat, yang adalah satu komponen utama program ini. Melalui projek-projek ini, belia muda belajar memikirkan tentang komuniti dan keperluan-keperluannya, bermusyawarah, dan berkolaborasi dalam kalangan mereka dan dengan orang lain dalam komuniti.
- Subjek-subjek yang terkandung dalam buku-buku teks adalah pelbagai; setiap satunya tertumpu pada satu tema penting bagi pemerkasaan rohani belia muda. Teks pertama, misalnya, mengutarakan tema “pengesahan”– bahawa Tuhan mengesahkan usaha-usaha yang kita buat untuk mencapai matlamat-matlamat mulia. Satu lagi teks adalah tentang “harapan”–bagaimana kita harus melihat dengan harapan ke arah masa depan walaupun pada masa yang paling sukar. Satu lagi menganalisa konsep “kecemerlangan”. “Keriangan” adalah satu tema cerita yang lain, sementara “kuasa kalimat” adalah subjek renungan dalam teks lain. Antara buku-buku teks yang menerokai konsep matematik, satu menerokai tabiat-tabiat sebuah minda yang teratur. Dalam bidang sains, terdapat satu teks yang menumpukan pada menjaga kesihatan diri sendiri--secara fizikal, mental, dan rohani. Dan terdapat berdozen atau lebih lagi yang akan dipelajari oleh belia muda sepanjang tiga tahun.

Alejandra dan Beatrice merancang untuk membawa beberapa buku teks bersama mereka, jikalau ibu bapa ingin melihat sepintas lalu. Jika anda tidak biasa dengan buku-buku teks ini, anda mungkin mendapatinya membantu untuk mengambil masa untuk membaca sebanyak mungkin cerita-cerita ini--ini akan membolehkan anda mengikuti perbualan yang pelbagai yang sedang mekar dalam komuniti anda. Sementara itu, anda digalakkan untuk membincangkan sepenuhnya dengan peserta yang lain dalam kumpulan belajar anda tentang idea-idea yang disampaikan di atas, yang akan diterokai dengan lebih mendalam lagi di Buku 5. Setelah mengkaji buku tersebut, jika anda membuat keputusan untuk berkhidmat sebagai seorang animator bagi sekumpulan belia muda, anda akan melawat keluarga-keluarga ahli-ahlinya secara sistematik dan menerokai idea-idea ini dan banyak lagi yang serupa bersama mereka. Tetapi sekarang juga, seperti Beatrice, anda mungkin berhasrat untuk menemani seseorang yang berpengalaman dalam beberapa lawatan ke keluarga belia muda di komuniti anda.

BAHAGIAN 15

Hari yang seterusnya, Alejandra dan Beatrice melawat rumah-rumah tiga belia muda yang akan menyertai satu kumpulan baharu yang dibentuk di kejiranannya itu. Beatrice berasa gembira untuk melihat semangat yang mana ibu bapa mereka tunjukkan dalam

perbualan tentang program pemerkasaan rohani. Para penghujung sebelah petang, dia berasa yakin bahawa dia ingin membantu Alejandra dengan kumpulan belia muda dan belajar untuk berkhidmat sebagai seorang animator dalam satu kumpulan baharu sendiri nanti, dengan harapan akan tercapai dalam setahun. Tentunya, dia sedar yang dia perlu menyiapkan beberapa buku dalam masa ini. Tetapi dia berazam untuk memajukan kajiannya pada kadar yang sama dalam pencapaiannya setakat ini.

Jadi dengan itu, bersama dengan pertolongan dan galakan yang tetap daripada Alejandra, Beatrice telah maju ke hadapan jalan khidmat. Marilah kita meneruskan ceritanya, yang selepas beberapa bulan, dia hampir menyiapkan Buku 3. Tutor kumpulan belajarnya telah meminta Maribel, iaitu seorang guru kelas kanak-kanak, untuk menjemput Beatrice dan rakan pesertanya untuk menemaninya, secara bergilir-gilir, dalam lawatan kepada ibu bapa pelajar mudanya dalam kelas Gred 1 yang baru ditubuhkan. Beatrice berasa bahawa dia telah banyak belajar daripada kajian Buku 3. Dan dia ketahui daripada Alejandra, yang telah menyebut beberapa kali, bahawa pengertian yang dia perolehi daripada buku akan meningkatkan keupayaannya untuk berkhidmat sebagai seorang animator.

Apabila mereka berkumpul, Maribel memberitahu Beatrice bahawa mereka akan melawat ibu kepada Emma. "Dia adalah seorang anak riang yang gemar belajar," Maribel berkongsi. "Saya telah melawat ibu bapanya sekali dan menerangkan pada mereka sifat kelas kanak-kanak Bahá'í. Mereka berasa gembira untuk membenarkan Emma menyertai. Ibunya meluahkan minat untuk mendengar lebih tentang kelas itu, dan saya telah janji untuk kembali dan berkongsi sedikit tentang idea-idea pendidikan yang mendasari bahan yang kita ajarkan. Saya sudah menulis beberapa nota sendiri. Jika kamu mahu, kita boleh mengimbasnya bersama dan berbincang tentangnya." Beatrice bersetuju. Inilah nota-nota yang mereka bincangkan:

- Pertama sekali, saya akan beritahu Puan Martinez betapa gembiranya saya untuk mempunyai Emma dalam kelas dan akan menyebut beberapa sifatnya yang menakjubkan.
- Nampaknya cara terbaik ialah bermula dengan perbincangan dengan membaca petikan ini daripada Tulisan Bahá'u'lláh:

"Anggaplah manusia sebagai satu lombong yang kaya dengan permata yang tak terkira nilainya. Hanya pendidikan, sendiri, dapat membongkarkan khazanahnya, dan membolehkan manusia memperoleh manfaat daripadanya."³⁷

- Saya kemudian boleh berkongsi beberapa fikiran tentang betapa pernyataan ini telah mempengaruhi saya sebagai seorang guru. Hati saya melimpah dengan keriangan, saya akan katakan, apabila saya melihat anak-anak dalam kelas dan memikirkan mereka sebagai lombong yang penuh dengan permata yang tak ternilai. Setiap satu daripada mereka mempunyai potensi untuk menonjolkan sifat-sifat syurgawi. Setiap

daripada mereka mempunyai bakat-bakat yang boleh dicari dan diperkembangkan. Setiap daripada mereka boleh membesar menjadi ahli masyarakat yang berharga dan menyumbang kepada pemberian dunia.

- Kemudian, saya mungkin harus memberikan beberapa contoh permata yang harus dijelmakan dalam setiap anak melalui pendidikan. Saya boleh menyebut tentang beberapa kuasa minda, misalnya, untuk menemui hukum-hukum alam, untuk menghasilkan kerja-kerja seni yang indah, dan untuk meluahkan pemikiran yang mulia. Saya akan terus terangkan, bahawa kanak-kanak boleh mulai memperkembangkan kuasa-kuasa ini apabila mereka menerima pendidikan yang sesuai. Tetapi, untuk ini berlaku, mereka harus memperoleh sifat-sifat yang tertentu pada usia yang muda. Contohnya, mereka harus belajar memberi perhatian, bekerja keras apabila perlu, dan untuk menumpukan perhatian pada apa yang mereka lakukan. Mereka harus membesar menjadi individu yang mengambil berat ke atas kesejahteraan orang lain dan yang ingin berkhidmat kepada komuniti. Itulah ia penting untuk menjaga perkembangan perwatakan mereka pada usia yang muda.
- Maka, sekarang tiba masa terbaik untuk menanya Puan Martinez untuk berkongsi beberapa idea tentang jenis perwatakan yang dia inginkan dalam anak perempuannya. Apakah beberapa perwatakan yang dia fikirkan penting bagi Emma?
- Antara sifat yang dia nyatakan, antaranya akan tentunya, jatuh dalam kategori sifat-sifat rohani, yang adalah subjek seterusnya yang saya akan perkenalkan. Saya akan berkata bahawa, terdapat sifat-sifat tertentu yang dimiliki seseorang yang adalah asas kepada kewujudan manusia. Ia kepunyaan roh manusia. Kita memperkembangkannya apabila kita menggilap cermin hati kita agar ia dapat memantulkan sifat-sifat Tuhan. Untuk ini kami merujuknya sebagai sifat-sifat rohani, dan pelajaran-pelajaran yang kami ajarkan dalam kelas Gred 1 menumpukan pada kebanyakan sifat-sifat ini.
- Saya rasa saya akan terus menjelaskan beberapa sifat rohani yang disampaikan dalam pelajaran Gred 1 dalam Buku 3 dan berkongsi dengannya petikan-petikan yang berkaitan. Saya akan terangkan bahawa Emma akan menghafal petikan-petikan ini dan dia mungkin boleh meminta anaknya untuk melafazkannya, serta doa-doa yang telah dipelajarinya:

– Cinta:

“Wahai Sahabat! Di taman hatimu janganlah menanam apa pun kecuali bunga mawar kasih sayang...”³⁸

– Keadilan:

“Jejakilah engkau jalan keadilan, kerana ini, sesungguhnya, adalah jalan yang lurus.”³⁹

– Kebenaran:

“Kebenaran adalah atas segala sifat baik manusia.”⁴¹

– Keriangan:

“Wahai Putera Manusia! Bergembiralah dalam keriangan hatimu, agar engkau menjadi layak untuk berjumpa dengan-Ku dan untuk mencerminkan keindahan-Ku.”⁴⁰

Maribel dan Beatrice membuat keputusan bahawa idea-idea yang disampaikan di atas adalah mencukupi bagi satu lawatan. Anda akan teruskan kajian ke Buku 3 nanti dan akan mempunyai suatu peluang untuk merenung pada beberapa prinsip yang membentuk program pendidikan rohani kanak-kanak Ruhi Institut selama enam tahun. Sebelum itu, jika terdapat peluang untuk anda melawat beberapa ibu bapa dengan seorang guru kelas kanak-kanak, idea-idea yang dinyatakan di atas akan terbukti membantu, dan anda harus membincangkannya isi demi isi dengan ahli kumpulan belajar anda.

BAHAGIAN 16

Sebelum ini, kita telah membaca kata-kata ‘Abdu’l-Bahá: “Lebih kukuh ikatan persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan manusia, maka akan lebih hebatlah kuasa pembangunan dan pencapaian dalam semua bidang aktiviti manusia.” Balai Keadilan Sedunia memberitahu kita bahawa, dalam melawat rumah-rumah dan memberikan jemputan ke rumah kita, kita “sedang memperkuuh ikatan persaudaraan rohani yang memupuk satu rasa berkomuniti.” Maka, kita tidak harus memandang remeh kesan amalan ini pada budaya komuniti kita yang berkembang.

Dalam bahagian-bahagian yang lalu kita telah melihat pada beberapa perbualan istimewa yang boleh berlaku semasa lawatan yang kita buat ke rumah orang lain. Kita semua, apabila kita menjalani jalan khidmat, akan menyertai satu perbualan yang semakin berkembang dalam kampung kita, pekan atau kejiranannya tentang amalan ajaran-ajaran Bahá’u’lláh dalam kehidupan individu dan kolektif kita. Kadang-kala ini akan mekar dalam satu siri lawatan formal yang diatur untuk membolehkan bilangan yang semakin ramai untuk mendalamkan pengetahuan mereka tentang ajaran-ajaran ini. Pada beberapa situasi lain, program pendidikan institut, tujuan dan kandungannya, akan menjadi subjek perbincangan. Jemputan untuk terlibat dalam proses pembangunan-komuniti akan diluaskan ke lebih banyak kejiranannya dan rakan-rakan. Lalu, apabila anda melihat ke masa depan dan kepada jalan khidmat yang dibentangkan di hadapan anda, anda harus melakukan sedaya upaya untuk mempelajari kandungan yang disampaikan dalam unit ini dengan baik, memperoleh pengalaman berbual tentang setiap tema, dan tentunya, terus mendalamkan pengetahuan anda sendiri dalam ajaran-ajaran Bahá’u’lláh. Maka keriangan yang tak terhingga daripada berkongsi Kalimat Tuhan dengan orang lain akan menjadi milik anda.

RUJUKAN

1. Bahá'u'lláh, *The Hidden Words* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2003, 2012 printing), Arabic no. 4, p. 4.
2. Bahá'u'lláh, in *Bahá'í Prayers: A Selection of Prayers Revealed by Bahá'u'lláh, the Báb, and 'Abdu'l-Bahá* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2002, 2017 printing), p. 4.
3. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1983, 2017 printing), IV, par. 1, p. 5.
4. *Ibid.*, V, par. 2, pp. 6–7.
5. 'Abdu'l-Bahá, in *Bahá'í Prayers*, p. 81.
6. *Ibid.*, p. 111.
7. *Ibid.*
8. From a talk given on 16 August 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace: Talks Delivered by 'Abdu'l-Bahá during His Visit to the United States and Canada in 1912* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2012), par. 23, p. 364.
9. 'Abdu'l-Bahá, in *Bahá'í Prayers*, p. 130.
10. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, XLV, par. 1, pp. 111–12.
11. 'Abdu'l-Bahá, cited by Shoghi Effendi, *The World Order of Bahá'u'lláh: Selected Letters* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1991, 2012 printing), p. 139.
12. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, V, par. 5, p. 8.
13. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 5 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 4, p. 128.
14. From a talk given on 21 October 1911, published in *Paris Talks: Addresses Given by 'Abdu'l-Bahá in 1911* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2006, 2016 printing), no. 6.7–8, p. 22.
15. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXLVI, par. 1, p. 357.
16. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 5 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 4, p. 128.
17. *The Hidden Words*, Persian no. 44, p. 37.
18. *Ibid.*, Persian no. 66, p. 45.
19. From a Tablet of 'Abdu'l-Bahá. (authorized translation)
20. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 25 September 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 2, pp. 478–79.

21. Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2010, 2015 printing), no. 43.1, p. 125.
22. Ibid., no. 207.3, p. 360.
23. Bahá’u’lláh, in Bahá’í Meetings: Extracts from the Writings of Bahá’u’lláh, ‘Abdu’l-Bahá, and Shoghi Effendi, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1976, 1980 printing), p. 3.
24. Ibid.
25. Tablets of Abdul-Baha Abbas (New York: Bahá’í Publishing Committee, 1916, 1930 printing), vol. 3, p. 631. (authorized translation)
26. Bahá’u’lláh, in The Kitáb-i-Aqdas: The Most Holy Book (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1993, 2013 printing), par. 57, p. 41.
27. Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá, no. 48.1, p. 130.
28. From a letter dated 27 August 1989, published in Messages from the Universal House of Justice, 1986–2001: The Fourth Epoch of the Formative Age (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2010), no. 69.2, pp. 132–33.
29. Ibid., no. 69.9–10, p. 135.
30. The Hidden Words, Persian no. 82, p. 51.
31. Ibid., Persian no. 80, p. 51.
32. ‘Abdu’l-Bahá, The Secret of Divine Civilization (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2007, 2016 printing), par. 46, p. 33.
33. The Hidden Words, Persian no. 49, p. 39.
34. Shoghi Effendi, cited in Bahá’í News, no. 13 (September 1926), p. 1.
35. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 17 November 1912, published in The Promulgation of Universal Peace, par. 3, p. 617.
36. From a message dated 21 April 2010, published in Framework for Action: Selected Messages of the Universal House of Justice and Supplementary Material, 2006–2016 (West Palm Beach: Palabra Publications, 2017), no. 14.16, p. 82.
37. Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh, CXXII, par. 1, p. 294.
38. The Hidden Words, Persian no. 3, p. 23.
39. Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh, CXVIII, par. 1, p. 283.
40. ‘Abdu’l-Bahá, cited by Shoghi Effendi, The Advent of Divine Justice (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2006, 2018 printing), par. 40, p. 39.
41. The Hidden Words, Arabic no. 36, p. 12.